

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**PELAKSANAAN KURIKULUM 2013 DI SEKOLAH MENENGAH
KEJURUAN NEGERI 3 (SMKN 3) KOTA BANDA ACEH**



**IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2018**



Awang Had Salleh
Graduate School
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

FADHILAH RAZALI

calon untuk Ijazah _____
(candidate for the degree of)

PhD

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

"PELAKSANAAN KURIKULUM 2013 DI SEKOLAH MENENGAH KEJURUAN NEGERI 3 (SMKN 3)
KOTA BANDA ACEH"

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : 02 Februari 2017.

That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:
February 02, 2017.

Pengarusi Viva:
(Chairman for VIVA)

Assoc. Prof. Dr. Mohd Hasani Dali

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar:
(External Examiner)

Prof. Emeritus Dr. Othman Lebar

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam:
(Internal Examiner)

Assoc. Prof. Dr. Ruzlan Md Ali

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penya: Prof. Dr. Nurahimah Mohd Yusoff
(Name of Supervisor/Supervisors)

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penya: Dr. Rafisah Osman
(Name of Supervisor/Supervisors)


Tandatangan
(Signature)

Tarikh:
(Date) February 02, 2017

Kebenaran Mengguna

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan pengijazahan Doktor Falsafah Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah. Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan Universiti Utara Malaysia mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya bersetuju bahawa sebahagian bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran penyelia-penyelia projek penyelidikan ini atau Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences Universiti Utara Malaysia. Sebarang bentuk salinan dan catatan bagi tujuan komersil adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Adalah dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang kegunaan kesarjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis ini.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau menggunakan tesis ini sama ada keseluruhan atau sebahagian daripadanya hendaklah dipohon kepada:



Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences
UUM College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Abstrak

Kajian ini berdasarkan isu Kurikulum 2013 yang merupakan salah satu perubahan kurikulum. Namun, dalam kurikulum tersebut terdapat beberapa kelemahan yang perlu diambil perhatian seperti faktor latihan, sumber, kemudahan dan sokongan masa. Selain itu kemampuan guru juga adalah terhad dalam pelaksanaan kurikulum secara berkesan. Oleh itu, pelaksanaan kurikulum memerlukan kefahaman guru. Guru yang tidak mempunyai kefahaman akan mengalami kesukaran dalam melaksanakan kurikulum ini. Oleh kerana itu, Kurikulum 2013 yang diakui milik bersama merupakan kurikulum yang bersifat peniruan kerana ia hanya mencontohi sekolah lain yang sudah melaksanakan kurikulum tersebut. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka kefahaman guru dalam menerapkan Kurikulum 2013 yang biasa disebut K13. Kefahaman guru merangka Rencana Pelaksanaan Pembelajaran (RPP), model pembelajaran, media pembelajaran dan modul pembelajaran. Kajian kualitatif berdasarkan pendekatan kajian kes digunakan sebagai reka bentuk kajian. Peserta kajian merupakan guru di Sekolah Menengah Kejuruan Negeri 3 (SMKN 3) Kota Banda Aceh. Dengan menggunakan kajian kualitatif, pengkaji dapat mengenal pasti kefahaman guru SMKN 3 Kota Banda Aceh dalam melaksanakan kurikulum 2013. Kaedah persampelan bertujuan yang terdiri daripada pengetua dan guru SMKN 3 Kota Banda Aceh digunakan. Cara pengkaji mengumpulkan data adalah melalui temu bual, pemerhatian peserta kajian dan analisis dokumen dijalankan secara menganalisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa guru belum mempunyai kefahaman yang luas tentang Kurikulum 2013 menyebabkan mereka sukar melaksanakannya. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa guru sukar merangka RPP, menggunakan model pembelajaran, menggunakan media pembelajaran dan merangka modul pembelajaran. Oleh itu, dalam usaha untuk meningkatkan kefahaman dalam pelaksanaan Kurikulum 2013, sokongan pelaksanaan Kurikulum 2013 dari guru sendiri merupakan faktor penentu untuk memberikan sumbangan dalam kejayaan pelaksanaan Kurikulum 2013. Dalam membuat RPP guru dapat memperhatikan prinsip dalam membangunkan RPP, model pembelajaran yang bervariasi, media pembelajaran dan mereka bentuk modul. Selain itu, pengetua sekolah diharapkan dapat berhubung baik secara vertikal atau horizontal dengan Pusat pendidikan kota, daerah dan jabatan untuk mendapatkan peluang dalam menyelenggara latihan untuk semua guru SMKN 3 Kota Banda Aceh.

Katakunci: Kurikulum 2013, Rencana Pelaksanaan Pembelajaran, Model Pembelajaran, Media Pembelajaran, Modul Pembelajaran.

Abstract

This study is based on the issue of Curriculum 2013 which is one of the curriculum changes. Nevertheless, there are weaknesses in the curriculum that need to be deliberated. Besides, the ability of teachers is also restricted in the effective implementation of the curriculum. Therefore, the implementation of the curriculum requires teachers' understanding. Teachers who do not have the understanding will encounter difficulties in implementing this curriculum. Hence, Curriculum 2013 that is recognized as co-owned is a curriculum of imitation from other schools that have implemented it. The objective of this study is to assess the level of understanding of teachers in implementing Curriculum 2013 that is called K13 which involves teachers' understanding in formulating lesson plans (RPP), learning models, learning media and learning module. A qualitative study based on a case study approach was used as the design of the present study. Study participants were teachers at the vocational school (SMKN) 3 in Banda Aceh. By using a qualitative method, the researcher was able to identify the level of understanding of the teachers in SMK 3 Banda Aceh in implementing Curriculum 2013. Purposive sampling consisting of principals and teachers of SMK 3 Banda Aceh was used. The researcher collected data through interviews, participant observation, and analysis of documents which is done through content analysis. The study found that teachers do not have a comprehensive understanding of the Curriculum 2013 that hinders them from implementing it. The findings showed that teachers had difficulty in designing lesson plans, using the model, using the medium of learning and developing learning modules. Therefore, in order to increase understanding of the implementation of Curriculum 2013, the support in implementing Curriculum 2013 is a decisive factor contributing to the successful implementation of Curriculum 2013. In constructing the lesson plans, teachers can pay attention to the principles in building the RPP, using a variety of learning models, learning media and the design of the module. In addition, the school principal is expected to have a good rapport with the various education departments be it in the city and central level so that opportunities are given to render training for all the teachers in SMK 3 Banda Aceh.

Keywords: Curriculum 2013, Lesson Planning, Learning Models, Learning Media, Learning Modules

Penghargaan

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Penyayang.

Segala puji bagi Allah SWT, yang memberi rahmat kepada kita tiada henti-hentinya, semoga kita bersyukur kepada-Nya. Selawat dan salam ke atas junjungan yang mulia, Nabi Muhammad SAW. Syukur kehadirat Ilahi dengan rahmat dan keizinan-Nya pula dapat menyelesaikan tesis ini sehingga dapat menjadi tulisan ilmiah yang dapat berguna dalam pengembangan ilmu pengetahuan selanjutnya.

Setinggi penghargaan dan terimakasih saya ditujukan kepada penyelia utama Profesor Dr. Nurahimah Mohd Yusoff dan penyelia kedua Dr. Rafisah Binti Osman di atas ketekunan berkongsi ilmu dan pengalaman, kesabaran memberi bimbingan dan tunjuk ajar serta keikhlasan memberi nasihat, teguran dan motivasi kepada penulis pada awal-awal penulisan tesis ini.

Ucapan terima kasih ditujukan kepada: Rektor Universitas Syiah Kuala Banda Aceh beserta jajarannya, kolega saya di FKIP Unsyiah yang memberikan dukungan baik materiil mahupun spirituul sehingga saya boleh menyelesaikan kajian ijazah Doktor Falsafah (PhD).

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada: seluruh Kepala Dinas Pendidikan Kota Banda Aceh yang telah memberi peluang dan ruang untuk penyelidik yang saya jalankan untuk memperoleh data dalam rangka melanjutkan pengajian di peringkat ijazah Doktor Falsafah ini. Ucapan terima kasih juga kepada guru-guru yang menjadi peserta kajian.

Teristimewa penghormatan dan bakti saya kepada allahyarham ayahanda dan ibunda tercinta yang telah mendidik, mengasuh, berkorban dan berdoa dengan keikhlasan untuk kejayaan anaknya. Persembahan hormat saya haturkan kepada allahyarham ayah mentua dan ibu mentua. Semua saudara kakak dan adik, dan teman sejawat yang senantiasa memberikan sumbangan barokah doa dan fatehahnya.

Suami saya yang tersayang, berserta anak-anak dan menantu tercinta sungguh besar pengorbananmu, dorongan, doa yang tidak pernah putus dan bantuan yang telah suami berikan selama ini. Sungguh terlalu lama saya tidak dapat sepenuhnya bersenda gurau, berkasih sayang denganmu, namun engkau tetap dalam ketabahan, sabar dan keikhlasan yang amat sangat demi tercapainya kejayaan saya dalam pendidikan diperingkat ijazah Doktor Falsafah ini. Semoga pengorbanan, keikhlasan dan kesabaran yang telah diberikan suamiku juga hasil yang telah saya peroleh mendapat redha Allah S.W.T. Semoga menjadi suatu ibadah dan amal jariah. Amin.



Isi Kandungan

Kebenaran Mengguna	i
Abstrak	ii
Abstract	iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	vi
Senarai Jadual.....	x
Senarai Rajah	xi
Senarai Lampiran	xii
Senarai Istilah.....	xiii
Senarai Nama Singkatan	xiv
BAB SATU PENGENALAN.....	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah.....	12
1.3 Objektif Kajian.....	17
1.4 Soalan Kajian	18
1.5 Kerangka Kajian.....	18
1.6 Profil SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh.....	19
1.6.1 Tujuan SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh	21
1.6.2 Visi dan Misi SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh.....	22
1.7 Kepentingan Kajian.....	23
1.7.1 Akademik	24
1.7.2 Praktik	25
1.7.3 Kepentingan Teori	25
1.8 Definisi Konsep.....	26
1.8.1 Pelaksanaan Kurikulum	26
1.8.2 Kurikulum 2013	29
1.8.3 Kefahaman guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013	32
1.9 Rumusan.....	37

BAB DUA KAJIAN LITERATUR.....	38
2.1 Pengenalan	38
2.2 Kerangka Teori.....	39
2.3 Kurikulum di Indonesia.....	43
2.3.1 Kurikulum 2013	49
2.3.2 Tujuan Kurikulum 2013.....	50
2.3.3 Platform Pembangunan Kurikulum Sekolah Menengah Vokasional	50
2.3.4 Prinsip pembangunan kurikulum yang diamanahkan BSNP	53
2.3.5 Komponen Program dalam Kurikulum 2013.....	56
2.4 Kefahaman Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum 2013	58
2.4.1 Proses Pelaksanaan Kurikulum 2013	65
2.4.2 Kefahaman Guru Dalam Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP).....	70
2.4.3 Kefahaman Guru Dalam Menggunakan Model Pembelajaran	74
2.4.4 Kefahaman Guru Dalam Menggunakan Media Pembelajaran	79
2.4.5 Kefahaman Guru Dalam Menyediakan Modul Pembelajaran	84
2.5 Rumusan.....	88
BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN	90
3.1 Pengenalan	90
3.2 Tempat dan Fokus Kajian	90
3.2.1 Tempat Kajian.....	90
3.2.2 Fokus Kajian	91
3.3 Reka Bentuk Kajian	93
3.4 Rancangan Kajian	98
3.5 Peserta Kajian.....	99
3.6 Data dan Instrumen Kajian	100
3.6.1 Kefahaman guru dalam proses pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh.....	101
3.6.2 Kefahaman guru dalam membuat rancangan pelaksanaan pembelajaran	101
3.6.3 Kefahaman guru dalam penggunaan model pembelajaran	102
3.6.4 Kefahaman guru dalam penggunaan media pembelajaran	102

3.6.5 Kefahaman guru dalam membuat modul pembelajaran	102
3.7 Analisis Data	104
3.8 Prosedur Memungut Data	106
3.9 Prosedur Menganalisis Data.....	111
3.10 Kesahan dan Kebolehpercayaan	113
3.10.1 Kesahan Panduan Temu Bual	113
3.10.2 Kesahan Data Kajian.....	114
3.11 Rumusan.....	115
BAB EMPAT DAPATAN KAJIAN	117
4.1 Pengenalan	117
4.2 Profil peserta kajian.....	118
4.3 Proses Pelaksanaan Kurikulum 2013 di Sekolah Menengah Kejuruan Negeri 3 (SMKN 3) Kota Banda Aceh	119
4.3.1 Kurikulum 2013 di SMKN 3 Kota Banda Aceh	120
4.3.2 Faktor yang mempengaruhi pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh.....	123
4.4 Kefahaman guru dalam membuat Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) di SMKN 3 Kota Banda Aceh	127
4.4.1 Prinsip-prinsip yang harus diperhatikan dalam membangun RPP	127
4.4.2 Perkara yang perlu diberi keutamaan dalam mengembangkan Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran.....	131
4.5 Kefahaman guru dalam menggunakan model-model pembelajaran di SMKN 3 Kota Banda Aceh	135
4.5.1 Tujuan menggunakan model pembelajaran	135
4.5.2 Model pembelajaran yang boleh digunakan berkaitan dengan pembelajaran PAKEM	138
4.6 Kefahaman guru dalam menggunakan media pembelajaran di SMKN 3 Kota Banda Aceh	144
4.6.1 Manfaat menggunakan media pembelajaran.....	144
4.6.2 Faktor-faktor kefahaman guru dalam menerapkan media pembelajaran.	147

4.7 Kefahaman guru dalam menyediakan modul pembelajaran di SMKN 3 Kota Banda Aceh	154
4.7.1 Tahap-tahap penulisan modul	154
4.7.2 Ciri-ciri yang dapat diperhatikan dalam mereka bentuk sebuah modul... ...	159
4.8 Rumusan.....	167
BAB LIMA PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN.....	169
5.1 Pengenalan	169
5.2 Perbincangan	171
5.2.1 Proses pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh.	172
.....
5.2.2 Kefahaman guru dalam membuat Rencana Pelaksanaan Pembelajaran..	176
5.2.3 Kefahaman guru dalam menggunakan model pembelajaran	179
5.2.4 Kefahaman guru dalam menggunakan media pembelajaran	183
5.2.5 Kefahaman guru dalam menulis modul pembelajaran.....	187
5.3 Kesimpulan	190
5.3.1 Proses pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh	190
.....
5.3.2 Kefahaman guru dalam membuat Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran	191
.....
5.3.3 Kefahaman guru dalam menggunakan model pembelajaran	193
5.3.4 Kefahaman guru dalam menggunakan media pembelajaran	195
5.3.5 Kefahaman guru dalam menyediakan modul pembelajaran	196
5.4 Cadangan.....	198
5.4.1 Cadangan kepada guru	198
5.4.2 Cadangan kepada pengetua sekolah.....	200
5.4.3 Cadangan kepada pengawas sekolah	202
5.4.4 Cadangan kepada sekolah	203
5.4.5 Cadangan kepada kerajaan.....	204
5.4.6 Cadangan kajian yang akan datang.....	205
5.5 Ringkasan.....	206
RUJUKAN	207

Senarai Jadual

Jadual 3.1 Data jumlah guru SMK Negeri 3 Banda Aceh91

Jadual 4.1 Senarai peserta kajian dari empat jurusan SMKN 3 Kota Banda Aceh.119



Senarai Rajah

Rajah 1.1 Kefahaman guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013.....	19
Rajah 3.1 Fasa pengumpulan data.....	97
Rajah 3.2 Panduan Temual Bual	103



Senarai Lampiran

Lampiran A Soalan temu bual.....	218
Lampiran B Transkrip temu bual	219
Lampiran C Contoh Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran	225
Lampiran D Keikutsertaan Penyelidik dalam International Conference	231
Lampiran E Surat dari Assistant Registrar Universitas Utara Malaysia (UUM) Nomor UUM/CAS/AHSGS/93056, Tanggal 18 Desember 2013	233
Lampiran F Surat Izin Penelitian an. Kepala Dinas Pendidikan Pemuda dan Olah Raga Kota Banda Aceh. Kabid Pendidikan Menengah, Nomor: 074/A3/9233.....	235
Lampiran G Surat telah melakukan penelitian dari Kepala SMK Negeri 3 Banda Aceh, Nomor: 802/526/SMK/3/2014	235
Lampiran H Surat Akuan Kesahan Panduan Temu Bual.....	233



Senarai Istilah

Tataboga	Kulineri dan masakan
Tatabusana	Tatabusana

Senarai Nama Singkatan

SMK	Sekolah Menengah Kejuruan
RPP	Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran
KBM	Kegiatan Belajar Mengajar
SMP	Sekolah Menengah Pertama
SLTP	Sekolah Lanjutan Pertama
SMA	Sekolah Menengah Atas
SMU	Sekolah Menengah Umum
IPA	Ilmu Pengetahuan Alam
IPS	Ilmu Pengetahuan Sosial
KBK	Kurikulum Berbasis Kompetensi
KTSP	Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan
BNSP	Badan Standard Nasional Pendidikan
DEPDIKNAS	Jabatan Pendidikan Nasional
IPTEKS	Ilmu Pengetahuan, Teknologi, dan Seni
MGMP	Musyawarah Guru Mata Pelajaran
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Kurikulum merupakan elemen penting dalam pedagogi pendidikan yang berfungsi untuk merancang dan meningkatkan mutu pendidikan sesebuah negara. Kurikulum akan menjadi lebih bermakna apabila dapat dilaksanakan secara terancang mengikut acuan yang ditetapkan. Hal ini menunjukkan bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 merupakan fokus penting dalam membentuk dimensi baharu acuan pembelajaran. Oleh itu, semua perancangan yang dilaksanakan oleh guru mestilah berdasarkan kepada standard kurikulum yang telah disediakan oleh pihak yang berwajib. Bagi melestarikan agenda yang dirancang, Siraj (2008) menjelaskan bahawa kurikulum merupakan satu pengalaman pendidikan yang diperoleh pelajar bagi mencapai tujuan dalam suatu pengajaran.

Proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru merupakan sistem pendidikan yang bersifat rasmi (*formal*). Dalam usaha mencapai pendidikan yang berkualiti, guru perlu memahami dan merancang aktiviti yang dilaksanakan di dalam kelas dengan berpandukan kurikulum yang telah ditetapkan. Kurikulum merupakan panduan umum dalam merancang aktiviti serta melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran secara berkesan. Jelasnya, kurikulum ialah satu set aktiviti pembelajaran yang bersifat praktikal, berkesan dan produktif dalam membentuk pelbagai pengetahuan dan kemahiran (Kelly, 2004).

Kurikulum merupakan ukuran perancangan yang penting bagi mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Hal itu menunjukkan bahawa

kurikulum yang holistik merupakan kurikulum yang sesuai dengan tujuan dan dapat dilaksanakan oleh guru. Bagi mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, guru perlu mahir memanipulasi sumber yang ada. Oleh itu, guru memainkan peranan yang penting dalam menterjemah pelaksanaan kurikulum. Justeru mereka perlu memiliki standard pengajaran berdasarkan dokumen kurikulum yang dirancang (Au, 2011).

Pendekatan kurikulum harus disesuaikan dengan tujuan pendidikan yang bersifat umum atau khusus dalam membangunkan proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, kurikulum merupakan standard penting dalam pendidikan sekolah masa kini (Oliva & Gordon, 2013). Kurikulum juga berfungsi sebagai peraturan atau dokumen yang disusun berdasarkan peringkat agar mudah diterapkan di dalam kelas. Berdasarkan standard kurikulum, kemampuan guru diuji dalam bentuk amali di dalam kelas. Hakikatnya, pengajaran guru bergantung kepada kefahamannya sebagai pelaksana kurikulum. Menurut Kunandar (2007), pelaksanaan kurikulum menjadi efektif apabila guru berkemahiran tinggi dalam perkara yang diajar, memahami keperluan pelajar, berkeupayaan menggunakan kaedah yang pelbagai, serta mengikuti perkembangan mutakhir.

Guru adalah agen penting dalam melaksanakan kurikulum (Oliva & Gordon, 2013). Sebagai pemangkin kurikulum, guru merancang dan melaksana kurikulum serta menyelesaikan masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat pelbagai kekangan dan halangan yang harus dihadapi oleh guru pada abad ke- 21. Antara kekangan dan halangan yang akan ditempuhi ialah proses pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan teknologi, kemampuan pelajar menjadi asas

penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran, pengajaran dengan menggunakan pelbagai pilihan dan kemudahan, pengajaran dan akauntabiliti, pelajar lebih aktif, pengajaran lebih praktikal dan pengajaran secara amali untuk terus hidup dan bergaul dengan masyarakat dalam berbagai budaya (Arends, 2008).

Dalam menyelesaikan kekangan dan halangan, guru harus melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara terancang berdasarkan kesesuaian persekitaran pelajar supaya perancangan kurikulum menjadi lebih berkesan. Guru perlu menguasai kandungan kurikulum secara meluas dalam melaksanakannya secara teori maupun praktikal. Kustijono (2014) menyatakan bahawa salah satu tujuan kurikulum ialah untuk menjadikan seorang guru dan pelajar berfikir secara kreatif dalam mencipta inovasi baharu.

Machali (2014) menegaskan bahawa pelaksanaan kurikulum merupakan semua pengalaman yang diharapkan dikuasai pelajar di bawah bimbingan para guru. Seharusnya, pelaksanaan kurikulum merupakan proses untuk mengubah tingkah laku berkembang menjadi lebih baik. Dapat dijelaskan bahawa kurikulum merupakan manifestasi utama dalam menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran bersifat holistik.

Setiap pelaksanaan kurikulum haruslah berdasarkan elemen asas dalam kurikulum. Print (1993) menyatakan bahawa terdapat tiga elemen penting dalam pembentukan dan pelaksanaan kurikulum. Antara elemen tersebut ialah falsafah yang menjelaskan kurikulum, sosiologi untuk mengetahui pembentukan kurikulum berdasarkan keadaan sosial dan psikologi untuk menganalisis perilaku manusia

seperti memerhati dan meramalkan apa yang akan dilakukan oleh manusia serta menjelaskan secara mendalam tentang perilaku manusia.

Pelaksanaan kurikulum mestilah berpandukan kepada kandungan dan standard kurikulum. Kustijono (2014) menegaskan kurikulum sebagai standard kompetensi, standard kandungan, semua mata pelajaran harus mempunyai kaitan dengan pembentukan sikap, keterampilan dan pengetahuan pelajar, mata pelajaran diikat oleh kompetensi kandungan dan keselarasan kompetensi kandungan, proses pembelajaran dan penilaian. Menurut Machali (2014) kurikulum terdiri dari tiga asas pengembangan seperti kurikulum sebagai rancangan, kurikulum sebagai kandungan dan bagaimana kurikulum dipraktikkan.

Dalam melaksanakan kurikulum, sekolah perlu merancang dan menyusun silibus serta menyediakan program pengajaran. Dalam proses penyusunan silibus, guru mempunyai autoriti untuk mengembangkan proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan silibus yang dibekalkan. Para guru mempunyai kefahaman dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran serta penerapan kurikulum bersesuaian dengan keadaan pelajar (Merymaswarita, 2009). Rusman (2009) menyatakan bahawa terdapat tiga kefahaman yang harus dimiliki oleh guru melalui kefahaman terhadap tujuan, kefahaman dalam menterjemahkan tujuan kepada yang lebih khusus dan kefahaman menterjemahkan tujuan khas kepada tujuan pembelajaran.

Bagi meningkatkan minat pelajar untuk terus belajar, guru perlu merancang dan mengurus pengajaran dan pembelajaran secara berkesan. Oleh itu, guru bertanggungjawab sebagai pengelola pembelajaran dalam mewujudkan suasana

pembelajaran yang kondusif dari aspek sosial dan psikologi. Melalui aspek sosial, hubungan antara guru dan pelajar, guru dengan guru dan guru dengan pengurusan sekolah perlu saling memahami dalam membina persekitaran yang kondusif. Sedangkan hubungan psikologi ditunjukkan dengan adanya kepercayaan dan saling menghormati. Suasana ini, membolehkan para pelajar untuk berkembang secara optimum, terbuka dan demokratik.

Kurikulum 2013 yang dilaksanakan di Indonesia merupakan perubahan kurikulum yang lama iaitu “Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan”. Dari segi operasional, guru merupakan pelaksana kurikulum di jabatan pendidikan sehingga disesuaikan dengan keadaan masing-masing di setiap daerah. Perubahan kepada kurikulum 2013 diharapkan dapat meningkatkan kualiti pendidikan di Indonesia. Perkara ini penting serta selari dengan sasaran pencapaian *Millenium Development Goals 2015*.

Di Malaysia, perubahan kurikulum dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan dan disebarluaskan kepada semua sekolah. Perubahan kurikulum adalah suatu inovasi (Kementerian Pendidikan dan UNESCO, 1988; SEAMEO RECSAM, 1983; SEAMEO RECSAM, 1973). Perubahan merupakan suatu multidimensi yang melibatkan tiga komponen asas. Fullan (1991) menyatakan penggunaan bahan kurikulum disemak semula, diperbaharui atau berteknologi, menggunakan pendekatan baharu dan pengubahsuaihan dengan amanah.

Dembo dan Gibson (1985) merumuskan bahawa persepsi guru terhadap inovasi mempengaruhi komitmennya untuk melaksanakan sesuatu inovasi di bilik darjah. Persepsi juga mempengaruhi sikap dan tingkah laku guru dalam proses pengajaran

dan pembelajaran. Seterusnya, Akinyemi (1986) membentangkan bahawa penglibatan dan penggunaan teknologi dalam perubahan kurikulum mewujudkan perasaan bimbang dan ketakutan yang dipanggil dengan *technophobia*. Akinyemi mendapati bahawa *technophobia* dalam kalangan guru sekolah di Nigeria disebabkan tiga faktor iaitu ketakutan kepada teknologi media, ketakutan kepada alatan elektronik dan kebimbangan kepada media yang mengambil peranan guru. Oleh itu, dalam profesi pendidikan, guru tidak dapat mengelak daripada bebanan kerja yang semakin bertambah dan boleh mempengaruhi kehidupan seorang guru.

Kajian Haris (2011) mendapati bahawa pengajaran dan pembelajaran kurikulum berdasarkan teknologi, Technological Pedagogical Content Knowlege (TPACK), sukar untuk dilaksanakan bagi guru yang telah berumur. Namun, bergantung juga kepada pengetahuan dan kemahiran guru untuk menggunakan teknologi semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Hakikatnya, dalam struktur dunia pendidikan di Indonesia telah berlaku beberapa kali perubahan kurikulum, iaitu kurikulum 1968, kurikulum 1984, kurikulum 1994, kurikulum 2004 atau kurikulum berasaskan kompetensi, walaupun kurikulum ini belum sempat diluluskan oleh pihak kerajaan, tetapi telah dilaksanakan di beberapa sekolah rintis (Kunandar, 2007).

Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui Permen Diknas Nomor 22 tentang standard kandungan, undang-undang Nomor 23 tentang standard kompetensi pelajar, peraturan Nomor 24 tentang pelaksanaan kedua-dua undang-undang tersebut, di Indonesia pemahaman masyarakat terhadap kurikulum saling berubah disebabkan pertukaran menteri pendidikan. Kesan itu dapat dilihat apabila berlakunya perubahan tumpuk pimpinan

politik. Maka, pada tahun 2013, berlaku lagi perubahan kurikulum di Indonesia yang dinamakan Kurikulum 2013.

Perubahan kurikulum dilihat sesuatu yang dominan dan menjadi kebiasaan serta seiring dengan perkembangan teknologi. Melalui kurikulum baharu, guru dituntut melaksanakan matlamat kurikulum melalui proses pengajaran dan pembelajaran dengan sempurna. Jamil (1993) berpendapat di negara Brunei Darussalam, guru-guru masih belum dapat melaksanakan perubahan kurikulum dengan sempurna seperti yang dikehendaki oleh dasar pelaksanaan kurikulum baharu. Peranan guru sebagai pelaksana perlu mengetahui pelbagai metod dalam melaksanakan kurikulum seperti mengikuti latihan, bengkel pengajaran, menguasai media pembelajaran dan mampu membuat penilaian. Perkara ini penting kerana guru sebagai pelaksana kurikulum dapat meningkatkan kualiti sesebuah sekolah.

Seorang guru yang selalu menggunakan kurikulum sebagai panduan perlu memahami panduan tersebut. Menurut Zeichner (2012) menyatakan bahawa guru mempunyai peranan yang utama dalam satu pembelajaran. Peranan guru adalah penting dalam pelaksanaan kurikulum baharu. Oleh yang demikian, guru-guru yang gagal dalam pelaksanaan kurikulum adalah tidak berupaya untuk melaksanakan peranan mereka secara berkesan. Kegagalan ini berpunca daripada guru kurangnya pengetahuan dan kemahiran bagi melaksanakan kurikulum baharu (Napsiah, 1983).

Masyarakat adalah suatu daripada kepelbagaian yang mempengaruhi sistem pendidikan nasional Indonesia. Oleh itu, kurikulum harus bersesuaian dengan faktor masyarakat. Kurikulum harus sesuai dengan keperluan masyarakat dalam

menghadapi persoalan kehidupannya. Tujuannya untuk membentuk pelajar menjadi manusia yang mampu hidup dalam pelbagai keadaan. Kurikulum dapat bertindak balas terhadap pengaruh sosial, relevan dan dapat mendominasikan kepelbagaian kepentingan dan kemajuan teknologi (Nurhadi, 2003).

Kurikulum perlu direka bentuk dalam rangka yang terbaik untuk mengoptimumkan potensi setiap pelajar. Kurikulum tidak boleh membebankan pelajar seperti bebanan pelajaran yang terlalu berat. Menurut Ketua Badan Standarisasi Nasional Pendidikan Indonesia (BSNP) Bambang Suhendro, bahawa bebanan belajar di Indonesia mencapai 1000 - 2000 jam setahun. Pelajar semakin terbeban dengan bilangan jam belajar lebih tinggi yang diterapkan oleh sekolah. Selain belajar di kelas pelajar harus mengikuti aktiviti lain di sekolah dan melakukan kerja-kerja rumah (Jabatan Pendidikan Nasional, 2008).

Pelaksanaan Kurikulum 2013 dalam sistem pendidikan Indonesia tidak sekadar pertukaran kurikulum tetapi diharapkan memberikan perubahan terhadap sistem pendidikan Indonesia ke arah yang lebih baik. Pelaksanaan Kurikulum 2013 diharapkan dapat mencapai tujuan pembelajaran kerana dengan penerapan Kurikulum 2013 diharapkan akan terjadi perubahan konsep, kaedah dan strategi pengajaran guru.

Oleh itu, guru perlu mahir dan bersikap komprehensif dalam melaksanakan kurikulum. Jelasnya, guru perlu mengetahui kemahiran yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, menguasai kandungan bahan pengajaran. Disamping itu, guru harus mempunyai kemampuan dan penguasaan serta mendalami

bahan pengajaran yang akan disampaikan kepada pelajar, tidak hanya sekadar menyelesaikan bahan pengajaran yang sudah ditetapkan, menguasai kaedah dan penilaian pelajar, tanggungjawab terhadap tugas dan menuruti disiplin ilmu. Hal ini bertepatan dengan Rusman (2009) yang menyatakan tugas guru sangat berat.

Untuk mencapai matlamat, kefahaman guru dalam melaksanakan proses pengajaran harus ditingkatkan. Trianto (2011) menghuraikan proses pengajaran meliputi penyediaan rancangan pelaksanaan pembelajaran (RPP), modul (buku pelajar), media pembelajaran dan model pembelajaran. Guru perlu mahir dalam merancang RPP bagi meningkatkan kapasiti pengajaran guru (Masnur, 2009). RPP tersebut mestilah menerapkan kepelbagaiannya kemahiran serta boleh menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih terancang (Jabatan Pendidikan Nasional, 2008). Guru disaran menggunakan bahan media pengajaran bagi menarik minat pelajar (Hamalik, 1994). Selain itu, Kemp et al., (1995) menegaskan guru perlu menerapkan model pembelajaran harus agar tujuan pembelajaran boleh dicapai secara optimum dan berkesan.

Trianto (2011) menetapkan Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) bertujuan untuk mencapai kompetensi dasar yang ditetapkan oleh standard kandungan (standard yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Indonesia). Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) adalah rancangan yang dirancang bagi menggambarkan prosedur dan pelaksanaannya di dalam kelas. Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) yang disusun mengikut pertemuan dengan pelajar merupakan panduan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. RPP yang telah disusun kemudian akan menjadi panduan untuk membuat modul pembelajaran.

Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) adalah rancangan yang dibuat mengikut prosedur yang bersesuaian dengan kurikulum untuk mencapai suatu kompetensi dasar yang telah ditetapkan dalam standard kandungan (Narwati, 2012). Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) merupakan kompetensi standard yang lebih terarah. Rancangan pelaksanaan pembelajaran harus mempunyai daya terap (*applicable*) yang tinggi. Pada masa yang guru perlu mahir dan mampu menjalankan tugas (Masnur, 2009).

Suatu perancangan atau pola yang digunakan sebagai panduan dikatakan sebagai model pembelajaran. Model pembelajaran adalah merujuk kepada pendekatan pembelajaran yang digunakan di dalam pengurusan kelas, tahap aktiviti pembelajaran dan tujuan pembelajaran (Arends, 2008). Model pembelajaran merujuk pendekatan pembelajaran yang akan digunakan termasuk tujuan pengajaran, tahap aktiviti pembelajaran, pembelajaran dan pengurusan kelas.

Dalam aktiviti pembelajaran yang dilakukan, guru boleh menggunakan model pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Model pembelajaran adalah suatu rancangan atau pola yang boleh digunakan oleh guru di dalam kelas. Model pembelajaran merupakan pola umum tingkah laku pembelajaran dalam mencapai matlamat pembelajaran yang diharapkan (Trianto, 2011).

Media pembelajaran merupakan teknologi baharu dan boleh digunakan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Guru boleh menggunakan alatan yang murah dan berkesan dalam usaha mencapai hasil pembelajaran yang diharapkan. Hamalik (1994) menyatakan guru mampu mengembangkan kemahiran

menggunakan media pembelajaran dengan baik. Untuk itu, guru harus mempunyai kefahaman yang cukup tentang media pembelajaran. Tanpa bantuan media, bahan pelajaran sukar untuk difahami oleh pelajar (Jamarah, 2010).

Hamalik (1994) telah menyatakan reka bentuk modul memberi dasar arah dan tujuan sebagai petunjuk yang perlu ditempuh dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran. Maka, modul pembelajaran boleh membantu sekolah dalam mewujudkan pembelajaran yang berkualiti. Modul yang ditulis haruslah sesuai dengan . Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) yang disusun dan dicadangkan agar satu kompetensi boleh dikembangkan menjadi sebuah modul (Jabatan Pendidikan Nasional, 2008).

Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) adalah satu daripada sekolah di Aceh, Indonesia. Sekolah ini merupakan lanjutan dari Sekolah Menengah Pertama (SMP), Madrasah Tsanawiyah Negeri (MTSN) atau seumpamanya. Sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan nasional, SMK merupakan pendidikan yang lebih mengutamakan pembangunan dan kemampuan pelajar untuk bekerja dalam bidang industri tertentu. SMK sebagai sekolah yang mempunyai jalinan kerjasama antara sekolah dan dunia industri. Maka, kegiatan pembelajaran yang diberikan dalam bentuk teori dengan praktikal di sekolah akan dipraktikal di industri (Murniati & Usman, 2009).

Oleh itu, pelajar SMK diharapkan mempunyai kemampuan menyesuaikan diri dalam persekitaran kerja, melihat peluang kerja dan membangunkan diri pada masa hadapan. SMK berperanan melahirkan pelajar yang boleh bekerja di dunia industri

secara berdikari atau mengisi jawatan pekerjaan yang sedia ada. Pelaksanaan kurikulum di SMK harus dilaksanakan dengan baik kerana lulusan SMK diharapkan mempunyai kepakaran, meningkatkan kualiti hidup dan keberanian meneroka peluang kerja bagi mendapatkan pendapatan yang lebih baik. Perkara ini dapat mengubah status bangsa dari kebergantungan menjadi bangsa yang berpendapatan.

Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh telah dilaksanakan pada akhir tahun 2013. Namun, pelaksanaannya terdapat beberapa kelemahan seperti guru kurang faham serta tidak mampu melaksanakan kurikulum baharu. Segala kelengkapan dari pelaksanaan kurikulum baharu tidak menepati piawaian seperti bahan dan prasarana yang lengkap. Permasalahan lain di SMK yang sering berlaku ialah mengalami gangguan elektrik (Murniati & Usman, 2009).

Sementara itu, keadaan di lapangan menunjukkan berlakunya kekurangan bahan media pembelajaran dan peralatan makmal yang tidak digunakan secara maksimum. Dalam menyusun dan mempraktikkan Kurikulum 2013 di sekolah, para guru masih sukar untuk memahami secara menyeluruh. Hal ini disebabkan oleh pelaksanaan sosialisasi Kurikulum 2013. Tujuan yang hendak dicapai dalam perlaksanaan Kurikulum 2013 akan menghadapi masalah jika tahap sosialisasi tidak dapat dicapai secara menyeluruh.

1.2 Penyataan Masalah

Kurikulum merupakan elemen penting dalam menentukan hala tuju sistem pendidikan sesebuah negara. Oleh itu, kurikulum standard digubal oleh kerajaan pusat dan dikuatkuasakan ke atas pelajar di semua sekolah di Indonesia (Mulyasa,

2007). Tujuan pembangunan kurikulum adalah disebabkan oleh tuntutan perubahan global serta pembangunan modal insan anak dalam menghadapi cabaran pendidikan alaf ke-21. Sehubungan dengan itu, guru sebagai agen pelaksana kurikulum berperanan penting dalam menentukan kejayaan sesebuah kurikulum yang diperkenalkan. Guru memerlukan kepakaran dan kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu kurikulum yang diguna pakai bagi tujuan mereka bentuk dan membangunkan pembelajaran sejajar dengan sifat dan keperluan pelajar. Oleh itu, guru sebagai penggerak utama dalam menjayakan pelaksanaan kurikulum perlu diperkembangkan potensinya secara menyeluruh dan bersepadu (Nor Hazniza Ibrahim, 2005) agar tahap kompetensi dapat ditingkatkan dalam usaha melahirkan insan yang holistik, harmonis dan seimbang untuk masa hadapan.

Sejajar dengan usaha untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan lebih berdaya saing, kerajaan Indonesia telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan Kurikulum 2013 untuk diguna pakai di semua sekolah. Berdasarkan Permendikbud (Surat Pekeliling) nombor 81 A Tahun 2013, proses pembelajaran Kurikulum 2013 dapat memberi peluang kepada pelajar untuk mengembangkan potensi diri dari aspek afektif, kognitif dan psikomotor secara seimbang. Apabila diimbas kembali perkembangan kurikulum di Indonesia, didapati telah berlaku beberapa kali perubahan kurikulum iaitu kurikulum 1968, 1978, 1984, 1994 (kurikulum berasaskan kompetensi), 2004 (KTSP) dan mutakhirnya ialah Kurikulum 2013. Namun, dalam proses pelaksanaannya Pendidikan Nasional Indonesia menghadapi pelbagai masalah yang perlu ditangani dengan segera antaranya ialah masalah kefahaman guru terhadap pelaksanaan Kurikulum 2013.

Sebagai kurikulum baharu, diharapkan guru mempunyai kefahaman yang tinggi dalam penyediaan rancangan pelaksanaan pembelajaran. Namun, dapatan kajian terhadap penerapan Kurikulum 2013 di SMA Negeri 2 Surakarta mendapati tahap kefahaman guru adalah minima dan hal ini memberi kesan terhadap pelaksanaan Kurikulum 2013 (Budi, 2014). Bertepatan dengan pandangan Omar (1999), iaitu apabila berlaku perubahan kurikulum guru akan menghadapi masalah terutama daripada sudut kefahaman terhadap kurikulum baharu itu. Perubahan kurikulum tidak akan menjadi masalah apabila pelaksanaannya tidak menyusahkan guru.

Walau bagaimanapun, dalam konteks pelaksanaan Kurikulum 2013 satu perubahan besar telah dilakukan dengan menerapkan kurikulum berorientasikan pelajar (*student-centered*) berbanding kurikulum terdahulu yang lebih bersifat tradisional (*teacher-centered*). Oleh itu, aspek kefahaman guru terhadap perubahan kurikulum perlu diberi perhatian sewajarnya bagi mencari penyelesaian dalam pelaksanaan Kurikulum 2013. Persoalannya, adakah pengetua dan guru di setiap sekolah telah melaksanakan tugas mereka? Selain itu, sejauh manakah kefahaman mereka terhadap kurikulum yang dilaksanakan sekarang? Perubahan kurikulum pada peringkat daerah dan penyelarasan pendidikan tidak lagi menjadi tugas kementerian tetapi merupakan tanggungjawab secara langsung pihak pengurusan sekolah (Mulyasa, 2009). Maka, keadaan tersebut telah menjadi halangan kepada guru dalam merancang pelaksanaan pembelajaran dengan menggunakan model-model, bahan media pembelajaran dan membina modul pembelajaran. Sebagai contoh, dalam latihan guru di China, guru gagal melakukan perubahan tingkah laku di dalam kelas disebabkan kurangnya kefahaman mereka terhadap perubahan yang diperkenalkan (Wang & Cheng, 2009).

Tambahan lagi, menurut Budi (2014) salah satu kelemahan guru dalam menerapkan kurikulum adalah kerana kurangnya kemahiran, pengetahuan serta sosialisasi yang berlaku terhadap guru. Perubahan kurikulum hanya akan berjaya jika guru menggunakan teknologi terkini, perbincangan bersama rakan serta mencari buku rujukan tambahan (Budi, 2014). Untuk proses pengajaran kenyataan tersebut diperkuuhkan lagi oleh McDonald et al., (2013), iaitu guru perlu menguasai kemahiran. Selain itu, kurangnya latihan serta sosialisasi yang berlaku akan mempengaruhi pelaksanaan kurikulum secara berkesan (Marinasari, 2013). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa antara halangan utama dalam pelaksanaan kurikulum di sekolah adalah diselaraskan oleh kurangnya pengetahuan dan kemahiran, latihan serta kefahaman guru yang berbeza dalam pelaksanaannya (Sukmadinata, 2002; Budi, 2014; Marinasari, 2013).

Masa kini, guru berhadapan dengan cabaran yang besar dan sukar untuk dibayangkan (Arends, 2008). Setiap individu yang bekerja dalam bidang pendidikan mungkin mempunyai ikhtisar pengajaran namun, hal tersebut bukanlah jaminan untuk dapat memahami pelaksanaan kurikulum secara berkesan. Jelasnya, seorang guru atau yang berkecimpung dalam pendidikan seharusnya mempunyai kefahaman dan kemampuan terhadap pelaksanaan kurikulum dan pengembangannya (Oliva & Gordon, 2013).

Dalam konteks ini, guru yang tidak memiliki pengetahuan dan keterampilan pengajaran dan pembelajaran akan berdepan dengan kesukaran untuk melaksanakan pengajaran (mengikut ketetapan pihak yang berautoriti, iaitu Kementerian Pendidikan).

Selain itu, guru sukar mengikuti arahan dari pada pihak atasan dalam melaksanakan kurikulum kerana mereka tidak memiliki pengetahuan dan keterampilan serta latar belakang untuk melaksanakannya (Min Ho et al., 2002). Oleh itu, dalam memastikan kelangsungan kejayaan Kurikulum 2013, guru perlu mendapat latihan yang lengkap bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Guru dan pengetua perlu bekerja secara kolaboratif dalam membuat perancangan pengajaran di sekolah. Kerana pelaksanaan Kurikulum 2013 memerlukan kreativiti dan keupayaan guru menyusun dan melaksanakannya.

Hakikatnya, Kurikulum 2013 adalah kurikulum yang diguna pakai dan sedang dilaksanakan di sekolah yang ditetapkan oleh kerajaan Indonesia sebagai kurikulum Nasional Indonesia. Untuk itu, penerapan kurikulum tidak hanya memerlukan perubahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran tetapi juga pola pemikiran dan falsafah pendidikan (Kunandar, 2007). Dalam kajian awal yang telah penulis laksanakan mendapat pelaksanaan Kurikulum 2013 di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) Negeri 3 Kota Banda Aceh menunjukkan tahap kefahaman guru dapat ditingkatkan.

Walaupun demikian, kefahaman guru terhadap pelaksanaan Kurikulum 2013 yang meliputi kefahaman dalam membuat rancangan pelaksanaan pembelajaran, menggunakan model-model pembelajaran, menggunakan media pembelajaran dan kefahaman guru dalam menulis modul pembelajaran boleh diubah. Berdasarkan permasalahan di atas, maka penulis tertarik untuk melakukan kajian tentang “Kefahaman Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum 2013 di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) Negeri 3 Kota Banda Aceh”.

1.3 Objektif Kajian

Objektif utama yang ingin dicapai melalui kajian ini adalah untuk mengetahui kefahaman guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) Negeri 3 Kota Banda Aceh.

Secara khusus, objektif kajian ini meliputi kefahaman guru dalam membuat RPP, menggunakan model-model pembelajaran, menggunakan media pembelajaran dan menulis modul pembelajaran seperti berikut:

1. Meneroka proses pelaksanaan Kurikulum 2013 di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) Negeri 3 Kota Banda Aceh.
2. Mengetahui pelbagai kefahaman guru dalam merancang dan menulis Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) Negeri 3 Kota Banda Aceh.
3. Mendalami pelbagai kefahaman guru dalam menggunakan model pembelajaran di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) Negeri 3 Kota Banda Aceh.
4. Meneliti pelbagai kefahaman guru dalam menerapkan media pembelajaran di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) Negeri 3 Kota Banda Aceh.
5. Mendasari pelbagai kefahaman guru dalam menulis modul pembelajaran di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) Negeri 3 Kota Banda Aceh.

1.4 Soalan Kajian

Antara persoalan kajian yang diketengahkan ialah:

1. Bagaimanakah proses pelaksanaan Kurikulum 2013 di sekolah menengah Kejuruan (SMK) Negeri 3 Kota Banda Aceh?
2. Sejauh manakah kefahaman guru dalam merancang dan menulis rancangan pelaksanaan pembelajaran (RPP) di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) Negeri 3 Kota Banda Aceh?
3. Sejauh manakah kefahaman guru dalam menggunakan model pembelajaran di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) Negeri 3 Kota Banda Aceh?
4. Sejauh manakah kefahaman guru dalam menerapkan media pembelajaran di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) Negeri 3 Kota Banda Aceh?
5. Sejauh manakah kefahaman guru dalam menulis modul pembelajaran di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) Negeri 3 Kota Banda Aceh?

1.5 Kerangka Kajian

Pelaksanaan kurikulum merupakan tanggungjawab penting yang dimainkan oleh sekolah dalam memastikan kelestarian proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh kerana pelaksanaannya memerlukan kefahaman dan kemahiran yang mendalam, guru perlu peka dan kreatif dalam merancang proses pengajaran dan pembelajaran secara berkesan. Miller dan Seller (1985) mengemukakan definisi pelaksanaan ialah suatu proses peletakan dalam amalan sesuatu idea, program dan set aktiviti baharu

bagi mencapai dan mengharapkan perubahan. Kefahaman dan wawasan yang luas dalam merancang pembelajaran akan memudahkan guru untuk mencapai matlamat pembelajaran yang telah ditetapkan. Dalam Rajah 1.1 berikut digambarkan kefahaman guru dalam pelaksanaan kurikulum.



Kefahaman guru dalam pelaksanaan kurikulum Miller dan Seller (1985) Fullan (1991) Hasan (1984) Rusman (2009) Mulyasa,(2009) Sukmadinata (2001) Kunandar (2007) Ornstein (2009) Oliva (2013) Tyler (2013)				
Universiti Utara Malaysia				
Proses Pelaksanaan Kurikulum 2013 Nasution(2006) Rozali (2007) Hamalik (2004) Rusman (2009)	Menulis RPP Narwati (2012) Trianto (2011) Sumantri (1988) Rusman (2002)	Menggunakan Model Pembelajaran Arends (1997) Jamarah (2010) Trianto (2011)	Menggunakan Media Pembelajaran Arsyad (2010) Latuheru (1993) Brings (1987) Rusman (2009) Hamalik (1993)	Menulis Modul Pembelajaran Hamalik (1993) Diknas (2008) Winkel (2001)

Rajah 1.1 Kefahaman guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013

1.6 Profil SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh


SMK adalah sebuah badan pendidikan yang menyediakan pelajar dengan pengetahuan, kemahiran, menjadikan pelajar berkaliber dalam dunia industri, mampu berusaha dan membantu kerajaan dalam mencipta peluang pekerjaan. Dalam

Undang-Undang Sistem Pendidikan Nasional (UUSPN) No 20 tahun 2003 pasal 15 menyatakan bahwa pendidikan Kejuruan adalah pendidikan menengah yang menyediakan pelajar untuk bekerja dalam bidang tertentu.

Pendidikan Kejuruan adalah sistem pendidikan Nasional yang bertujuan untuk melahirkan tenaga kerja yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang sesuai dengan keperluan pekerjaan dan mampu mengembangkan potensi diri seiring dengan perkembangan teknologi. Pelbagai bentuk pendidikan dan latihan lanjutan yang menyediakan seseorang untuk memasuki pasaran pekerjaan. Dalam proses pendidikan, pelajar perlu memahami betapa pentingnya penguasaan pengetahuan, kemahiran, teknologi, sikap mandiri, kemahiran bekerja dan keinginan berjaya dalam kerjanya sepanjang hayat.

Kurikulum SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh berpandukan kepada Jabatan Pendidikan Nasional Direktorat Pendidikan menengah yang berubah mengikut keperluan sekolah dan tuntutan dunia industri. Program pendidikan merupakan sistem kerjasama yang melibatkan sekolah dan industri melalui pembahagian 60% amalan dan 40% teori serta kegiatan amalan industri selama 4-12 bulan. Oleh itu, SMK merupakan wadah yang paling tepat untuk mengembangkan potensi yang dimiliki oleh pelajar. SMK merupakan sebahagian daripada pendidikan menengah yang mempunyai dwifungsi iaitu bertujuan untuk menjadi tenaga kerja yang produktif, mampu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup serta mampu mengembangkan diri bagi menghadapi perubahan pada masa hadapan.

SMK merupakan sekolah yang berorientasi kerjaya dan satu daripada tujuan penubuhannya untuk menyediakan peluang pekerjaan sebagai tenaga kerja yang mahir di peringkat menengah. Proses pengajaran dan pembelajaran pada peringkat SMK bertujuan untuk membentuk kemampuan pelajar dalam mengembangkan kejayaan dalam aspek pengetahuan, nilai rohani dan pembangunan potensi. Oleh itu, pihak pemerintah Indonesia telah menuju SMK di setiap Daerah di wilayah Aceh. Kerajaan yang merancang program dengan membentuk Pasukan Pembangunan Kurikulum (TPK) untuk SMK. Sehingga tahun 2014 sekurang-kurangnya perbandingan SMK dan SMA sudah mencapai 67 SMK dan 33 SMA dan nisbah 70: 30 telah tercapai pada tahun 2015.



Program yang terdapat di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh ialah Program Keahlian Tatabusana, Tataboga (masakan), Tata Rias dan Perhotelan. Keempat-empat program tersebut mempunyai objektif yang sama iaitu meningkatkan pengetahuan, kemahiran, kecerdasan, keperibadian, akhlak mulia serta kemahiran untuk hidup berdikari dan mengikuti pendidikan lebih lanjut. Keperluan pasaran kerja yang tinggi mendorong para pelajar SMP memasuki SMK.

1.6.1 Tujuan SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh

Tujuan SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh ditubuhkan adalah untuk:

1. Menyediakan pelajar supaya menjadi insan yang produktif, mampu bekerja sendiri dan mencipta peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan program pilihan.

2. Menyediakan pelajar yang mampu bekerja secara gigih dan dapat bersaing dalam dunia industri serta mengembangkan sikap profesional dalam program yang diminatinya.
3. Membentuk pelajar dengan ilmu pengetahuan dan teknologi seiring dengan tuntutan industri semasa serta mampu melanjutkan pendidikan yang lebih tinggi.

1.6.2 Visi dan Misi SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh

SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh mempunyai visi iaitu menjadi SMK yang unggul serta melahirkan pelajar yang beriman dan bertakwa disamping memenuhi standard nasional dan antarabangsa. Manakala misi SMK ialah merancang, melaksana dan menilai pendidikan dan latihan kemahiran seperti mewujudkan budaya kerja industri di sekolah, menghasilkan bakal pekerja yang mahir dan profesional, melaksanakan ujian kompetensi dan pensijilan dan memasarkan pelajar berdasarkan visi dan misi tersebut. Tujuan SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh secara khusus untuk menyesuaikan pasaran kerja dan mengembangkan sikap profesional dalam bidang kepakaran yang dimilikinya, menyediakan pelajar sesuai dengan kompetensi program yang dipilih agar menjadi manusia produktif, mampu bekerja mandiri, mengisi jawatan kosong yang ada di pasaran kerja, mampu mengembangkan diri pada masa hadapan dengan menyediakan pelajar yang berilmu pengetahuan.

Dalam merealisasikan visi, misi dan tujuan SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh, Guru Besar telah merancang dan menetapkan anggaran perbelanjaan sekolah. Visi dan misi SMK tersebut merupakan asas panduan bagi seluruh warga sekolah dalam

merancang dan melaksanakan aktiviti sekolah. Visi dan misi serta tujuan SMK bukan sahaja sebagai tanggungjawab yang didokumentasikan, tetapi menjadi panduan seluruh warga sekolah dalam melaksanakan kurikulum. Maka, program sekolah akan melibatkan ahli dalaman dan jawatankuasa sekolah. Semua aktiviti sekolah dilaksanakan berdasarkan keperluan pasaran kerja dan industri. Pelaksanaan kurikulum diberikan dalam bentuk teori yang merangkumi program normatif, penyesuaian dan program produktif dengan sistem SKS untuk melatih kemahiran pelajar.

SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh dirasmikan pada tarikh 5 Januari 1994 dan SK penegerian tarikh 12 September 1996 dengan nombor 0290/0/1996. Sekolah Kejuruan ini terletak di Jalan Lhoong Raya berhadapan Stadium Anak Bangsa. SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh disebut juga dengan Sekolah Menengah Kejuruan Pelancongan yang dahulu disebut SMKK Negeri. SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh mempunyai empat program atau bidang kepakaran iaitu program pengajian busana, program pengajian masakan, kursus kecantikan dan kursus perhotelan dan pelancongan.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat mencapai tujuan yang dikehendaki dan memberikan hasil yang bermanfaat sama ada dari aspek akademik maupun aspek praktikal. Secara terperinci manfaat tersebut adalah seperti berikut:

1.7.1 Akademik

Dari sudut akademik, kajian ini dapat memberikan sumbangan dalam pembangunan ilmu, khususnya aspek permasalahan dalam pelaksanaan Kurikulum 2013. Fokus utama ialah kefahaman guru yang menyediakan RPP, menggunakan model-model pembelajaran, bahan media pembelajaran dan menulis modul pembelajaran serta merealisasikan proses pengajaran dan pembelajaran. Guru mampu berdikari kerana Kurikulum 2013 adalah sebuah model kurikulum yang menuntut kefahaman guru melaksanakannya dengan berkesan.

Berdasarkan tuntutan tersebut, sumbangan buah fikiran guru dalam melaksanakan Kurikulum 2013 sangat diperlukan. Dalam bimbingan teknikal, panduan telah dibina oleh Badan Standard Nasional Pendidikan Indonesia (BSNP) bagi merealisasikan tuntutan kurikulum baharu. Hasilnya, pelaksanaan Kurikulum 2013 akan berjaya apabila semua pihak saling memainkan peranan yang sewajarnya bagi memartabatkan kurikulum bangsa.

Oleh itu, peranan yang dimainkan oleh semua pihak dapat membantu guru dalam merancang proses pengajaran dan pembelajaran melalui penetapan prinsip-prinsip dalam merancang RPP. Penggunaan model-model pembelajaran secara berkesan melalui pembelajaran PAKEM (Pembelajaran Aktif, Kreatif dan Menyenangkan) dapat memudahkan tugas guru. Penggunaan media pembelajaran dan menulis modul pembelajaran akan menambahkan lagi keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran serta dapat meningkatkan lagi kualiti pembelajaran di sekolah.

1.7.2 Praktik

Secara praktikal hasil kajian ini dapat memberikan pemahaman yang jelas kepada para pengubal dasar dan panduan untuk meningkatkan kualiti dalam bidang pendidikan. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan pemahaman yang jelas kepada Pengetua dan guru dalam melaksanakan Kurikulum 2013 secara terancang dan berkesan.

Kajian ini dapat memberi kefahaman yang perlu dilakukan oleh kerajaan dalam bidang pendidikan terutama di peringkat pelaksanaan kurikulum 2013. Kerajaan boleh mempersiapkan guru-guru dengan menganjurkan latihan secara berkala bagi meningkatkan kefahaman guru terhadap pelaksanaan kurikulum baharu ini.

1.7.3 Kepentingan Teori

Kajian ini menggunakan teori Tyler (2013) dalam melaksanakan kurikulum. Guru hendaklah berusaha untuk memenuhi objektif kurikulum dan mencapai kriteria yang ditetapkan. Oleh itu, guru perlu teliti dalam menjalankan perancangan pengajaran dan mentafsirkan sukanan pelajar, menerangkan proses pengajaran dan mengenal pasti cara menjalankan penilaian. Dengan menggunakan teori Tyler, kajian mengenai kurikulum 2013 dapat mengkaji kefahaman guru dalam merancang RPP, menggunakan model-model pembelajaran, menggunakan media pembelajaran dan menulis modul pembelajaran. Kejayaan terhadap pelaksanaan kurikulum memerlukan keterlibatan guru dan mempunyai kefahaman terhadap tujuan pembelajaran (Orstein, 2009).

Kepentingan teori dalam kajian ini dapat memberikan sumbangan terhadap perubahan pendidikan Kurikulum 2013 di Negara Indonesia. Kefahaman tersebut mampu memberikan nilai tambah dalam perlaksanaan Kurikulum 2013 dan boleh membantu guru dalam merancang proses pengajaran dan pembelajaran. Perancangan RPP dan penggunaan model-model pembelajaran mampu melahirkan pelajar yang holistik. Penggunaan media pembelajaran dapat membantu guru meningkatkan proses pengajaran dan sekaligus menarik minat pelajar. Melalui penulisan modul pembelajaran, guru dapat menentukan kualiti pelajar yang perlu diberi bimbingan lanjutan.

1.8 Definisi Konsep

1.8.1 Pelaksanaan Kurikulum

Perkataan kurikulum berasal dari bahasa Latin "curere" yang dimaksudkan laluan atau jejak (dipetik dari Kamaruddin dan Siti Hajar 2004). Menurut Nasution (1993), kurikulum ialah pelajaran yang harus dihadapi oleh pelajar untuk ke peringkat yang lebih tinggi dalam memperoleh ijazah. Nasution (2006) menganalogikan kurikulum dari awal hingga akhir dalam perlumbaan yang ditempuh pelari diistilahkan sebagai jarak yang harus ditempuh. Kamus Webster (1956) memberi penjelasan bahawa pelajar yang ingin mencapai suatu keputusan seperti ijazah atau setiap peringkat perlu menggunakan kurikulum dalam pendidikan yang ditakrifkan sebagai sejumlah mata pelajaran di sekolah.

Justeru itu, kurikulum bermaksud suatu perancangan yang mengandungi tujuan dan teori, pengajaran oleh guru, pengalaman belajar bagi pelajar yang merupakan

program pendidikan. Dalam Undang-undang Sistem Pendidikan Nasional Indonesia tahun 1989 disebutkan kurikulum adalah rencana dan pengaturan mengenai tujuan, kandungan dan bahan pelajaran serta cara menggunakan sebagai panduan proses pengajaran dan pembelajaran untuk mencapai tujuan pendidikan tertentu. Definisi yang dikemukakan di atas mempunyai persamaan yang meletakkan kurikulum sebagai perancangan belajar yang mengandungi tujuan pendidikan, dan kurikulum sebagai pengalaman belajar yang diberikan kepada pelajar. Kurikulum turut diistilahkan sebagai dokumen bertulis yang mengandungi bahan pengajaran dan pelbagai mata pelajaran, rancangan pelaksanaan pembelajaran, silibus, modul, media dan sumber pembelajaran, strategi (model pembelajaran).

Menurut Laithwood dalam Miller dan Serller (1985), pelaksanaan sebagai proses yang meliputi pengurangan perbezaan antara kenyataan amalan dan harapan praktik oleh suatu inovasi. Pelaksanaan adalah proses perubahan perilaku dalam penggunaan inovasi yang terjadi terhadap suatu tahap pada setiap waktu dan mengatasi halangan dalam perkembangannya. Rozali (2007) menyatakan kurikulum merupakan suatu proses penerapan idea, konsep, dasar atau inovasi dalam suatu tindakan praktikal. Dan pelaksanaan kurikulum akan memberikan kesan yang baik berupa perubahan pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap.

Fullan (1991) menegaskan faktor utama dalam proses pelaksanaan kurikulum mestalah mengikut ciri-ciri tempatan seperti persekitaran sekolah berkaitan dengan keadaan sekolah, kemudahan yang mencukupi, masyarakat, sokongan masyarakat sekitar, kerja sama dengan industri pekerjaan, guru besar, berkaitan dengan pengurusan dan kepimpinan guru besar, respons guru, sokongan, penyertaan guru

dalam pelaksanaan kurikulum, dan faktor luaran sokongan dari kerajaan dan swasta. Dengan mengetahui faktor-faktor yang menjadi kunci kejayaan pelaksanaan dan faktor yang mempengaruhinya dapat ditentukan pendekatan yang digunakan dalam pelaksanaan yang tepat dan efektif.

Hamalik (2004) mengemukakan pelaksanaan kurikulum dipengaruhi oleh faktor yang meliputi jenis perancangan yang digunakan iaitu atas-bawah dan “akar” (*grassroot*), perancangan “akar” membolehkan guru memberi kemudahan untuk pelaksanaan, penggunaan strategi pelaksanaan, strategi yang boleh digunakan sebagai latihan, penyediaan buku kurikulum dan aktiviti sokongan seperti pemantauan yang dilakukan oleh guru besar dan guru.

Miller dan Seller (1985) menyatakan bahawa ada tiga pendekatan umum yang ditakrifkan sebagai pelaksanaan kurikulum melalui pelaksanaan ditakrifkan sebagai suatu peristiwa atau kejadian. Peristiwa yang berlaku sebagai suatu kegiatan pembangunan profesional, ketika dokumentasi dari suatu program baru dibahagikan kepada guru, Pendekatan pelaksanaan yang ditekankan pada proses interaksi antara pembuat kurikulum dan guru serta memandang dan mengakui bahawa pelaksanaan sebagai sebahagian dari bahagian-bahagian kurikulum.

Berdasarkan definisi yang telah dikemukakan maka pelaksanaan kurikulum dapat diertikan sebagai aktualisasi rancangan atau konsep kurikulum, sebagai proses pembelajaran, realisasi idea, nilai dan konsep kurikulum serta proses perubahan tingkah laku pelajar. Daripada empat konsep utama terhadap pelaksanaan kurikulum

ini dapat difahami secara jelas dan nyata bahawa proses pengajaran dan pembelajaran dikatakan sebagai pelaksanaan kurikulum.

1.8.2 Kurikulum 2013

Pejabat Pendidikan dan Pejabat Agama menyelia, menyesuaikan dan merancang Kurikulum 2013. Kurikulum 2013 adalah kurikulum yang disusun dan dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan dan sekolah. Penerapan Kurikulum 2013 dalam sistem pendidikan Indonesia tidak sekadar pertukaran kurikulum tetapi diharapkan dapat berubah ke arah yang lebih baik. Pelaksanaan Kurikulum 2013 diharapkan dapat mencapai tujuan pembelajaran, perubahan konsep, metod dan strategi guru dalam pengajarannya. Kurikulum 2013 yang dirancang untuk kegunaan SD, SMP, SMA dan SMK di Indonesia disebabkan kurikulum sebelumnya terlalu padat dan membebani pelajar serta tidak relevan mengikut kesesuaian semasa.

Kurikulum 2013 berkonsepkan kecekapan sikap (*attitude*), keterampilan (*skill*) dan pengetahuan (*knowledge*). Menurut Diknas (2013) perbezaan kurikulum lama dan baharu adalah dari segi praktikalnya. Sedangkan Kurikulum 2013 memerlukan penambahan jam pelajaran dan relevan mengikut perubahan semasa. Kurikulum baharu menuntut berlakunya perubahan proses belajar dari ‘pelajar diberitahu’ kepada ‘pelajar mencari pengetahuan’. Mulyasa (2008) menyatakan kejayaan kurikulum ditentukan oleh guru dan Guru Besar kerana kedua-duanya penggerak harapan sekolah. Hal ini bertepatan dengan Hasan (1984) yang menyatakan pentadbiran memainkan peranan penting dalam menggerakkan kurikulum.

Rusman (2009) mengenengahkan pelaksanaan kurikulum merupakan bentuk aktualisasi dari kurikulum yang telah dirancang. Bentuk pelaksanaan kurikulum adalah proses pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan guru bersama pelajar untuk mencapai kurikulum yang telah ditetapkan. Kejayaan pelaksanaan kurikulum secara holistik akan ditentukan oleh pelaksanaan kurikulum yang terancang.

UNESCO mengemukakan hala tuju bidang pendidikan melalui belajar mengetahui (*learning to know*), belajar melakukan (*learning to do*), belajar menjadi diri sendiri (*learning to be*), dan belajar hidup dalam kebersamaan (*learning to live together*). Oleh itu, pelaksanaan kurikulum harus dikawal secara profesional, berkesan dan cekap. Kurikulum 2013 merujuk kepada elemen asas secara konsisten dengan memberi penekanan terhadap kognitif, afektif dan psikomotor.

Guru sebagai agen perubahan dan bertidak sebagai perancang, pelaksana dan pemaju kurikulum. Oleh itu, guru merupakan kunci pemegang pelaksana dan kejayaan kurikulum. Pembelajaran di dalam kelas merupakan tempat untuk menguji kurikulum. Kefahaman guru terhadap kurikulum diuji dalam bentuk perbuatan yang diwujudkan dalam bentuk kurikulum yang nyata. Dengan demikian proses pengajaran dan pembelajaran memerlukan pelbagai unsur kecerdasan dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif (Ikhsan Otman & Rohizani Yaakub, 2010).

Menurut Hasan (1984) pelaksanaan kurikulum dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti ciri-ciri kurikulum, strategi pelaksanaan kurikulum, ciri penilaian, pengetahuan guru tentang kurikulum, sikap terhadap kurikulum dan kemahiran yang

mengarahkan. Rusman (2009) menterjemahkan pelaksanaan kurikulum dipengaruhi oleh lima elemen yang meliputi sokongan daripada guru besar, rakan sejawat, pelajar, orang tua dan diri guru itu sendiri.

Pelaksanaan Kurikulum 2013 yang dibangunkan telah berorientasikan pembangunan keperibadian (kurikulum humanistik), kurikulum yang berorientasikan kepada kehidupan dan alam pekerjaan (rekontruksi sosial dan teknologi). Kurikulum humanistik dapat dilaksanakan pada awal pendidikan asas. Selanjutnya kurikulum yang berorientasikan alam kehidupan dan alam pekerjaan iaitu kurikulum rekontruksi sosial dan teknologi dipadukan dengan kurikulum subjek akademik.

Pelaksanaan kurikulum seharusnya meletakkan pembangunan kreativiti pelajar lebih daripada penguasaan bahan. Dalam perkara ini, pelajar adalah subjek bagi proses pembelajaran. Pembelajaran kognitif dapat mengembangkan kemampuan berfikir pelajar tidak hanya penguasaan bahan dengan menekankan komunikasi dalam pembelajaran yang berlangsung. Selain itu, pembelajaran berfikir dibangunkan dengan menekankan kepada aktiviti pelajar untuk menganalisis, mencari pemahaman objek, sehingga terbentuk pengetahuan baru dalam diri pelajar. Oleh sebab itu, pembelajaran bukan hanya memberikan maklumat, namun lebih menekankan persekitaran yang membolehkan pelajar dapat berfikir secara kreatif, kritis dan membentuk pengetahuan.

Menurut Sukmadinata (2001) kejayaan kurikulum sangat bergantung kepada guru dalam mereka bentuk rancangan kurikulum. Kurikulum yang baik sangat bergantung kepada kemahiran guru dalam menerapkan proses pengajaran dan pembelajaran

yang berkesan. Hasilnya akan lebih baik jika kemampuan, semangat dan dedikasi guru sentiasa seiring dengan perubahan semasa. Sumber pendidikan yang lain seperti kos organisasi, peralatan, prasarana dan persekitaran merupakan kunci kejayaan pendidikan. Oleh itu, guru adalah kunci utama kejayaan pelaksanaan kurikulum.

Sokongan dan buah fikiran dari pihak yang berkepentingan dalam menjalankan sistem ini sangat diperlukan bagi merealisasikan pelaksanaan Kurikulum 2013 sebagai sistem pembelajaran. Tanggungjawab yang dimainkan oleh guru dan guru besar secara maksimum akan mempengaruhi keseluruhan sistem pendidikan. Adalah penting para guru dan guru besar menanamkan pola pemikiran baharu demi merealisasikan pelaksanaan Kurikulum 2013.

1.8.3 Kefahaman guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013

Guru merupakan agen perubahan dan berada pada barisan hadapan bagi mengubah kualiti sumber amnusia ke arah yang lebih sempurna. Pada tangan guru akan menghasilkan pelajar yang berkualiti, berkemahiran, akademik, kematangan emosi dan moral spiritual. Oleh itu, pelaksanaan kurikulum 2013 yang baharu memerlukan guru yang mempunyai dedikasi yang tinggi, berkelayakan dan kompetensi dalam menjalankan tugas profesionalnya. Guru memerlukan bantuan untuk meningkatkan lagi kebolehannya bagi menghadapai cabaran baru sebagai pelaksana kurikulum (Nurahimah & Rafisah, 2001).

Menghadapi era global yang penuh dengan persaingan dan ketidakpastian, pelaksanaan kurikulum memerlukan para guru yang berwawasan dan mampu menguruskan proses pengajaran dan pembelajaran secara berkesan dan inovatif.

Sesuatu yang dikenali dengan sebutan "*quantum learning*" dan "*quantum teaching*" pada hakikatnya adalah mengembangkan suatu model dan strategi pembelajaran yang berkesan dalam suasana yang menyenangkan. Guru mempunyai tugas utama iaitu mendidik, mengawasi pelajar, mengarahkan, melatih, membimbing dan menilai. Nurahimah dan Rafisah (2010) dalam kajian menyatakan guru adalah aset penting di sekolah dalam mencerminkan misi nasional pendidikan untuk menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan sehingga dapat menuju ke arah pembentukan modal insan yang bertaraf dunia.

Profesional keguruan merupakan bidang pekerjaan khusus yang dilaksanakan berdasarkan prinsip tertentu untuk meningkatkan mutu pendidikan, keimanan, ketakwaan dan berakhlaq mulia. Profesional ini memerlukan guru yang sesuai dengan bidang tugas, bakat, minat, semangat, idealisme, kelayakan akademik dan latar belakang pendidikan (Kunandar, 2009). Pengembangan profesion keguruan dan pengembangan profesion pensyarah diadakan melalui pembangunan diri yang dilakukan secara demokratik dengan menjunjung tinggi hak asasi manusia, nilai keagamaan, nilai budaya, kemajmukan bangsa berkeadilan, tidak diskriminasi dan kod etika profesion (undang-undang Nomor 14 Tahun 2005 tentang guru dan pensyarah).

Dalam melaksanakan peranannya sebagai pengajar, guru mampu menyusun program pengajaran secara berterusan dan merancang persiapan pengajaran. Guru menyiapkan alatan yang boleh membantu terlaksananya proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Guru juga merancang dan menyediakan alat penilaian yang tepat. Pengajaran guru mestilah bersesuaian dengan keadaan semasa dengan

menitik beratkan semua aspek. Selain itu, guru menetapkan tempat duduk pelajar sesuai dengan kemampuan dan keadaan fizikal serta daya tumpu pelajar terhadap pelajaran.

Kurikulum diharapkan dapat dilaksanakan secara berkesan serta dapat meningkatkan kualiti pembelajaran. Guru perlu menjawai pengajarannya, menyukai apa yang diajarkannya, memahami dan menguasai kompetensi asas. Melalui kurikulum, guru perlu menggunakan pelbagai kaedah pengajaran mengikut perkembangan mutakhir supaya bersesuaian dengan kematangan pelajar (Mulyasa, 2007).

Dalam pelaksanaan kurikulum baharu, guru berperanan sebagai fasilitator. Guru dituntut mempunyai sikap mempertahankan pendapat dan keyakinannya serta menerima idea pelajar yang inovatif dan kreatif. Jalinan hubungan dengan pelajar perlu ditingkatkan dalam menjayakan perancangan yang ditetapkan. Pelajar boleh menerima teguran yang positif atau negatif serta toleransi terhadap kesalahan yang dilakukan pelajar. Oleh itu, guru bertanggungjawab untuk menyusun dan melaksanakan program pembelajaran di dalam kelas (Widodo, 2013).

Kejayaan pelaksanaan kurikulum sangat ditentukan oleh faktor guru. Apabila guru tidak melaksanakan tugasnya dengan baik walaupun baiknya syarat pendidikan, maka pelaksanaan kurikulum tidak memuaskan. Tugas guru dan guru besar tidak hanya mengajar sahaja di sekolah. Sebagai seorang yang terlibat dalam pelaksanaan kurikulum, guru dituntut untuk memiliki kefahaman dan wawasan yang luas secara teori dan praktikal serta mempunyai kefahaman dalam membuat Rancangan

Pelaksanaan Pembelajaran (RPP), menggunakan model pembelajaran, menggunakan bahan media dan merancang modul pembelajaran.

1.8.3.1 Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP)

RPP adalah rancangan pembelajaran mata pelajaran per unit yang akan dilaksanakan guru dalam pembelajaran di bilik darjah. Seorang guru diharapkan dapat melaksanakan pembelajaran yang diprogramkan (Masnur, 2009). RPP harus mempunyai daya terap yang tinggi. Pada pandangan lain, kadar kefahaman guru dalam menjalankan tugas dapat diketahui melalui penulisan RPP.

1.8.3.2 Model Pembelajaran

Joyce dan Weil (1980) menjelaskan memilih model pembelajaran yang sesuai dan tepat boleh dilakukan oleh guru untuk mencapai tujuan pembelajarannya. Memilih model pembelajaran dapat dijadikan gambaran terhadap aktiviti guru dan pelajar dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang dinamakan pola pembelajaran. Aktiviti yang dilakukan oleh guru dan pelajar dapat dijelaskan dalam pola pembelajaran. Dengan demikian model pembelajaran adalah suatu aktiviti pembelajaran yang direka bentuk atau dibina dengan menggunakan pola pembelajaran tertentu.

Menggunakan model pembelajaran dapat membantu guru mencapai kepuasan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil kajian menunjukkan guru mempunyai kepuasan bekerja yang lebih tinggi kerana tidak berasa terlalu tertekan dengan

menggunakan gaya pengajaran tertentu. Justeru, guru akan mempunyai komitmen terhadap profesi perguruan (Noriah, 2003).

1.8.3.3 Media Pembelajaran

Gagne (1987) menetapkan bahan media pembelajaran perlu digunakan untuk menyampaikan kandungan bahan pelajaran. Media itu meliputi alat secara fizikal yang terdiri daripada buku, kaset, video, kamera, pita rakaman, filem, gambar, televisyen dan foto grafik. Media adalah wahana fizikal yang mengandungi bahan pengajaran yang boleh meransang pelajar untuk belajar dalam persekitaran yang mudah. Penggunaan media pengajaran sebagai alat bantu mengajar dapat meningkatkan pemahaman pelajar dan memudahkan pendidik menyampaikan ilmu serta menarik minat pelajar mengikuti proses pembelajaran dengan lebih baik (Davina, 2003).

1.8.3.4 Modul Pembelajaran

Modul pembelajaran merupakan perancangan khusus untuk membantu para pelajar yang memuatkan set pengalaman belajar, modul minimum, tujuan pembelajaran dan penilaian. Sebagai syarat belajar yang bersifat mandiri, modul sangat berfungsi sehingga berkemampuan membantu setiap pelajar untuk mencapai tujuan tertentu (Jabatan Pendidikan Nasional, 2008).

Kefahaman guru dalam pelaksanaan kurikulum melalui perancangan RPP, penggunaan model pembelajaran, penggunaan media dan merancang modul pembelajaran perlu dikuasai oleh guru. Sebahagian guru tidak menguasainya dan

akan menyukarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti tersebut dapat dilaksanakan melalui perbincangan dan kajian-kajian yang bersifat intelektual sehingga memperoleh cara meningkatkan kefahaman guru dalam pelaksanaan kurikulum.

1.9 Rumusan

Bab ini menjelaskan tentang pelaksanaan Kurikulum 2013. Sebagai pelaksana kurikulum, guru dan guru besar perlu mempunyai kefahaman yang mendalam dalam menyusun program, membuat rancangan pelaksanaan pembelajaran, menyediakan modul, menggunakan bahan media pembelajaran dan menggunakan model pembelajaran. Secara khusus bab ini menjelaskan tentang penyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, definisi terma. Seterusnya bab dua akan menjelaskan tinjauan literatur tentang kefahaman guru dalam melaksanakan Kurikulum 2013. Secara khusus bab ini menjelaskan tentang kerangka teori, kurikulum di Indonesia, kefahaman guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 dalam merancang RPP, menggunakan model-model pembelajaran, menggunakan bahan media pembelajaran dan menulis modul pembelajaran.

BAB DUA

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kurikulum adalah proses pengajaran, pembelajaran, perancangan, pengaturan, bahan pengajaran dan kaedah yang digunakan sebagai panduan dalam proses pembelajaran untuk mencapai tujuan pendidikan. Oliva dan Gordon (2013) menyatakan kurikulum merupakan sebahagian daripada bentuk pentadbiran, pengarahan dan penyeliaan. Ahmad (2008) menetapkan kurikulum merupakan proses pendidikan antara pelajar, guru, sumber dan persekitaran yang berbentuk interaksi akademik. Kurikulum digunakan sebagai panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta pengaturan mengenai tujuan dalam bentuk rencana dan bahan pelajaran bagi mencapai tujuan pendidikan.

Di Indonesia, kurikulum diertikan sebagai kaedah peraturan yang digunakan sebagai panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan kaedah yang digunakan untuk mencapai tujuan pendidikan. Segala rancangan dan tatacara mengenai tujuan dan bahan pengajaran harus diterapkan dalam proses pembelajaran (BNSP). Sukirman dan Nugraha (2014) menyatakan bahawa kurikulum adalah panduan umum yang berfungsi dalam sistem pendidikan.

Abu Bakar Nordin dan Ikhwan Osman (2003) menegaskan bahawa secara umum, kurikulum merupakan suatu istilah atau perkataan yang tidak asing lagi dan membawa makna yang pelbagai. Pandangan awam, kurikulum ialah mata pelajaran yang disediakan oleh pihak sekolah. Kurikulum adalah matlamat pendidikan yang

meliputi peranan guru dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan membudayakannya (Akhmal et al., 2011).

Taba (1962) dalam bukunya *Curriculum Development Theory and Practice* menyatakan bahawa langkah awal penyusunan kurikulum bermula dari perancangan mengajar oleh guru, bukan bermula oleh reka bentuk kerangka (*framework*) yang umum. Unit tersebut diuji dan dilaksanakan dalam kelas secara berterusan digunakan sebagai asas empirikal untuk menentukan reka bentuk yang menyeluruh (*overall design*).

Kurikulum tidak dapat lari dari berlakunya perubahan. Untuk menjadikan suatu kurikulum itu lebih berkesan, kurikulum itu perlu diubah bagi mewujudkan kesinambungan dengan situasi semasa. Oleh yang demikian, pembaharuan dalam kurikulum menjadi kewajipan kepada guru untuk memahaminya. Noraini Idris dan Shukri Osman (2009) menyatakan dalam memahami kurikulum, guru memerlukan pengetahuan yang luas dan mendalam. Guru bukan hanya merujuk kepada buku teks, tetapi guru perlu menterjemahkan pengetahuannya tentang kandungan kurikulum kepada kandungan pelajaran.

2.2 Kerangka Teori

Kejayaan pelaksanaan kurikulum memerlukan pengaturan yang baik. Ketetapan harus disesuaikan dengan suasana dan keadaan yang dikehendaki. Ornstein dan Hunkins (2009) menyatakan kejayaan terhadap pelaksanaan kurikulum memerlukan keterlibatan pihak yang terlibat dan mempunyai kefahaman terhadap tujuan program. Peranan pihak yang berada dalam sistem ini akan dipengaruhi oleh interaksi

kurikulum pada masa akan datang. Terdapat juga segelintir pihak yang mereka cipta kurikulum dan bersemangat untuk melaksanakannya. Namun, pelaksanaan kurikulum tersebut sering gagal kerana kepentingan pelaksanaannya tidak difahami dengan sepenuhnya.

Tyler (2013) mengatakan dalam pelaksanaan kurikulum ada empat asas yang perlu dijawab dalam perancangan pengajaran. Antara asas tersebut ialah apakah tujuan pendidikan, bagaimana persediaan untuk mencapai tujuan ini, bagaimana pengalaman pendidikan menjadi efektif apabila dilaksanakan dan bagaimana untuk menentukan semua tujuan yang ingin dicapai. Oleh itu, dalam pelaksanaan kurikulum setiap guru harus mengambil bahagian dalam perancangan dan mempunyai kefahaman yang tepat dalam menggunakan bahan pembelajaran.

Kurikulum baharu akan berjaya jika melalui lima garis panduan iaitu inovasi direka bentuk untuk meningkatkan prestasi pelajar, inovasi yang berjaya memerlukan perubahan dalam struktur sekolah, guru dan pelajar dalam pembelajaran berintegrasi satu sama lain, inovasi perlu diuruskan dan layak untuk guru, pelaksanaan perubahan yang berjaya harus realistik dan elakkan melakukan sesuatu “sindrom” sebuah rancangan kurikulum yang pasti diperlukan (Ornstein & Hunkins, 2009).

Dalam menyediakan bahan-bahan pengajaran, guru perlu memahami cara penggunaannya. Oleh itu, apabila kurikulum digubal tumpuan pada mulanya diberikan kepada penentuan objektif, buku-buku dan alat-alat yang diperlukan bagi pembelajaran, isi pembelajaran, kaedah-kaedah yang difikirkan sesuai dengan ekologi pembelajaran yang perlu ditimbulkan (Abu Bakar Nordin, 2003).

Pihak yang terlibat dalam pelaksanaan kurikulum ialah pelajar, guru, pekerja kerani, profesor, dan pihak yang terlibat dalam pendidikan. Dalam pelaksanaan kurikulum kunci kejayaannya adalah mereka yang melaksanakannya di dalam kelas. Min Ho et al. (2002) menyatakan guru, pengetua dan penyelia diharapkan dapat melaksanakan kurikulum Nasional Indonesia untuk meningkatkan kemampuan intelektual mereka. Oleh itu, dalam pelaksanaan Kurikulum 2013, guru diharapkan mempunyai kefahaman dalam merancang pengajaran dan pembelajaran, menggunakan model pembelajaran, menggunakan media pembelajaran dan membuat modul pembelajaran.

Kefahaman guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 haruslah ditingkatkan. Guru yang melaksanakan tugas mestilah mempunyai kefahaman secara menyeluruh dan berkesinambungan dalam pelaksanaan kurikulum (Fatimah, 2014). Tahap kefahaman guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta pelaksanaannya diharapkan memahami perancangan kurikulum secara baik (Miller & Seller, 1985; Fullan, 1991; Hasan, 1984; Rusman, 2009).

Mempunyai kefahaman dan wawasan yang luas dalam pelaksanaan kurikulum memudahkan guru untuk mencapai matlamat pembelajaran. Proses pelaksanaan kurikulum harus dilaksanakan oleh guru dalam kelas, walaupun guru belum mempunyai kefahaman yang memadai (Wang & Cheng, 2009). Oleh itu, pelaksanaan kurikulum akan memberikan kesan yang baik untuk guru (Nasution, 2006; Razali, 2007; Hamalik, 2004; Rusman, 2009).

Dalam menghadapi cabaran sebagai pelaksana kurikulum, guru memerlukan bantuan untuk meningkatkan kebolehannya (Nurahimah & Rafisah, 2001). Dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 guru dapat menerima bantuan latihan agar dapat memahami faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan Kurikulum 2013 (Abas, 2007; Mulyasa, 2008; Amin Yusuf, 2007).

Guru dapat membentuk dan melaksanakan Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) Kurikulum 2013 secara berkesan jika guru memahami dokumen kurikulum (Narwati, 2012; Trianto, 2011; Sumantri, 1988; Rusman, 2002). Beberapa prinsip yang harus diperhatikan dalam membangunkan RPP supaya menjadi rujukan oleh guru dalam merancang RPP (Mulyasa, 2007). Oleh itu, dalam membangun RPP guru perlu menekankan perkara yang perlu diberi keutamaan (Gagne, 1987; Masnur, 2009; Jabatan Pendidikan Nasional, 2008).

Dalam pelaksanaan kurikulum guru disaran memahami kandungan dalam menggunakan model pembelajaran (Arends, 2008; Jamarah, 2010; Trianto, 2011). Guru diharapkan dapat memahami tujuan menggunakan model pembelajaran dan PdP (Arends, 2008; Joyce & Weil, 1980; Zamri & Mohammad, 2006). Guru SMK diharapkan dapat menggunakan model pembelajaran yang berkaitan dengan pembelajaran PAKEM (Jabatan Pendidikan Nasional, 2008).

Kefahaman guru menggunakan media pembelajaran dan pelaksanaan kurikulum memudahkan guru dalam proses pengakuan maklumat (Arsyad, 2010; Latuheru, 1993; Rusman, 2009; Hamalik, 1994). Guru dapat mengetahui manfaat menggunakan media pembelajaran (Sudjana & Rivai, 1990; Hamalik, 1994). Media

pembelajaran mempunyai banyak manfaat dan menjadikan pembelajaran yang lebih efektif, mempercepat proses pengajaran dan pembelajaran (Nurseto, 2011). Penggunaan media pembelajaran dapat membantu guru dalam proses PdP agar guru dapat memilih media yang tepat (Arsyad, 2010).

Dalam pelaksanaan kurikulum, kefahaman guru semasa membuat modul pembelajaran membawa implikasi positif dalam proses pembelajaran (Sidek dan Alin, 2010). Tujuan penggunaan modul adalah untuk menambah kelancaran perhubungan antara guru dan pelajar dan seterusnya menambah kefahaman pelajar untuk memahami pembelajaran dengan lebih jelas dan berkesan (Hamalik, 1993; Jabatan Pendidikan Nasional, 2008; Winkel, 2007).

Kurniawan et al., (2015) menyatakan modul pembelajaran digunakan agar guru lebih mudah dalam menyampaikan isi pembelajaran. Penggunaan modul pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah akan merangsang suasana kelas (Cassidy, 2004). Oleh itu, dalam membuat modul guru dapat memperhatikan tahap penulisan sebuah modul, ciri-ciri yang diperlukan untuk mereka bentuk sebuah modul (Jabatan Pendidikan Nasional, 2008).

2.3 Kurikulum di Indonesia

Sistem pendidikan Indonesia telah melaksanakan beberapa jenis kurikulum. Berdasarkan sejarah kurikulum di Indonesia dapat dipelajari bahawa terdapat persamaan dari beberapa kurikulum. Kurikulum disusun mengikut pandangan dan tujuan pembangunan intelektual dan peribadi. Proses pengajaran direka untuk membolehkan pelajar memahami struktur ilmu pengetahuan. Melalui kurikulum,

diharapkan proses pengajaran dan pembelajaran dapat berlangsung dengan baik serta mencapai tujuan. Tujuan yang ingin dicapai perlu ditentukan melalui perkembangan zaman dan realistik kerana kurikulum perlu kepada perubahan.

Berkaitan pembaharuan kurikulum, Indrajati Sidi bekas Pengarah Jenderal Pendidikan Dasar dan Menengah Depdiknas dalam Kunandar (2007) berpendapat bahawa suatu usaha untuk meningkatkan mutu pendidikan adalah dengan merombak kurikulum dengan memberi penekanan terhadap kemampuan dan kemahiran aras minimum (*minimum basic skill*), menerapkan konsep belajar (*mastery learning*) dan membangkitkan sifat berdikari, inovatif, sikap kreatif, inovatif dan demokratif bagi pelajar. Perubahan kurikulum Pendidikan Indonesia dapat dilihat sebagai berikut:

a. Kurikulum 1947

Pada tahun 1947 telah dilaksanakan rancangan pembelajaran seperti berikut: jumlah mata pelajaran di sekolah rakyat (SR) sejumlah 16 bidang, Bahasa Indonesia digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah. 17 bidang kajian untuk sekolah menengah pertama (SMP) untuk Sekolah Menengah Atas (SMA) terdiri dari 19 Kajian. Rancangan pembelajaran 1947 telah dilaksanakan oleh menteri pendidikan Indonesia Mr Suwandi pada waktu itu.

b. Kurikulum 1968

Kurikulum 1968 telah dikeluarkan melalui ketetapan Majlis berunding sementara (MPRS) Nombor XXVII/1966 yang mengandungi tujuan pendidikan iaitu untuk membentuk manusia Pancasila sejati. Kurikulum 1968 berfungsi sebagai sebuah panduan praktikal yang berstruktur kurikulum untuk pertama kali. Kurikulum 1968

lahir selepas berakhirnya kekuasaan lama. Menteri Pendidikan Indonesia pada waktu dikuatkuasakan kurikulum 1968 adalah Mashuri SH. Tujuan pendidikan menurut kurikulum 1968 adalah untuk mengukuhkan keyakinan beragama, mempertingkatkan kecerdasan dan kemahiran, mempertingkatkan mental, moral, budi pekerti, membina dan mengembangkan fizikal yang kuat dan sihat. Kurikulum 1968 mengenakan syarat-syarat seperti berikut: (1) bersifat *correlated subject curricukulum*. (2) bilangan mata pelajaran untuk Sekolah Dasar (SD) ialah sebanyak 10 bidang mata pelajaran, Sekolah menengah Pertama (SMP) sebanyak 18 bidang mata pelajaran (bahasa Indonesia dibezakan dengan bahasa Indonesia I dan II, Sekolah Menengah Atas (SMA) jurusan A sebanyak 18 bidang mata pelajaran, SMA jurusan B sebanyak 20 bidang mata pelajaran, jurusan SMA C sebanyak 19 bidang mata pelajaran (3) penjurusan SMA dilakukan dikelas II. Tempoh ketetapan untuk pelaksanaan kurikulum ini adalah selama lebih kurang 7 tahun.

c. Kurikulum 1975

Kurikulum 1975 dilaksanakan ketika Menteri Pendidikan Indonesia di bawah pentadbiran Syarif Thaeb. Kurikulum 1975 ini mempunyai persyaratan seperti berikut: Ia bersifat *integrated curriculum organization*, Sekolah Dasar (SD) mempunyai suatu struktur program terdiri dari 9 bidang kajian, pelajaran ilmu alam dan ilmu hayat dirombak menjadi Ilmu Pengetahuan Alam (IPA), algebra dan Ilmu Ukur dirombak kepada ilmu matematik, pembelajaran ilmu alam, jumlah mata pelajaran SMP dan SMA menjadi 11 bidang mata pelajaran, penjurusan SMA menjadi: IPA, IPS dan bahasa bermula pada permulaan semester II kelas I.

d. Kurikulum 1984

Ketika tidak semua sekolah melaksanakan kurikulum 1975, para pemikir dunia pendidikan Indonesia pada waktu itu merasakan kurikulum ini tidak dapat mengejar kemajuan masyarakat, maka kurikulum 1975 diganti dengan kurikulum 1984. Peruntukan dalam kurikulum 1984 adalah bersifat *Content Based Curriculum*. Jumlah mata pelajaran SMP menjadi 12 bidang mata pelajaran. Penjurusan di SMA dilakukan di kelas II, jumlah mata pelajaran SMA 15 bidang mata pelajaran manakala untuk program khas.

Dalam kurikulum 1984 terdapat penambahan bidang mata pelajaran, iaitu pendidikan sejarah perjuangan bangsa (PSPB). Hal ini boleh difahami kerana Menteri Pendidikan Indonesia pada waktu itu adalah Nugroho Susanto seorang ahli bidang sejarah. Namun, setelah beberapa lama kurikulum 1984 ini dilaksanakan ia dianggap oleh kalangan pemerhati pendidikan sebagai kurikulum yang penuh dengan beban.

e. Kurikulum 1994

Kurikulum ini dilaksanakan ketika pentadbiran Menteri Pendidikan ketika itu iaitu Wardiman Djoyonegoro yang menimba ilmu di Jerman Barat. Kurikulum 1994 ini bersifat *Objective Based Curriculum*, Kurikulum 1994 dilaksanakan sebagai penyesuaian dalam rangka menampung tuntutan reformasi di Indonesia. Oleh yang demikian itu, terdapat rombakan pada kurikulum 1994. Dalam rombakan tersebut ada penyesuaian yang berkaitan pelajaran terutama pada mata pelajaran sosial seperti PPKN, sejarah dan beberapa mata pelajaran yang lain.

Antara peruntukan penambahbaikan yang ada dalam kurikulum 1994 adalah nama SMP (Sekolah Menengah Pertama) diganti dengan SLTP (Sekolah Lanjutan Pertama) dan SMA (Sekolah Menengah Atas) ditukar menjadi (Sekolah Menengah Umum) SMU. Seterusnya mata pelajaran PSPB dihapuskan. Program pengajaran SD (Sekolah Dasar) dan SLTP (Sekolah Lanjutan Pertama) disusun semula kepada 13 mata pelajaran. Penjurusan SMA dilakukan di kelas II yang terdiri dari program IPA (Ilmu Pengetahuan Alam), program IPS (Ilmu Pengetahuan Sosial) dan program bahasa. Program pengajaran SMU (Sekolah Menengah Umum) disusun kepada 10 mata pelajaran.

f. Kurikulum 2004.

Kurikulum 2004 berasaskan kompetensi sehingga dikatakan Kurikulum Berbasis Kompetensi (KBK). Kurikulum ini bersifat *competency based curriculum*. Penyebutan SMU (Sekolah Menengah Umum) SLTP (Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama) menjadi SMP (Sekolah Menengah Pertama). Program pengajaran SMP sebanyak 11 mata pelajaran dan SMA sebanyak 17 mata pelajaran. Kurikulum berasaskan kompetensi ini digagas ketika pentadbiran Menteri Pendidikan Indonesia iaitu Abdul Malik Fajar.

Pengamal pendidikan dan para ahli pendidikan menyatakan beberapa kritikan terhadap kurikulum 2004 iaitu penerapan pada standard kompetensi lulusan belum terlalu aplikatif kerana masih belum jelas pengertian kompetensi, masih sarat dengan bahan sehingga guru-guru resah terhadap bahan pengajaran kerana guru menganggap kurikulum ini sarat dengan bahan seperti yang terjadi pada kurikulum 1994 akan berulang kembali. Mutu pendidikan Indonesia jauh tertinggal dari negara jiran

seperti Malaysia, maka lahirlah kurikulum berasaskan kompetensi kerana adanya tuntutan mutu pendidikan Indonesia (Kunandar, 2007).

g. Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP)

KTSP dalam Standard Nasional Pendidikan (SNP pasal 1, ayat 15) dikemukakan bahawa Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) adalah kurikulum operasional yang disusun dan dilaksanakan oleh unit pendidikan. Unit pendidikan menyusun KTSP dengan mengikut dan memperhatikan standard kompetensi serta kompetensi dasar yang dibina oleh Badan Standard Nasional Pendidikan (BNSP).

KTSP dibentuk kerana KBK dianggap masih sarat dengan beban pelajaran dan kerajaan pusat dalam hal ini Jabatan Pendidikan Nasional (DEPDIKNAS) masih dipandang terlalu mencampuri dalam pembangunan kurikulum. Kurikulum tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) merupakan semakan dan pembangunan dari kurikulum yang berasaskan kompetensi atau ada yang menyebut kurikulum 2004. Oleh kerana itu di dalam KTSP beban pengajian terhadap pelajar sedikit berkurang. Seterusnya untuk membangunkan kurikulum diberi kuasa kepada peringkat unit pendidikan sekolah, guru dan jawatan kuasa seperti merancang beberapa komponen kurikulum dan penggunaan silibus terhadap pengajian.

h. Kurikulum 2013

Jabatan Pendidikan Nasional (2013) menyatakan Kurikulum 2013 adalah sebagai kurikulum yang perlu disempurnakan. Kurikulum 2013 belum dilengkapi dengan pelbagai alatan pembelajaran, seperti silibus, rencana pelaksanaan pembelajaran,

modul dan lain-lain. Oleh yang demikian itu, menjadi kewajipan guru untuk meningkatkan kefahaman dalam pelaksanaan Kurikulum 2013.

2.3.1 Kurikulum 2013

Kurikulum 2013 merupakan paradigma baru dalam pembangunan kurikulum untuk pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kurikulum ini disusun dan dilaksanakan di setiap unit pendidikan, jadual pendidikan, struktur dan silibus. Kurikulum 2013 mewujudkan sekolah yang produktif, berkesan dan berprestasi yang merupakan strategi pembangunan kurikulum. Setiap unit pendidikan dan sekolah diberikan autonomi luas dalam menguruskan sumber, sumber belajar, dana dan peruntukannya sesuai dengan keutamaan keperluan serta lebih responsif terhadap keperluan tempatan.

Menurut Mulyasa (2007) dengan memberi autonomi yang lebih besar kepada unit pendidikan di samping membantu sekolah, secara tidak langsung menunjukkan sikap menerima pakai kerajaan terhadap tuntutan masyarakat untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan pendidikan. Suatu idea dari kurikulum 2013 adalah sekolah sebagai pusat pembelajaran menjadi asas pembangunan kurikulum. Reformasi pendidikan di Indonesia yang memberikan autonomi kepada sekolah dan unit pendidikan dapat dilaksanakan dengan perubahan Kurikulum 2013. Kewujudan reformasi itu adalah untuk membangunkan kurikulum khususnya pembangunan kurikulum yang dilakukan oleh guru, guru besar, serta jawatan kuasa sekolah dan dewan pendidikan.

2.3.2 Tujuan Kurikulum 2013

Secara amnya, tujuan yang diterapkan dalam Kurikulum 2013 adalah untuk memberikan kuasa ekonomi kepada institusi pendidikan supaya pengetua sekolah mempunyai keberanian untuk melakukan pengambilan keputusan secara aktif dalam pembangunan kurikulum. Kurikulum 2013 adalah bertujuan mendorong pelajar untuk menjadi lebih baik dan mampu dalam melakukan pemerhatian, menyampaikan dan pertanyaan setelah mereka menerima bahan pengajian (Jabatan Pendidikan Nasional, 2013).

Secara khususnya, tujuan yang diterapkan pada Kurikulum 2013 adalah untuk meningkatkan kesedaran warga sekolah dan masyarakat dalam pembangunan kurikulum melalui pengambilan keputusan bersama. Melalui kebebasan dan inisiatif sekolah dalam mengembangkan kurikulum, umumnya dapat meningkatkan mutu pendidikan dan kualiti pendidikan yang akan dicapai melalui peningkatan kompetensi pendidikan. Pada Kurikulum 2013 diharapkan pelajar mempunyai pengetahuan yang jauh lebih baik, sikap, kemahiran, kreatif, inovatif dan produktif.

2.3.3 Platform Pembangunan Kurikulum Sekolah Menengah Vokasional

Undang-undang Republik Indonesia Nombor 20 tahun 2003 tentang sistem pendidikan Kebangsaan dan peraturan pemerintah Republik Indonesia Nombor 19 tahun 2005 tentang Standard Nasional Pendidikan Indonesia memperuntukkan tersusunnya kurikulum pada peringkat unit pendidikan. Tahap pendidikan rendah dan menengah, merujuk standard kandungan dan standard kompetensi lulusan serta panduan yang disusun oleh Badan Standard Nasional Pendidikan Indonesia (BNSP).

Berdasarkan standard kandungan, standard kompetensi lulusan dan panduan yang dikeluarkan oleh BSNP setiap unit pendidikan dalam hal ini iaitu sekolah menengah vokasional (SMK) diharapkan dapat membentuk kurikulum yang akan digunakan sebagai kurikulum operasi. Berikut adalah landasan pembangunan kurikulum sekolah menengah vokasional iaitu:

a. Undang- undang Nombor 20 Tahun 2003 tentang Sisdiknas

Dalam undang-undang Sisdiknas (Sistem Pendidikan Nasional) dikemukakan bahawa Standard Nasional Pendidikan (SNP) digunakan sebagai acuan pembangunan kurikulum, tenaga pendidik, kemudahan prasarana, pengurusan dan pembiayaan. Pembangunan standard nasional pendidikan, pemantauan dan pelaporan pencapaiannya secara nasional akan dilaksanakan oleh sebuah badan piawaian jaminan, dan kawalan kualiti pendidikan. Undang- undang Nombor 20 Tahun 2003 tentang Sisdiknas dalam undang-undang Sisdiknas (Sistem Pendidikan Nasional) dikemukakan bahawa Standard Nasional Pendidikan (SNP) terdiri dari standard kandungan, tahap lulusan, proses tenaga pendidik, fasiliti, pengurusan pembiayaan dan penilaian pendidikan yang harus ditingkatkan secara pelan dari semasa ke semasa.

Kurikulum yang disusun sesuai mengikut tingkat pendidikan dalam kerangka Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI) adalah mengambil kira untuk peningkatan akhlak mulia, peningkatan iman dan takwa, peningkatan potensi, membentuk kecerdasan dan minat pelajar, mempelbagaikan potensi daerah dan persekitaran, menuntut pembangunan daerah dan nasional, menuntut dunia kerja,

memperkembangkan ilmu pengetahuan, teknologi dan seni, agama, dinamik dalam perkembangan global, persatuan nasional dan memupuk nilai kebangsaan.

b. Peraturan Pemerintah Nombor 19 Tahun 2005

Peraturan Pemerintah Nombor 19 Tahun 2005 adalah peraturan tentang Standard Nasional Pendidikan (NSP). Sebagai panduan terhadap penyelenggaraan proses pengajaran dan pembelajaran, kurikulum adalah rencana yang merangkumi isi, bahan pelajaran dan cara digunakan. Kurikulum dibina berdasarkan standard kompetensi lulusan dan standard kandungan (ruang lingup bahan pengajaran).

Manakala kurikulum pendidikan umum, vokasional dan khusus pada tahap pendidikan rendah dan menengah disusun ke dalam lima kelompok iaitu; (a) Kelompok mata pelajaran kewarganegaraan dan keperibadian, (b) Kelompok mata pelajaran agama dan akhlak mulia, (c) Kelompok mata pelajaran etika, (d) Kelompok mata pelajaran ilmu pengetahuan dan teknologi, dan (e) Kelompok mata pelajaran jasmani, sukan dan kesihatan.

c. Peraturan Menteri Pendidikan Nasional Indonesia Nombor 22 Tahun 2006

Peraturan Menteri Pendidikan Nasional Nombor 22 Tahun 2006 menetapkan tentang standard kandungan untuk unit Pendidikan Dasar dan Menengah yang selanjutnya disebut sebagai standard isi, merangkumi aspek bahan minimum dan peringkat kompetensi minimum untuk mencapai kompetensi lulusan minimum dalam pengelasan dan jenis pendidikan tertentu.

d. Peraturan Menteri Pendidikan Nasional Indonesia Nombor 23 Tahun 2006

Peraturan Menteri Pendidikan Nasional Nombor 23 Tahun 2006 menetapkan Standard Kompetensi Lulusan untuk unit pendidikan rendah dan menengah digunakan sebagai panduan penilaian dalam menentukan kelulusan pelajar. Standard Kompetensi Lulusan meliputi standard kompetensi lulusan minimum untuk unit pendidikan rendah dan menengah, standard kompetensi lulusan minimal kelompok mata pelajaran dan standard kompetensi lulusan minimal bagi mata pelajaran yang akan berpandukan kepada kompetensi dasar.

e. Peraturan Menteri Pendidikan Nasional Nombor 24 tahun 2006

Peraturan Menteri Pendidikan Nasional Nombor 24 tahun 2006 menetapkan tentang pelaksanaan SKL dan Standard isi. Dalam peraturan ini dikemukakan bahawa unit pendidikan rendah dan menengah dibangunkan dan ditetapkan berpanduan kurikulum tingkat satuan pendidikan rendah dan menengah mengikut keperluan unit pendidikan yang bersangkutan.

2.3.4 Prinsip pembangunan kurikulum yang diamanahkan BSNP

Dalam pelaksanaan kurikulum, BSNP (2006) menetapkan acuan operasi penyusunan kurikulum iaitu:

- a) Peningkatan iman dan takwa serta akhlak mulia: Keimanan dan ketakwaan serta akhlak mulia menjadi asas pembentukan keperibadian pelajar. Kurikulum disusun sehingga membolehkan semua mata pelajaran menjadi teras kepada peningkatan iman dan takwa serta akhlak mulia.

- b) Peningkatan potensi: Dalam meningkatkan potensi, kurikulum disusun dengan mengambil kira peringkat perkembangan, minat, kecerdasaan intelektual, emosional dan sosial spiritual dan kinestetik pelajar. Kecerdasan dan minat sesuai dengan tingkat perkembangan dan kemampuan pelajar. Hal ini kerana pendidikan merupakan proses untuk meningkatkan kedudukan manusia secara holistik (afektif, kognitif, psikomotor) supaya berkembang secara optimum.
- c) Mempelbagaikan potensi dan ciri-ciri daerah dan alam sekitar: Daerah mempunyai potensi, keperluan, cabaran dan kepelbagaian ciri-ciri alam sekitar yang berbeza. Setiap daerah memerlukan pendidikan sesuai dengan ciri-ciri dan pengalaman hidup masyarakatnya. Oleh itu, kurikulum harus merangkumi aspek-aspek kepelbagaian tersebut untuk menghasilkan lulusan yang relevan dengan keperluan pembangunan daerah.
- d) Tuntutan pembangunan daerah dan nasional: Dalam era autonomi dan desentralisasi, kedua-duanya perlu dibangunkan secara serimbang dan saling berhubung. Untuk mewujudkan pendidikan yang autonomi dan demokratik memerlukan perhatian kepelbagaian dan menggalakkan penyertaan masyarakat dengan semangat yang berwawasan kebangsaan.
- e) Tuntutan dunia kerja: Kurikulum perlu untuk membentuk kecekapan hidup untuk membekalkan pelajar memasuki dunia pekerjaan. Aktiviti pembelajaran harus dapat menyokong tahap perkembangan peribadi pelajar yang berjiwa keusahaahan dan mempunyai kecekapan hidup. Hal ini

sangat penting terutama bagi unit pendidikan vokasional dan pelajar yang tidak meneruskan pengajian ke tahap yang lebih tinggi.

- f) Meningkatkan ilmu pengetahuan, teknologi, dan seni (IPTEKS): Pendidikan hendaklah dapat melakukan adaptasi dan penyesuaian perkembangan IPTEKS sehingga menjadi relevan dan seiring dengan perubahan keadaan. Pendidikan perlu mewujudkan kesedaran berkaitan kesan global yang membawa masyarakat berdasarkan pengetahuan di mana IPTEKS berperanan sebagai penggerak utama kepada perubahan. Oleh kerana itu, kurikulum harus dibangunkan secara berkala dan berterusan selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan, teknologi, dan seni.

- g) Agama: Kandungan kurikulum semua mata pelajaran hendaklah tidak lari dari menyokong peningkatan iman, takwa, dan akhlak mulia. Kurikulum hendaklah diseimbangkan untuk menyokong peningkatan iman dan takwa serta akhlak mulia serta tetap memelihara toleransi dan kerukunan umat beragama.

- h) Perkembangan global: Hubungan antarabangsa yang semakin dekat memerlukan individu yang berdikari mampu bersaing serta mempunyai kemampuan untuk hidup bersama-sama dengan suku dan bangsa lain. Pendidikan perlu mewujudkan sifat berdikari, baik kepada individu mahupun kepada sesuatu bangsa ketika dunia pada masa kini digerakkan oleh sistem pasaran bebas.

- i) Persatuan nasional dan nilai kebangsaan: Kurikulum harus memupuk dan mengembangkan wawasan, semangat kebangsaan dan persatuan nasional

untuk memperkuatkan persatuan bangsa dalam wilayah Republik Indonesia. Pendidikan diarahkan untuk membina watak dan wawasan kebangsaan pelajar yang menjadi landasan penting bagi usaha memelihara persatuan dan kesatuan bangsa dalam rangka Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI).

- j) Keadaan sosial budaya masyarakat tempatan: Penghayatan dan penghargaan pada budaya tempatan perlu terlebih dahulu dibentuk sebelum mempelajari budaya dari daerah dan bangsa lain. Oleh itu kurikulum perlu dibina dengan mengambil kira sosial budaya masyarakat tempatan dan membantu kelestarian kepelbagaiannya budaya.
- k) Kesetaraan gender: Terciptanya pendidikan yang memupuk kepada nilai keadilan dan persamaan gender harus diarahkan melalui kurikulum.
- l) Ciri-ciri unit pendidikan: Kurikulum harus dikembangkan sesuai dengan visi, misi, tujuan, keadaan dan ciri-ciri khas kesatuan pendidikan.

2.3.5 Komponen Program dalam Kurikulum 2013

Pelaksanaan Kurikulum 2013 merangkumi pelaksanaan program tahunan, program semester, program mingguan dan harian, program bimbingan dan kaunseling.

- a) Program Tahunan: Program ini merupakan rujukan bagi pembangunan program-program seterusnya oleh guru. Guru perlu menyediakan program ini dan mengembangkannya sebelum pengajaran berlangsung, iaitu program semester, mingguan dan harian atau setiap pembelajaran setiap kompetensi dasar. Program tahunan adalah program umum setiap

mata pelajaran untuk setiap kelas yang dibina oleh guru mata pelajaran yang berkenaan. Sumber-sumber yang boleh dijadikan bahan pengembangan program tahunan antara lain ialah senarai kompetensi standard sebagai konsensus nasional, ruang lingkup dan urutan kompetensi.

- b) Program Semester: Program semester mengandungi garis-garis besar mengenai hal-hal yang hendak dilaksanakan dan dicapai dalam semester tersebut. Program semester ini merupakan sebahagian dari program tahunan. Pada umumnya program semester ini menjelaskan tentang bulan, tajuk perbahasan yang hendak disampaikan, waktu yang dirancang dan keterangan yang berkaitan.
- c) Program Mingguan dan Harian: Program ini dapat mengenal pasti kemajuan belajar bagi setiap pelajar. Bagi pelajar yang cemerlang diberikan galakan yang lebih efektif manakala bagi pelajar yang agak perlahan dari segi penerimaan pelajaran diadakan pengulangan modul untuk mencapai tujuan yang belum dicapai dengan menggunakan waktu cadangan tertentu. Program ini merupakan sebahagian dari program semester dan program modul.
- d) Program pengayaan dan pemulihan: Program ini mengenal pasti modul yang perlu diulang oleh pelajar yang wajib mengikuti pemulihan dan

yang mengikuti program pengayaan. Program ini merupakan program pelengkap dari program mingguan dan harian.

- e) Program pembangunan diri: Guru mata pelajaran perlu sentiasa menjalankan rutin pengajaran secara berterusan dan dibenarkan guru menjadi pembimbing kepada pelajar yang berkaitan peribadi, sosial, belajar dan kerjaya. Sekolah berkewajipan memberikan program pembangunan diri melalui bimbingan kaunseling .

2.4 Kefahaman Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum 2013

Kefahaman guru bagi mencapai tujuan dan nilai yang merangkumi elemen dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) hendaklah selalu ditingkatkan. Kefahaman guru dalam melaksanakan Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP), tujuan pembelajaran harus dijelaskan, bahan mengajar harus dipilih dan diorganisasikan, pemilihan media pembelajaran diutamakan, penjelasan keadaan PdP, ketepatan langkah PdP. Teknik dengan tujuan PdP harus sesuai, kelengkapan instrumen dan penilaian. Oleh itu, guru yang melaksanakan tugas hendaklah mempunyai kefahaman secara berkesinambungan dalam pelaksanaan kurikulum (Fatimah, 2014).

Guru dan pihak yang berkepentingan dalam bidang pendidikan perlu faham secara holistik terhadap kepentingan kurikulum. Guru juga perlu mengetahui tujuan perubahan pendidikan. Memahami kurikulum secara mengetahui isi kandungan pembelajaran, guru dapat menentukan alat untuk mengukur keberhasilan pembelajaran serta bagaimana cara melakukannya. Hal ini menuntut guru

melaksanakan perancangan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan. Tanpa kefahaman ini pelaksanaan Kurikulum 2013 tidak akan berjalan dengan baik (Abdul, 2014).

Perubahan kurikulum KTSP kepada Kurikulum 2013 harus disertai dengan peningkatan kefahaman guru dalam melaksanakan kurikulum di lapangan. Kurikulum 2013 menitikberatkan pendidikan berkarakter. Kementerian Pendidikan Indonesia menilai pentingnya pembangunan berkarakter dalam pendidikan. Pelajar yang berkarakter akhirnya akan dapat meningkatkan mutu pendidikan nasional. Menurut Masnur (2011), Pendidikan berkarakter adalah pendidikan budi pekerti yang melibatkan aspek pengetahuan, perasaan dan tindakan. Dengan pendidikan berkarakter seseorang individu akan menjadi cerdas emosi dalam mempersiapkan diri menghadapi masa depan yang mencabar. Manakala kecerdasan emosi dapat membantu seseorang untuk berjaya dalam menghadapi segala cabaran pada masa hadapan.

Menurut Jabatan Pendidikan Nasional (2013), dalam kerangka pengukuhan menuju bangsa Indonesia yang berkerakter, kurikulum 2013 merupakan salah satu langkah awal menuju kejayaan. Kurikulum 2013 diharapkan dapat membentuk manusia Indonesia yang bermaruah, beradap, berbudaya, beriman bertakwa kepada Tuhan Yang Maha Esa, berilmu, berakhhlak mulia, sihat, cekap, berdikari, kreatif dan menjadi warga negara yang bertanggungjawab dan mampu menghadapi pelbagai cabaran dimasa hadapan. Kurikulum 2013 di rekacipta berdasarkan pada kerakter bangsa, berasaskan peradaban dan berasaskan kompetensi. Seorang guru

menjalankan tugasnya diharapkan mengusai kurikulum dan melaksanakannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Kunandar (2007), dalam melaksanakan tugas seorang guru hendaklah mempunyai kefahaman seperti menguasai kurikulum dengan mengetahui kandungan yang perlu digunakan dalam proses pengajaran dan penggunaan alatan pengajaran yang bersesuaian. Guru juga perlu menguasai dan menghayati secara mendalam kandungan yang akan diajar, menguasai kaedah dan penilaian, tanggungjawab terhadap tugas dan nilai disiplin.

Berdasarkan kenyataan tersebut, guru perlu menjalankan tugasnya seperti berikut:

- a) Pemahaman terhadap penguasaan ilmu, teori atau konsep, penguasaan kompetensi akademik atau kompetensi kerja terhadap kemampuan menyelesaikan masalah, pembentukan peribadi yang sempurna dan perancangan pengajaran yang berkesan.

- b) Kemampuan untuk mengembangkan tujuan kurikulum merupakan teras dalam menetapkan tujuan yang khusus. Tujuan yang umum perlu dirumuskan kepada tujuan yang lebih khusus. Tujuan yang bersifat kompleks perlu dilaksanakan pada aplikasinya. Tujuan yang bersifat kompetensi diterangkan pada performansi. Tujuan penyelesaian masalah atau pembangunan yang bersifat umum dilaksanakan dalam penyelesaian atau pembangunan yang lebih khusus.

c) Kemampuan untuk menterjemahkan tujuan khusus kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Konsep atau aplikasi ini perlu diterjemahkan melalui aktiviti pembelajaran dan pendekatan atau kaedah pembelajaran. Kompetensi menunjukkan kecekapan, kemahiran dan kebiasaan. Oleh itu, model atau kaedah pembelajaran yang digunakan adalah bersifat kegiatan atau perbuatan. Penyelesaian masalah atau pembangunan aspek keperibadian juga merupakan kemampuan bagaimana pendekatan atau kaedah pembelajaran dirancang untuk meningkatkan kemampuan tersebut.

Untuk meningkatkan kemampuan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran, antara tindakan yang boleh dilakukan oleh guru melalui perbincangan, bengkel, latihan, penataran, simulasi dengan rakan sebaya dan musyawarah dengan guru mata pelajaran (MGMP). Dalam menjangka halangan yang akan ditempuhi, perkara-perkara berikut menjadi keutamaan.

- a) Pihak berkepentingan perlu mengdiagnosis keperluan masyarakat setempat pada awal pelaksanaan kurikulum. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya kekangan yang mendatang.
- b) Guru perlu menggunakan strategi pengajaran dan pembelajaran serta bahan-bahan pengajaran yang bersesuaian. Dengan demikian kemampuan guru untuk memilih antara kompetensi dengan tujuan instruksional merupakan hal yang harus dipertingkatkan.

- c) Struktur bahan disusun bermula dari perancangan pengajaran dalam bentuk jam pelajaran sehingga menjadi satu kesatuan yang saling berkaitan.

Dalam pelaksanaan kurikulum, kefahaman guru perlu dibangunkan dengan mengkaji semula komponen-komponen kurikulum pelaksanaan. Miller dan Seller (1985) mengenal pasti tujuh komponen utama dalam merancang pelaksanaan kurikulum iaitu kajian dari program-program baru, pengenalan sumber, definisi peraturan, pembangunan profesional, batasan waktu, komponen sistem dan pengawasan pelaksanaan.

- a) Kajian program baru: Merancang kajian untuk program baru membolehkan sumber-sumber dapat mengatasi cabaran yang ada. Kajian ini dapat mengambil dan mencipta perancangan jawatankuasa manual program baru atau juga kepada sekolah. Kajian ini juga boleh mengenal pasti pengaruh berpotensi atas keyakinan guru, metodologi dan sumber.
- b) Pengenalan sumber: Pengenalan sumber terdiri dari tiga perkara iaitu media cetak dan audio visual, sumber individu dan sumber kewangan.
- c) Definisi peraturan: Mendeskripsikan peraturan yang boleh membantu menjamin pekerjaan supaya tidak terjadi kesalahan kefahaman.
- d) Pembangunan profesi: Keperluan pembangunan profesi perlu dilakukan oleh guru melalui program baru sebagai komponen yang akan datang sebagai perancangan pelaksanaannya.

- e) Batasan waktu: Tetapan jadual pelaksanaan adalah sejumlah tujuan untuk mengetahui kemajuan dari pelaksanaannya.
- f) Sistem komunikasi: Sistem komunikasi boleh menjadi alat perhubungan bagi guru untuk menyediakan kemudahan. Perbincangan maklumat tentang program baru dan pembentukan waktu perbincangan yang akan dijalankan.
- g) Pengawasan pelaksanaannya: Tujuan dilakukan pengawasan dalam pelaksanaan adalah untuk mengumpul maklumat yang berkaitan dengan pelaksanaan dan menggunakan maklumat itu untuk meyokong perkara yang mempengaruhi ke atas guru.

Menurut Hamalik (2004) dalam melaksanakan kurikulum di sekolah, perkara yang perlu diambil kira ialah sejumlah komponen yang saling berinteraksi. Komponen pelaksanaan kurikulum meliputi:

- a) Rumusan destinasi: Komponen ini menyatakan rumusan tujuan yang hendak dicapai atau yang diharapkan setelah pelaksanaan kurikulum. Rumusan ini mengandungi hasil yang hendak dicapai dengan meliputi aspek-aspek deduktif, pentadbiran dan sosial.
- b) Pengenalan sumber: Komponen ini memuatkan secara terperinci sumber yang diperlukan untuk melaksanakan kurikulum. Antara sumber yang

digunakan ialah sumber kebolehbacaan, sumber audio visual, manusia, masyarakat dan sumber di sekolah berkenaan.

- c) Peranan pihak-pihak berkaitan: Komponen ini menyatakan tentang unsur-unsur kakitangan yang bertindak sebagai pelaksana kurikulum seperti tenaga kerja, supervisior, pentadbir dan pelajar sendiri.
- d) Pembangunan kemampuan profesional: Komponen ini menitikberatkan kemampuan yang diisyaratkan bagi kakitangan yang berkaitan dengan pelaksanaan kurikulum.
- e) Penjadualan kegiatan pelaksanaan: Komponen ini memperuntukkan huraian lengkap dan terperinci tentang jadual pelaksanaan kurikulum. Penjadualan ini diperlukan sebagai acuan bagi para pelaksana untuk memudahkan pelaksanaan tugas.
- f) Unsur penunjang: Komponen ini memperuntukan huraian lengkap tentang semua unsur penunjang yang berfungsi sebagai menyokong pelaksanaan kurikulum. Unsur penunjang meliputi kaedah kerja, manusia, peralatan, kos dan masa yang tersedia.
- g) Komunikasi: Komunikasi yang berkesan akan berlangsung dengan lancar dan berjaya.

- h) Pemantauan: Komponen ini memuat secara terperinci dan menyeluruh tentang rencana proses pemantauan sejak awal bermulanya pelaksanaan kurikulum.
- i) Catatan dan laporan: Komponen ini mengandungi panduan berkenaan dengan catatan data dan maklumat serta memuat laporan yang berkenaan dengan pelaksanaan kurikulum. Catatan ini berfungsi untuk membantu kedudukan pemantauan dan membantu prosedur penilaian pelaksanaan kurikulum.
- j) Penilaian proses: Komponen ini mengandungi rancangan penilaian proses pelaksanaan kurikulum. Dalam rancangan ini dijelaskan tujuan, fungsi, kaedah penilaian dan bentuk penilaian.
- k) Penambahbaikan dan reka bentuk kurikulum: Bahagian ini menjelaskan perkara yang perlu dilakukan untuk penambahbaikan atau pemansuhan kurikulum yang hendak dilaksanakan. Penambahbaikan ini dilakukan atas dasar maklum balas dari hasil penilaian proses.

2.4.1 Proses Pelaksanaan Kurikulum 2013

Pelaksanaan kurikulum adalah suatu proses penerapan idea, konsep, dasar atau inovasi dalam satu tindakan praktikal sama ada pengetahuan, kemahiran mahupun nilai dan sikap yang boleh memberikan kesan. Mulyasa (2008) menyatakan bahawa penerapan konsep kurikulum dalam suatu aktiviti pembelajaran disebut sebagai pelaksanaan sehingga pelajar menguasai kemahiran tertentu.

Pelaksanaan Kurikulum 2013 dapat memberikan keselesaan kepada guru-guru. Walaupun demikian, terdapat sebilangan guru masih merasakan bebanan yang berat dalam perubahan kurikulum. Menurut Amin Yusuf (2007) keselesaan yang dirasa oleh guru dalam perubahan kurikulum adalah keluasan memilih bahan pengajaran. Guru bertindak dengan lebih berdikari dan selesa dalam menentukan bahan pengajaran yang sesuai dengan keadaan persekitaran sekolah dan kemampuan pelajar. Sekolah berfungsi sebagai agen pentadbiran dalam menyusun program pendidikan yang sesuai dengan keadaan pelajar dan sumber pengajaran yang disediakan. Namun, tidak dapat dinafikan terdapat kekurangan dalam pelaksanaan perubahan kurikulum iaitu dalam hal penglibatan guru dalam penyusunan kurikulum, silibus dan RPP. Selain itu, terdapat perkara yang perlu dilihat semula iaitu sebilangan sekolah masih bergantung dengan model kurikulum dari pusat kurikulum (Sulipan, 2012).

Dalam pelaksanaan kurikulum baharu, guru dituntut untuk memahami pelaksanaannya agar tujuan yang ingin dicapai dapat dimaksimumkan. Menurut Masithoh et al., (2009) terdahulu wujudnya sekolah dan guru yang tidak mahu bertindak balas terhadap kurikulum baharu. Ketika adanya perubahan dalam pembangunan kurikulum dan pelaksanaan kurikulum di sekolah, pihak sekolah kurang melaksanakan kurikulum secara maksimum.

Rahman (2011) dalam kajiannya menyatakan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan memupuk kemahiran tertentu kepada pelajar. Peranan dan tanggungjawab utama sekolah bukan hanya kepada menyampaikan ilmu

pengetahuan malah sekolah adalah tempat bagi melahirkan murid yang mempunyai sahsiah yang baik, bersatu padu, bertoleransi, berdisiplin dan bahagia.

Kurikulum di Indonesia telah mengalami beberapa kali perubahan. Keadaan ini diharapkan dapat membawa perubahan kepada kualiti pendidikan. Maimun (2005) menyatakan sejarah perubahan pendidikan di Indonesia bukan wacana baru. Perubahan kurikulum berlaku secara teliti dan mengikut signifikan kualiti pendidikan. Keberkesanan pelaksanaan kurikulum baharu telah dikaji oleh beberapa penyelidik. Kefahaman guru terhadap perubahan kurikulum masih rendah. Budi (2014) menyatakan bahawa guru sukar menerapkan kurikulum 2013 kerana kurangnya sosialisasi atau latihan. Guru menyatakan latihan, kursus dan bengkel yang sedia ada belum memberikan kefahaman yang mendalam dalam mengaplikasikan kurikulum (Subahan, 1999). Dalam menangani permasalahan ini, guru perlu mengetahui kemahiran profesion, pengetahuan amalan pengajaran dan strategi pengajaran yang pelbagai.

Dalam satu kajian inovasi kurikulum di Malaysia, Azizah (1987) menyatakan bahawa kursus orientasi guru tidak mencukupi dalam melaksanakan kurikulum baharu. Permasalahan ini berlaku disebabkan guru tidak menerima latihan yang mencukupi dalam melaksanakan pendekatan pengajaran (Napsiah, 1983). Subahan dan Raof (1989) menegaskan untuk melaksanakan pengajaran yang berkesan dan berkualiti, guru perlu bersedia dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan pada masa kini.

Habib Mat Som (2004) untuk mewujudnya keharmonian antara pihak berkepentingan, guru perlu memahami apa yang dikehendaki oleh perancang kurikulum. Persoalan penting yang perlu dititik beratkan oleh perancang pendidikan adalah kesediaan guru untuk melaksanakan kurikulum perubahan tersebut. Pihak berkuasa pendidikan menganggap perubahan kurikulum sebagai satu kemestian, sedangkan guru melihatnya pada sudut pandang sebaliknya. Dalam hal ini, akan mewujudkan kerumitan dalam pelaksanaan kurikulum baru.

Evans (2004) mengetengahkan terdapat dua persoalan yang perlu diperhalusi dalam pembaharuan kurikulum. Berlakunya perubahan secara berkesan di peringkat sekolah dan sebilangan guru kurang cekap untuk melaksanakan perubahan. Begitu juga dengan tuntutan perubahan masa kini yang memerlukan guru mahir dalam pelbagai sudut. Kedua-dua persoalan tersebut akan menyebabkan proses pelaksanaan perubahan kurikulum sedikit terganggu. Evans (2004) berpendapat bahawa aspek norma, sikap, tingkah laku guru dan perubahan budaya sekolah kurang diberi penekanan. Kebiasaan proses pelaksanaan perubahan hanya menumpukan aspek teknikal seperti penyediaan alat dan juga latihan.

Kemahiran dan tahap kesediaan guru dalam melaksanakan inovasi kurikulum juga mengalami kerumitan. Keadaan ini disebabkan keupayaan dan kemampuan guru, lokasi sekolah, latar belakang demografi guru yang berbeza. Ahmad (2014) menyatakan bahawa perubahan kurikulum menimbulkan pro dan kontra terhadap guru. Permasalahan ini berlaku kerana kurangnya kesediaan guru dalam merancang proses pembelajaran Kurikulum 2013. Sikap dan pengetahuan dalam menentukan tahap kesediaan guru dalam melaksanakan kurikulum pembaharuan juga berbeza

sehingga terdapat pelbagai cabaran yang terpaksa dihadapi di sekolah bagi melaksanakan inovasi kurikulum yang berkesan (Ross, 1998).

Pelaksanaan kurikulum dapat juga diertikan sebagai aktualisasi kurikulum tertulis (*written curriculum*) dalam bentuk pembelajaran. Miller dan Seller (1985) menyatakan bahawa suatu proses pelaksanaan program atau susunan kurikulum dalam amalan pembelajaran atau aktiviti baru sehingga terjadi perubahan pada sekelompok orang yang diharapkan untuk berubah dengan menerapkan konsep dan idea. Mulyasa (2008) menyatakan proses interaksi antara fasilitator sebagai pemaju kurikulum dan pelajar sebagai orang yang belajar dikatakan sebagai pelaksanaan kurikulum.

Pelaksanaan kurikulum dipengaruhi oleh tiga faktor iaitu strategi dalam pembelajaran seperti penyediaan buku kurikulum dan kegiatan-kegiatan yang boleh menggalakkan penggunaan kurikulum dilapangan, diskusi, seminar, latihan dan bengkel. Kedua, suatu kemahiran dalam menterjemahkan kurikulum di lapangan dengan memperhatikan karakteristik yang merangkumi ruang lingkup dan idea baru. Ketiga, kemahiran menilai dan sikap guru terhadap kurikulum serta kemampuan untuk merealisasikan perancangan kurikulum (*curriculum planning*) dalam pembelajaran (Mulyasa, 2008).

Seterusnya, faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan kurikulum berjaya adalah dari diri guru itu sendiri, sokongan Guru Besar dan sokongan rakan sejawat. Dari ketiga- tiga faktor tersebut guru merupakan faktor penentu kejayaan pelaksanaan kurikulum di sekolah. Hasil pelaksanaan kurikulum tidak akan berjalan dengan

lancar sekiranya guru tidak dapat melaksanakan tugas dengan baik walaupun mempunyai sistem pendidikan yang baik (Mulyasa, 2007).

Pelaksanaan kurikulum merupakan proses pengajaran dan pembelajaran yang terdapat rencana pembelajaran, silibus, modul media dan sumber belajar. Kurikulum adalah hasil terjemahan guru terhadap kurikulum sebagai rencana tertulis (Mulyasa, 2003). Guru sebagai pelaksana bertindak menyusun program dan diharapkan mempunyai kefahaman dalam merancang rencana pelaksanaan pembelajaran, membina modul, menggunakan media dan melaksanakan model-model pengajaran.

Dalam pelaksanaan Kurikulum 2013, sudah tentu mempunyai halangan tertentu. Oleh itu, Guru dan Guru Besar dituntut untuk menjalankan tanggungjawab secara maksimum terhadap pelaksanaan kurikulum. Oleh yang demikian, sebagai kurikulum baharu secara pastinya memerlukan masa, sumber dan komitmen untuk melakukan pembaharuan. Hal ini merupakan bukan tugas yang mudah, namun harus diusahakan oleh semua guru di sekolah.

2.4.2 Kefahaman Guru Dalam Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP)

Perancangan merupakan perkara penting yang harus diperhatikan dalam pelaksanaan Kurikulum 2013. Kualiti pembelajaran secara keseluruhan akan menentukan kualiti pendidikan pada masa hadapan. Rino (2010) menyatakan bahawa sistem pembelajaran mempunyai bahagian yang melaksanakan fungsi tertentu seperti perancangan dalam pembelajaran yang memerlukan RPP. Oleh itu, setiap guru

dihendaki membina Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) kerana perancangan merupakan panduan kepada pembelajaran.

Seseorang guru diharapkan dapat melaksanakan pembelajaran seperti yang diprogramkan. Oleh itu, RPP harus mempunyai daya terap yang tinggi dan dapat diketahui kadar kemampuan guru dalam melaksanakan kurikulum seperti yang dirancang (Amin Yusuf, 2007). Perancangan guru sangatlah penting dalam mengembangkan silibus yang ditetapkan dalam kurikulum kerana silibus berkenaan perlu dihuraikan dalam perancangan RPP yang lebih khusus. Oleh yang demikian, dalam setiap pelaksanaan kurikulum guru dituntut untuk melaksanakan RPP (Mulyasa, 2008).

Dalam membina RPP, sebilangan guru mengalami kesukaran untuk merancang model RPP yang sebenarnya. Rancangan pengajaran yang dibina oleh guru belum dikatakan perancangan pengajaran yang baik (Alwen Bentri, 1998). Keadaan tersebut dipengaruhi oleh beberapa faktor yang cukup dominan seperti pemahaman dan penguasaan guru yang belum memadai terhadap dokumen kurikulum yang sedia ada dan bebanan tugas dalam pengajaran.

Dalam pelaksanaan kurikulum, secara teknikalnya Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) merangkumi komponen seperti standard kompetensi dasar dan penunjuk pencapaian hasil belajar. Masnur (2009) menyatakan bahawa dalam RPP terdapat tujuan pembelajaran, pendekatan pembelajaran, kaedah pembelajaran, bahan pembelajaran, langkah-langkah kegiatan pembelajaran, alat dan sumber belajar serta penilaian pembelajaran.

Bahan standard dan kompetensi dasar yang dijadikan bahan kajian dalam rancangan RPP hendaklah memberi fokus kepada minat dan perhatian pelajar. Dalam hal ini guru berperanan untuk membangkitkan minat dan dorongan untuk belajar. Tugas guru tidak hanya berperanan sebagai guru, tetapi mendorong pelajar untuk belajar dengan menggunakan pelbagai variasi media dan sumber yang sesuai serta membantu pembentukan kompetensi dasar. Untuk kepentingan tersebut, Terdapat beberapa prinsip yang harus diperhatikan dalam pembangunan RPP menurut Mulyasa (2007) iaitu:

- a) Bersederhana dan luwes dengan melakukan proses pembelajaran dan pembentukan kompetensi pelajar.
- b) Dalam membina RPP kompetensi yang dirumuskan hendaklah jelas. Makin jelas kompetensi makin mudah diamati.
- c) Dalam membina RPP, proses yang disusun dan dikembangkan hendaklah menyokong dengan kompetensi dasar dan mengikut kesesuaian.
- d) Pelaksana program di sekolah perlu ada penyelarasan apabila pembelajaran dilaksanakan secara pasukan (*team teaching*).
- e) Hendaklah menyeluruh dan sempurna serta jelas pencapaiannya.

Gagne (1987) mengisyaratkan bahawa dalam mengembangkan rencana pelaksanaan pembelajaran dan untuk meningkatkan kualiti pembelajaran, terdapat empat perkara yang perlu diberi keutamaan seperti berikut:

- a) Pembangunan Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) dipengaruhi oleh teori-teori dan langkah-langkah tertentu dalam proses perancangannya. Gagne (1987) merumuskan Proses pembelajaran merupakan suatu sistem yang mempunyai sejumlah komponen yang saling berinteraksi antara satu sama lain. Komponen tersebut berfungsi dalam mencapai matlamat pembelajaran dan membentuk keyakinan kepada pelajar.
- b) Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) hendaklah dibangunkan berdasarkan pengetahuan pelajar. Kualiti rencana pembelajaran banyak bergantung kepada cara rancangan tersebut dijalankan sama ada bersifat ilmiah atau sebaliknya. RPP hendaklah dibangunkan secara ilmiah berdasarkan teori-teori pengajaran dan pembelajaran yang telah diuji dan diteliti oleh para ahli ilmu pendidikan. Huraian di atas menjelaskan bahawa guru secara profesionalnya perlu mempunyai pengetahuan mengenai teori-teori pengajaran dan pembelajaran serta mampu membina rencana pembelajaran dengan baik dan berkesan.
- c) Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) hendaklah dibangunkan untuk memudahkan pembelajaran dan membentuk keyakinan jati diri pelajar. Walaupun proses pembelajaran dilakukan secara klasikal, pada hakikatnya pembelajaran itu adalah bersifat individual. Oleh itu, dalam membangunkan pelan pembelajaran perlu diterapkan ciri-ciri

pembelajaran di samping unsur-unsur kompetensi dasar, bahan standard, dan strategi yang digunakan untuk membentuk keyakinan diri pelajar.

- d) Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) hendaklah dibuat secara rapi tanpa ada unsur yang meragukan apatah lagi hanya untuk memenuhi syarat pentadbiran.

2.4.3 Kefahaman Guru Dalam Menggunakan Model Pembelajaran

Model pembelajaran adalah suatu pola atau perancangan yang digunakan sebagai panduan dalam merancang pembelajaran di dalam kelas. Pendekatan pembelajaran yang digunakan merujuk kepada model-model pembelajaran, tahap kegiatan pembelajaran, tujuan pembelajaran dan pengurusan kelas (Arends, 2008). Hal ini sesuai dengan pendapat Joyce dan Weil (1980) menyatakan dalam merancang pembelajaran setiap model pembelajaran akan mengarahkan guru untuk membantu pelajar mencapai matlamat pembelajaran.

Zamri dan Mohamad (2006) menyatakan guru yang mempelbagaikan strategi pengajaran dapat membantu pelajarnya menguasai pelbagai ilmu dengan cepat dan berkesan. Guru yang profesional dituntut menggunakan model pembelajaran. Memilih model pembelajaran yang tepat merupakan keperluan untuk membantu pelajar dalam rangka mencapai tujuan pengajaran dan mempengaruhi kejayaan pelajar (Salamah, 2006).

Model pembelajaran yang boleh digunakan berkaitan dengan Pembelajaran Aktif Efektif dan Menyenangkan (PAKEM) menurut Jabatan Pendidikan Nasional (2008) antaranya:

a) Kerja Projek

Pembelajaran produktif sering digunakan bagi model pembelajaran kerja projek. Pembelajaran ini mengarahkan pelajar secara standard dan sistematik untuk menyelesaikan dan membuat suatu produk. Pada pelaksanaan model pembelajaran kerja projek guru diharapkan dapat melakukan langkah-langkah yang boleh membantu pelajar dalam pelaksanaannya (Jabatan Pendidikan Nasional, 2008).

Guru melakukan langkah-langkah untuk menyatakan strategi pembelajaran dengan pendekatan kerja projek, menyatakan tujuan pembelajaran yang akan dicapai, menyatakan ruang lingkup standard kompetensi yang akan dipelajari oleh pelajar, menyatakan alternatif judul nama yang boleh dipilih pelajar, menyatakan penyusunan dan menetapkan garis panduan penilaian kompetensi dan memberi bimbingan kepada pelajar.

Pendekatan model pembelajaran kerja projek dapat membantu langkah-langkah seperti meminta tajuk dan nama produk, menyusun rencana kerja projek sesuai dengan tajuk yang dipilih, melakukan proses belajar dan mengajar, mengorganisasikan bukti belajar dan menyusun laporanyang sesuai dengan secara pengalaman belajar.

b) *Quantum Teaching and Learning* (QTL). Pengajaran dan Pembelajaran Secara Quantum.

Quantum Teaching and Learning (QTL) adalah pengubahan pengajaran dengan memasukkan segala kaitan, interaksi dan perbezaan yang memaksimumkan dalam proses pembelajaran. Keadaan tersebut untuk mewujudkan suasana belajar yang menyenangkan. QTL menumpukan pada hubungan dinamik dalam persekitaran kelas. Interaksi yang terjadi mewujudkan landasan dan kerangka untuk belajar. Rati dan Astawan (2011) dalam kajiannya mengungkapkan bahawa pembelajaran quantum dapat meningkatkan kefahaman konsep dan pemecahan masalah serta memberikan impak yang lebih baik dibandingkan metod pembelajaran konvensional.

Rati (2013) menetapkan pendekatan pembelajaran QTL merupakan tempat bagi pelajar mencari maklum balas, memberi dan menerima sebarang proses dalam pembelajaran. Dalam pembelajaran QTL, kelas merupakan tempat untuk meningkatkan kesedaran, meningkatkan daya penyertaan, maklum balas dan pertumbuhan bagi pelajar.

Persekutuan yang menyokong model pembelajaran QTL antara lain ialah tetapan tempat duduk pelajar dan mempunyai peranan penting dalam proses pembelajaran. Muzik boleh digunakan untuk menata suasana hati dan mengubah suasana mental pelajar. Penggunaan warna dan alat bantu belajar boleh membantu dalam memperkayakan kesegaran bilik darjah.

c) *Contextual Teaching and Learning* (CTL). Pengajaran dan Pembelajaran Secara Konstektual

Pembelajaran CTL (*Contextual Teaching and Learning*) merupakan suatu proses pembelajaran holistik, konteks kehidupan sehari-hari mengaitkan dengan bahan pembelajaran dan memahami makna bahan pelajaran yang dipelajari. Pelajar mempunyai pengetahuan dan kemahiran secara luwes dan dapat memindahkan dari satu permasalahan atau konteks kepada permasalahan atau konteks yang lain. Dalam pembelajaran CTL, guru perlu mewujudkan suasana kerjasama pelajar dan saling menyokong.

Suasana belajar secara tenang akan membuatkan pelajar aktif dan tidak membosankan serta proses pembelajaran berlangsung dengan baik. Tilaar (2015) dalam kajiannya menyatakan CTL merupakan konsep yang membantu guru untuk memotivasi pelajar.

Dalam melaksanakan model pembelajaran CTL, guru melakukan perancangan seperti memahami latar belakang kehidupan pelajar, bahan pengajaran dan perancangan pengajaran dilakukan dengan mengaitkan konsep dan teori dengan kehidupan pelajar. Penilaian dilakukan bagi menentukan pelajar tersebut mengusai pembelajaran atau sebaliknya. Pada akhir pengajaran dan pembelajaran guru mendorong pelajar untuk membina kesimpulan yang telah dipelajari.

d) *Problem - Based Learning* (PBL), Pembelajaran Secara Bermasalah

Model PBL merupakan model penyelesaian masalah dan langkah awal dalam mengumpul dan menginterasikan pengetahuan. Pembelajaran yang dilaksanakan akan membentuk dorongan penyelesaian masalah. Pembelajaran berdasarkan masalah merupakan pendekatan yang berkesan dan merupakan proses berfikir pada tahap yang tinggi. Menurut Arends (2008) pembelajaran secara penyelesaian masalah mampu untuk membina jati diri pelajar.

Dalam pembelajaran PBL terdapat beberapa kelebihan seperti merangsang kemahiran berfikir serta mendorong pelajar untuk melakukan pembelajaran yang berkesan. PBL mencerminkan sifat semulajadi pengetahuan yang sentiasa berubah-ubah sesuai dengan keperluan sebagai respon kepada masalah yang dihadapi. PBL juga merangsang pelajar untuk bertanya dan menggali pengetahuan secara mendalam.

e) *Inquiry Training* Model Mengajar

Model mengajar *Inquiry Training* membimbing dan menguji pelajar untuk mencari jawapan dengan membina konsep dan hipotesis. Guru menggunakan model pembelajaran ini dengan mengarahkan dan membantu pelajar mengembangkan kemahiran intelektual. Model pembelajaran *Inquiry Training* memfokuskan kepada pengumpulan maklumat yang dilihat dan berkaitan dengan masalah. Pengelompokan data dilakukan dengan memisahkan variabel yang relevan dan membuat hipotesis tentang hubungan penyebab. Langkah selanjutnya

mengorganisasikan data dan merumuskan suatu paparan. Kemudian menganalisis strategi inkuiri dan mengembangkan model pembelajaran yang berkesan.

f) *Role Playing* Model Mengajar (Main Peran)

Model pembelajaran ini digunakan oleh guru untuk membangunkan kemampuan analogi tentang situasi permasalahan kehidupan yang sebenar. Guru membantu pelajar dengan membimbing pada masa pembelajaran berlangsung. Dalam menggunakan model pembelajaran ini guru dapat melakukan langkah-langkah pembelajaran seperti memotivasiikan pelajar dengan mengenal pasti dan menjelaskan masalah. Kemudian menginterpretasikan dengan menjelaskan peranan dan menjelajah isu-isu. Selanjutnya guru membantu pelajar memilih peranan, menyiapkan pemerhatian dan menyiapkan tahap-tahap peranan. Kemudian pelajar memainkan peranan dengan melakukan perbincangan dan penilaian.

2.4.4 Kefahaman Guru Dalam Menggunakan Media Pembelajaran

Media pengajaran merupakan alat yang boleh membantu proses pengajaran dan pembelajaran supaya menjadi lebih menyeronokkan dan berkesan serta memudahkan guru dan pelajar berinteraksi dalam proses penyaluran maklumat. Nurseto (2011)

menyatakan bahawa media sebagai alat pembelajaran yang lebih efektif, mempercepat proses belajar. Antara contoh media yang dapat digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah internet, tv, gambar, flash card, dan powerpoint. Mengikut Heinich et al., (1993), media ialah alat penyampaian atau pembawa maklumat dengan penerima seperti televisyen, radio, gambar, Internet, risalah, foto dan perisian komputer. Media berfungsi dengan memudahkan proses komunikasi antara penghantar dan penerima.

Nurseto (2011) menyatakan bahawa media sebagai wahana penyalur informasi agar dapat membantu pelajar mencapai tujuan pembelajaran. Yusuf Hashim (1997) menyatakan media diistilahkan sebagai tujuan menyampaikan maklumat dan pengetahuan dengan menggunakan peralatan dan bahan perisian yang dibina dan direka sesuai dengan bahan pembelajaran. Penggunaan media pembelajaran dapat melancarkan proses pembelajaran dan mengoptimakan hasil pembelajaran (Nurseto,2011). Oleh itu, kefahaman guru dalam penggunaan media harus disesuaikan dengan kurikulum. Penggunaan media secara sistematik dalam proses pengajaran dan pembelajaran membantu meningkatkan kapasiti kefahaman pelajar (Rozinah Jamaluddin, 2003).

Penggunaan sumber pembelajaran atau media yang dipilih secara teliti akan memberi kejayaan kepada proses pembelajaran. Penggunaan media pembelajaran akan menjadi nilai tambah kepada proses pembelajaran (Basmalah, 2013). Media pembelajaran dapat menarik dan menstimulasikan perhatian pada bahan pembelajaran, menjelaskan isi kandungan pelajaran, membantu pembentukan sikap

dan pembangunan serta memberi peluang untuk menganalisis sendiri prestasi secara individual (Kemp, 1995).

Perubahan global dan perkembangan teknologi dalam sistem pendidikan menuntut guru melakukan perubahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Thomas dan Agung, 2005). Haris (2011) jelas menyatakan bahawa sistem pendidikan sekolah kini mengikut perubahan teknologi dengan menguasai Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK). Media pengajaran yang digunakan dapat membantu guru untuk menjelaskan konsep dan memberi penerangan kepada pelajar agar mesej yang ingin disampaikan jelas dan tepat.

Wijanto (2012) dalam kajiannya menyatakan guru merupakan nadi utama dalam menyampaikan kurikulum melalui media. Oleh itu, media pembelajaran dapat direka bentuk secara baik dan akan membantu pelajar mencapai tujuan pembelajaran. Penggunaan media lebih berguna untuk meningkatkan pemahaman dan ingatan kandungan pembelajaran oleh pelajar (Chen, 2011).

Sebagai pekerja profesional, guru harus menguasai substansi keilmuan dan menguasai model pembelajaran supaya dapat melibatkan pelajar secara aktif. Sebilangan guru hanya sekadar melaksanakan kewajipan, namun guru yang bersikap sedemikian adalah relatif dan tidak memerlukan strategi serta pelbagai kaedah tertentu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru berkenaan tidak ambil kisah dengan latar belakang pelajar dan karakteristiknya. Mereka merasakan tidak perlu membuat perancangan pembelajaran, pembangunan strategi, pembangunan

mesej dan mengabaikan penggunaan media dalam pembelajaran (Mukhtar & Yamin, 2002).

Guru dituntut menggunakan media yang sedia ada atau media baharu. Maka, guru perlu mengetahui dan memahami cara penggunaan media pembelajaran. Hamalik (1994) menjelaskan bahawa guru harus mempunyai pelbagai kefahaman terhadap fungsi media dalam rangka mencapai tujuan pendidikan.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, terdapat guru tidak menyedari bahawa penggunaan media pembelajaran sangat membantu guru dalam proses pengajaran. Menurut Alwen Bentri (1998) guru pada dasarnya kurang mengetahui dan menyedari sepenuhnya fungsi dan tujuan digunakan alat dan media tersebut. Walhal media berfungsi sebagai sumber alternatif dan dapat memberikan rangsangan ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Rowntree (1982) menjelaskan bahawa pada dasarnya media berfungsi sebagai alat pengajaran untuk meningkatkan motivasi. Basmalah (2013) turut senada menyatakan bahawa media pembelajaran yang baik akan memberikan motivasi, mudah mengingati pelajaran dan menjadikan pelajar lebih aktif di dalam kelas.

Media dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat dinyatakan bahawa sumber rangsangan kepada pelajar dan guru. Pelajar dan guru boleh meletakkan media sebagai variasi penjelasan verbal mengenai bahan pembelajaran. Guru perlu menggunakan media dalam menjelaskan pembelajaran pada saat guru menyampaikan pembelajaran. Hal ini banyak membantu guru dalam meningkatkan proses pengajaran dan pembelajarannya (Rusman, 2009). Menurut Kemp dan

Danton (1985) beberapa hasil kajian yang menunjukkan kesan positif daripada penggunaan media sebagai integrasi pembelajaran di dalam kelas.

Dale (1969) mengemukakan bahawa bahan-bahan audio-visual dapat memberikan banyak manfaat asalkan guru berperanan aktif dalam proses pembelajaran. Selain itu Basmalah (2013) menyatakan bahawa internet, CD dan audio visual dapat digunakan sebagai media pembelajaran yang menarik. Untuk menyediakan bahan pelajaran dengan bantuan media guru perlu sentiasa bersedia menggunakanannya. Dalam sistem pendidikan ketika ini, hubungan guru dan pelajar merupakan elemen penting. Oleh itu, guru perlu memahami dan memanfaatkan media pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Sudjana dan Rivai (1990) mengemukakan manfaat media pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan lebih jelas maknanya serta mudah difahami oleh pelajar. Kaedah pengajaran dan pembelajaran akan lebih berbeza dan bukan semata-mata komunikasi verbal melalui penuturan kata-kata oleh guru. Hasilnya pelajar tidak bosan dan guru dapat meningkatkan kefahaman pelajar dengan cepat. Sebaliknya, pelajar bukan hanya mendengar huraian guru, tetapi melakukan aktiviti lain seperti mengamati, mendemonstrasi dan main peranan. Hamalik (1994) menjelaskan manfaat media pendidikan untuk meningkatkan perhatian pelajar. Habidin et al., (2013) menyatakan bahawa media pembelajaran secara interaktif akan melahirkan proses pembelajaran yang lebih efektif dan efisyen.

Kefahaman guru dalam menggunakan media pembelajaran memerlukan ketekunan dan kemahiran yang tinggi dalam menerapkan budaya pengajaran dan pembelajaran

yang ditentukan. Arsyad (2010) menjelaskan terdapat enam faktor yang harus difahami oleh guru dalam menerapkan media pembelajaran iaitu faktor tujuan, faktor kegunaan, faktor bayaran, faktor pelajar, faktor kesediaan dan faktor kualiti teknikal.

Dalam memahami faktor tujuan, setiap media yang dipilih oleh guru hendaklah mencapai tujuan yang ditetapkan. Sebagai contoh, guru mengajar subjek jenis -jenis pakaian, maka media yang tepat untuk menyediakan bahan tersebut adalah media grafik seperti benda asli, gambar, poster, kliping dan carta agar pelajar dapat melihat dengan jelas dan membezakan dengan yang lain. Begitu juga dengan memahami keadaan pelajar, setiap media yang digunakan hendaklah sesuai dengan peringkat kemampuan pelajar.

Dalam memahami faktor bayaran, media yang dipilih oleh guru hendaklah sesuai dengan hasil yang diperolehi. Menerusi faktor kesediaan, guru sentiasa bersedia dengan apa juu keadaan dan mengambil keputusan untuk menukar atau memilih media yang lain sekiranya berlaku kerumitan. Manakala faktor kualiti dan teknikal menekankan mutu dan kualiti media yang digunakan seperti alat OHP.

2.4.5 Kefahaman Guru Dalam Menyediakan Modul Pembelajaran

Modul adalah unit atau bahagian modul yang lengkap dengan komponen yang melaksanakan fungsi tertentu dan dapat dirangkai dengan unit-unit lain. Terdapat pelbagai bentuk bahan pengajaran dan pembelajaran pada masa kini yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Contohnya Modul Pengajaran Kendiri (MPK) masih belum meluas penggunaannya kerana keberkesanannya masih diragui tetapi semakin popular penggunaannya. Menurut Norasyikin (2011), modul

pembelajaran merupakan antara kaedah yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar.

Sidek (2010) dalam kajiannya mengenangkan penggunaan modul bagi pensyarah dan pelajar membawa implikasi positif dalam proses pembelajaran. Beberapa bahan bantu belajar yang telah merancakkan perkembangan teknik pengajaran dalam bidang pendidikan. Sebagai contoh penggunaan modul telah membantu guru dan pelajar dalam meperkenalkan teknik mengajar dan belajar. Penggunaan modul pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah akan merangsang suasana kelas, (Cassidy, 2004).

Menurut Che Hafizie (2002) penggunaan modul sebagai alat bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran mestalah dianggap sebagai suatu bahan yang padu. Penggunaan modul bertujuan untuk menambah kelancaran perhubungan antara guru dan pelajar. Seterusnya, Modul ini akan mempercepatkan proses pengajaran dan menambah kefahaman pelajar untuk memahami suatu pembelajaran dengan lebih jelas dan berkesan.

Modul merupakan suatu media yang mementingkan proses pengajaran dan pembelajaran secara individu. Modul ialah bahan pembelajaran yang bertujuan untuk membolehkan pelajar belajar secara sendiri dan berbeza formatnya. Modul membolehkan pelajar meneruskan proses pembelajaran mereka mengikut tahap kebolehan sendiri. Menurut Dinas Pendidikan Nasional Indonesia (2008), dalam membina modul, guru perlu mahir menghasilkan modul. Antara ciri-ciri yang diperlukan untuk membina modul:

- a) Instruksi Kendiri (*self instruction*): Modul hendaklah mempunyai ciri-ciri yang jelas dengan menetapkan tujuan. Penulisan modul perlu menggunakan bahasa yang sederhana dan komunikatif serta dapat mengukur penguasaan pelajar. Setiap modul perlu memuatkan latihan, bahan pembelajaran, instrumen penilaian dan perekodan prestasi pelajar. Maklumat tentang rujukan dan pengayaan dimasukkan bagi menyokong bahan pembelajaran.
- b) Kandungan Kendiri (*self contained*): Bahan belajar dikemas kini dalam suatu kesatuan yang lengkap dan dapat memberi kesempatan kepada pelajar mempelajari bahan pembelajaran. Guru harus melakukan pembahagian atau pemisahan bahan dari satu standard kompetensi dasar. Guru melakukannya dengan memerhatikan keluasan standard kompetensi dasar yang harus dikuasai oleh pelajar. Modul dikatakan lengkap apabila seluruh bahan pembelajaran yang diperlukan terkandung di dalam modul tersebut.
- c) Berdiri Sendiri: Dengan menggunakan modul, pelajar tidak perlu merujuk kepada bahan yang lain. Modul tersebut tidak dikategorikan sebagai modul yang berdiri sendiri jika masih merujuk kepada bahan yang lain. Berdiri sendiri bermaksud ciri-ciri modul tersebut tidak bergantung kepada bahan atau media yang lain.

- d) Penyesuaian: Modul tersebut perlu disesuaikan dengan suasana semasa dan mengikut perubahan pendidikan. Modul mestilah mempunyai gaya adaptasi yang tinggi terhadap perkembangan ilmu dan teknologi.
- e) Bersahabat: Modul hendaklah relevan dan mudah untuk pelajar menggunakaninya. Modul yang dibina perlu menggunakan bahasa yang sederhana, mudah difahami serta menggunakan istilah yang umum.

Jabatan Pendidikan Nasional (2008), menyatakan penulisan modul dilakukan melalui tahap berikut :

- a) Analisis keperluan modul: Analisis keperluan modul boleh dilakukan dengan langkah menyemak sama ada sudah ada program atau sebaliknya. Seterusnya, susun unit bahan belajar yang boleh memuatkan bahan-bahan tersebut mengikut keutamaan.
- b) Reka bentuk Modul: Reka bentuk penulisan modul boleh dilakukan dengan langkah menetapkan tujuan antara kemampuan khusus yang menyokong tujuan akhir. Pelajar harus menyelesaikan tugas dan latihan mengikut ketetapan yang telah ditetapkan.
- c) Pelaksanaan: Pelaksanaan modul dilaksanakan sesuai dengan alur yang telah digariskan dalam modul. Strategi pembelajaran dilaksanakan secara konsisten dan sesuai dengan senario yang ditetapkan iaitu dengan menyediakan bahan, alat, media dan persekitaran belajar.

- d) Kadar: Dalam modul telah dirumuskan pelaksanaan penilaian yang mengikut syarat-syarat tertentu. Penilaian hasil belajar bertujuan untuk mengetahui tahap penguasaan pelajar setelah tamat mempelajari modul. Penilaian hasil belajar yang dijalankan menggunakan instrumen yang telah dirancang ketika penulisan modul.
- e) Penilaian: Modul yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara berkala perlu dilakukan penilaian dan pengesahan. Keperluan penilaian dibangunkan menerusi instrumen penilaian berdasarkan ciri-ciri modul tersebut. Instrumen penilaian dikhaskan untuk guru dan pelajar kerana kedua-duanya terlibat secara langsung dalam proses pelaksanaannya.
- f) Jaminan kualiti: Setiap modul yang dihasilkan perlu berkualiti dan melalui proses penilaian. Semasa proses pembinaan modul, guru memastikan syarat-syarat pembangunan modul perlu dipatuhi bagi meningkatkan kualiti pendidikan. Suatu standard operasi dan prosedur ditentukan bagi mengelakkan berlakunya keluwesan dalam menyiapkan sesuatu modul.

2.5 Rumusan

Bab ini menjelaskan kerangka teori kefahaman guru dalam pelaksanaan kurikulum. Miller dan Seller (1985) menyatakan bahawa pelaksanaan kurikulum merupakan proses pengajaran dan pembelajaran yang meliputi perbezaan antara kenyataan

amalan dan harapan praktikal. Pelaksanaan Kurikulum 2013 memerlukan kreativiti guru dalam menyusun dan melaksanakannya supaya menjadi lebih berkesan. McDonald (2013) turut menyatakan bahawa salah satu kekurangan guru dalam menerapkan kurikulum 2013 adalah kurangnya kemahiran dan pengetahuan dalam memahami kandungan kurikulum tersebut. Hakikatnya, guru berhadapan dengan cabaran yang besar dalam mendewasakan pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum baharu.

Penyelidik mendapati kerangka yang dicadangkan Ornstein dan Hunkins (2009) dalam pelaksanaan kurikulum memerlukan kefahaman dan kerjasama dari semua pihak. Pihak yang terlibat perlu memahami tujuan program dan berperanan dalam menjayakan setiap agenda yang ditetapkan. Khasnya, guru memerlukan tahap kefahaman yang mendalam terhadap pelaksanaan kurikulum. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan kapasiti guru dan mewujudkan pelaksanaan kurikulum yang berkesan dan efektif.

Seterusnya bab tiga membincangkan metodologi kajian, secara khusus akan menjelaskan tempat dan fokus kajian, reka bentuk kajian, rancangan kajian, peserta kajian, data dan instrumen kajian, prosedur menganalisis data dan kesahan dan kebolehpercayaan data.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kefahaman guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh. Untuk itu, penyelidik sangat mementingkan metodologi kajian dalam menghasilkan dapatan kajian. Metodologi kajian merupakan aspek yang perlu diberi perhatian dalam memperoleh dapatan kajian yang signifikan dan boleh dipercayai. Bab ini menjelaskan kaedah yang telah digunakan dalam memperoleh dapatan kajian. Antara aspek yang diberi perhatian adalah (1) tempat kajian, (2) reka bentuk kajian, (3) populasi dan sampel kajian, (4) instrumen kajian, prosedur memungut data, dan (6) prosedur menganalisis data.

3.2 Tempat dan Fokus Kajian

3.2.1 Tempat Kajian

Kajian ini dilaksanakan di Kota Banda Aceh, Wilayah Aceh, Indonesia. Sekolah yang terlibat dalam melaksanakan Kurikulum 2013 ialah SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh. SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh beralamat di Jalan Malikul Saleh Lhong Raya Banda Aceh. Setelah Tsunami melanda di Kota Banda Aceh, hampir keseluruhan prasarana sekolah ini tidak dapat beroperasi dengan baik. Pasca Tusnami, sekolah ini telah mendapat bantuan dari negara Jerman. Kini, sekolah ini sudah mencapai standard pendidikan dengan dilengkapi prasarana yang baik. SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh mempunyai 6 bidang jurusan dengan dianggotai 67 orang guru yang

dipimpin oleh seorang Guru Besar. Jumlah guru pada setiap jurusan dapat dilihat dalam **Jadual 3.1:**

Jadual 3.1

Data jumlah guru SMK Negeri 3 Banda Aceh

No	Jurusan	Jumlah guru
1.	Normatif	9
2.	Adaptif	17
3.	Busana Butik	16
4.	Boga	13
5.	Kecantikan	6
6.	Akomodasi Perhotelan	6
Jumlah		67

Sumber : SK Guru Besar Nomor 800/023/SMK3/2012

3.2.2 Fokus Kajian

Berdasarkanuraian di atas, SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh merupakan sebuah intitusi yang melahirkan tenaga kerja di negara Indonesia. SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh telah melaksanakan Kurikulum 2013 di dalam kelas. Kurikulum ini merupakan kurikulum baharu yang telah digubal oleh Kerajaan Indonesia untuk dilaksanakan di sekolah. Kurikulum ini juga dikenali sebagai Kurikulum Nasional Indonesia.

Signifikan, SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh dipilih sebagai tempat kajian kerana sekolah ini dilanda musibah ketika Tsunami berlaku pada 26 Disember 2004. Oleh itu, kajian ini ingin menilai sejauh manakah kefahaman guru dalam melaksanakan kurikulum baharu di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh. Sekolah ini banyak

menerima bantuan dalam bentuk kewangan dan prasarana sekolah. Kebanyakan bantuan yang diterima oleh SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh dari negara Jerman melalui NGO JTZ sehingga SMK Negeri 3 menjadi sekolah yang produktif. Setelah berlakunya perubahan kurikulum KTSP kepada Kurikulum 2013, SMK Negeri 3 Banda Aceh merupakan sekolah yang dapat melaksanakan kurikulum baharu ini secara holistik.

Kurikulum baharu ini menuntut guru perlu memahami konsep pelaksanaannya dan mahir serta dapat menentukan sasaran dan hasil yang ingin dicapai. Maka, fokus utama persoalan kajian ini ialah (1) Bagaimanakah proses pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh dengan tema proses pelaksanaan Kurikulum 2013 dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan Kurikulum 2013?, (2) Bagaimanakah kefahaman guru dalam membuat rancangan pembelajaran di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh dengan tema beberapa prinsip dalam membangun RPP dan perkara-perkara keutamaan dalam membangun RPP?, (3) Bagaimanakah kefahaman guru dalam menggunakan model pembelajaran di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh dengan tema tujuan menggunakan model pembelajaran dan model pembelajaran yang boleh digunakan berkaitan dengan pembelajaran PAKEM?, (4) Bagaimanakah kefahaman guru dalam menggunakan media pembelajaran dengan tema manfaat menggunakan media pembelajaran dan faktor-faktor yang harus difahami guru dalam menggunakan media pembelajaran?, dan (5) Bagaimanakah kefahaman guru dalam menyediakan modul pembelajaran di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh dengan tema tahap-tahap penulisan modul pembelajaran dan ciri-ciri yang dapat diperhatikan dalam mereka bentuk modul pembelajaran?.

Oleh itu, kajian ini lebih memfokuskan kefahaman guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh.

3.3 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif serta pendekatan deskriptif. Pendekatan deskriptif iaitu kaedah yang menggambarkan sifat yang sedang berlangsung ketika kajian dijalankan. Kajian secara kualitatif dipilih kerana penyelidik yakin dan percaya bentuk kajian ini boleh memberikan tafsiran yang tepat. Kaedah kualitatif merupakan prosedur kajian yang menghasilkan kata-kata secara bertulis atau lisan dari seseorang dan tingkah laku yang diamati (Moleong, 2007). Penyelidik harus meletakkan, memahami dan menyertai dunia empirikal yang menghubungkan persoalan kajian dengan data kajian (Punch, 2001).

Reka bentuk kualitatif juga menggunakan kata-kata, konsep, maklumat dan tidak melibatkan simbol-simbol algebra atau nombor (Brannen, 1997). Kajian kualitatif mempunyai ciri-ciri seperti berikut (1) mempunyai latar semula jadi, (2) bersifat deskriptif, iaitu menghuraikan keadaan sesuatu atau apa yang sedang terjadi pada ketika kajian berlangsung, (3) penyelidik lebih menumpukan kepada proses dari hasil atau produk, dan (4) penyelidik kualitatif cenderung menganalisis data secara induktif iaitu berdasarkan kejadian semasa pemerhatian dan digunakan sebagai dasar untuk menarik suatu kesimpulan (Furchan, 1982).

Noraini (2010) menyatakan penggunaan reka bentuk kualitatif dalam kajian banyak bergantung kepada falsafah di sebalik kajian yang dijalankan. Pemilihan reka bentuk

kajian yang bersesuaian amatlah penting, malahan merupakan tunjang sesuatu penyelidikan. Pemilihan pendekatan penyelidikan oleh penyelidik bergantung kepada paradigma kaedah penyelidik. Berdasarkan keterangan ini, penyelidik memilih reka bentuk kualitatif dalam menjalankan kajian ini.

Creswell (2001) membahagikan kajian kualitatif dalam tujuh bahagian iaitu (1) biografi, (2) phenomenologi, (3) teori asas, (4) etnografi, (5) etnometodologi, (6) hermenotik, dan (7) kajian kes. Dalam kajian kualitatif fokus utama ialah memahami secara mendalam proses yang berlaku (Spradley, 1980). Oleh itu, penyelidik meneliti dan memilih pendekatan yang sesuai dalam menjalankan kajian ini.

Semua maklumat yang diperoleh menerusi dokumen, pemerhatian dan temu bual tentang kefahaman guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh merupakan asas penting dalam mendapatkan dapatan kajian. Dalam kajian ini penyelidik melibatkan diri secara langsung dan berterusan dalam setiap pemerhatian, dokumen dan temu bual. Dengan cara ini, maklumat yang diperoleh secara mendalam mempunyai kadar kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

Pendekatan kajian kes dipilih kerana penyelidik ingin mengetahui secara mendalam proses “apa dan mengapa” fenomena yang berlaku. Kajian ini bukan sahaja memfokuskan kepada permasalahan secara langsung, malahan permasalahan yang tidak nampak melainkan melalui kajian yang mendalam. Menurut Yin (2003) secara umum kajian kes merupakan strategi yang lebih sesuai apabila soalan utama kajian berkenaan dengan “bagaimana (*how*)” atau “kenapa (*why*)”.

Noraini (2010) menyatakan penggunaan kajian kes hakikatnya boleh membantu penyelidik untuk memahami sesuatu isu atau objek yang kompleks secara terperinci dengan hanya menggunakan sampel yang kecil. Kajian kes juga membantu penyelidik untuk memahami suatu fenomena di samping menambah pengetahuan sedia ada fenomena tersebut. Kajian kes boleh digunakan untuk mengumpul data kualitatif bagi memantap dan memahami sesuatu situasi atau fenomena, program, proses atau kumpulan sosial secara mendalam (Merriam, 2003; Yin 2003).


Pemilihan kajian kes sebagai pendekatan kajian yang dijalankan apabila seseorang penyelidik ingin mengetahui secara mendalam dan tepat tentang fenomena yang berlaku. Pertimbangan lain, menggunakan kajian kes sebagai pendekatan dalam kajian ini kerana kajian kes tidak hanya digunakan untuk menganalisis kes tunggal (*single case*) tetapi juga melalui dapatan kes-kes yang pelbagai (*multiple case*). Kajian kes juga sesuai dijalankan untuk bidang lain seperti politik, ekonomi, sosiologi dan ilmu sosial yang lain.

Dalam melaksanakan kajian kes, terdapat beberapa tahap perlu diberi perhatian seperti tahap persiapan, tahap pengesahan dan tahap penyusunan dapatan kajian serta mengkategorikan dapatan kajian. Tahap persiapan dilakukan beberapa aktiviti permulaan oleh penyelidik dengan melaksanakan kajian tentang teori yang berkaitan masalah kajian. Tahap pengesahan dilakukan pelbagai aktiviti yang melibatkan proses kutipan data kajian yang merangkumi temu bual, dokumen dan pemerhatian secara mendalam.

Tahap penyusunan dapatan serta mengkategorikan dapatan kajian dilaksanakan dengan cara menganalisis data bagi mencapai ketepatan, kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Dengan cara menganalisis dapatan kajian secara terperinci, semua maklumat yang didapati akan diperhalusi mengikut kategori-kategori tertentu. Dapatan yang diperoleh diuraikan secara terperinci dalam bentuk nisbah dan konsep penemuan dapatan kajian.

Menerusi kajian kualitatif, pengumpulan data kajian kes boleh diperoleh dengan menggunakan pelbagai teknik seperti analisis, dokumen, arkib, temu bual, dan pemerhatian. Kaedah ini amat sesuai apabila seseorang penyelidik ingin mengetahui fenomena yang berlaku dengan kajian yang mendalam.

Dalam kajian ini, penyelidik melaksanakan beberapa fasa pengumpulan data. Fasa pertama, mengumpulkan dokumen dan mengkaji. Fasa kedua menjalankan temu bual dengan menggunakan panduan temu bual yang telah disediakan oleh penyelidik. Fasa ketiga melakukan pemerhatian ke atas peserta kajian dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Setelah ketiga-tiga fasa dilaksanakan, penyelidik meneruskan dengan menganalisis kandungan. Seterusnya, dinyatakan proses pengumpulan data dalam kajian ini seperti berikut:



Rajah 3.1 Fasa pengumpulan data

Dalam menjalankan kajian, penyelidik terlibat secara langsung dalam pengamatan perilaku, dokumen, suasana dan lain-lain aspek yang dikaji. Maka, fokus utama kajian ini ingin melihat kefahamana guru dalam melaksanakan Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh. Secara tidak langsung, semua maklumat yang diperoleh dianalisis mengikut fasa-fasa yang telah ditetapkan bagi mendapatkan dapatan kajian yang tepat dan berkualiti.

3.4 Rancangan Kajian

Kajian ini menggunakan kajian kualitatif dengan pendekatan kajian kes. Untuk menjalankan kajian kes, beberapa tahap perlu diberi perhatian melalui tahap persiapan, verifikasi dan analisis data.

Pada tahap persiapan, penyelidik melakukan beberapa proses permulaan yang meliputi (a) melakukan kajian terhadap maklumat-maklumat yang berkaitan dengan masalah yang akan diteliti, (b) melakukan kajian teori yang berkaitan dengan hasil kajian yang berkait dengan masalah yang dikaji, dan (c) berdiskusi dengan rakan sejawat yang memiliki pengetahuan dalam masalah kajian. Seterusnya, penyelidik melakukan perbincangan bersama penyelia. Setelah tahap persiapan meyakinkan, penyelidik melakukan penulisan awal kajian dan menyempurnakan reka bentuk kajian.

Pada tahap verifikasi, beberapa proses yang perlu dilalui dalam mendapatkan maklumat melalui (1) bertemu Kepala Dinas Pendidikan Kota Banda Aceh bagi tujuan untuk memohon izin untuk mendapatkan data yang diperlukan dalam kajian

ini di SMK Negeri 3 Banda Aceh, (2) bertemu pengetua SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh (pengetua sekolah bidang kurikulum, Ketua jurusan tatabusana, ketua jurusan tataboga, ketua jurusan kecantikan dan ketua jurusan perhotelan), (3) melakukan pendekatan dengan responden secara informal, (4) pemerhatian di lokasi kajian dan mencatat fenomena yang dapat diamati dan mendalami fenomena tersebut secara teliti, (5) melakukan temu bual mendalam dengan peserta kajian di lokasi kajian yang berkaitan dengan fokus kajian iaitu kefahaman guru dalam membuat RPP, menggunakan model pembelajaran, menggunakan media pembelajaran dan membuat modul pembelajaran, dan (6) melakukan perbincangan dengan peserta kajian yang berada dalam kawasan kajian.

Setelah tahap verifikasi ini dilakukan dengan sempurna, proses ini diteruskan dengan menganalisis data. Pada tahap menganalisis data, penyelidik perlu menetapkan prosedur analisis data dengan menyusun data secara teliti, membentuk kategori dan menentukan konsep yang sesuai.

3.5 Peserta Kajian

Cresswell (2001) menyatakan dalam kajian kualitatif sampel yang sering digunakan adalah sampel teoritikal iaitu kumpulan penduduk, peristiwa, aktiviti yang diperlukan untuk mengetahui perbezaan dan strateginya. Oleh itu, pemilihan peserta kajian harus sesuai dengan fenomena yang dikaji dan berdasarkan fokus utama kajian. Menurut Yin (1994) kaedah penyelidikan kajian kes merupakan siasatan empirikal yang menyiasat fenomena yang berlakau terhadap sesuatu perkara.

Sarman (2006) mengemukakan bahawa sampel dalam kajian kualitatif tidak dinamakan peserta kajian, melainkan narasumber, peserta, informan, rakan atau guru dalam kajian. Dalam kajian kualitatif, penyelidik melakukan pemerhatian dan temubual secara langsung di samping mendapatkan data menerusi dokumen.

Dalam kajian ini, peserta kajian dipilih berdasarkan kepada pemilihan secara purposif. Peserta kajian telah ditetapkan oleh penyelidik berdasarkan kesesuaian dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat secara mendalam. Peserta kajian ini terdiri daripada Guru Besar dan beberapa orang guru SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh. Peserta kajian dipilih seramai lapan orang guru dengan diwakili oleh dua orang bagi setiap jurusan. Antara jurusan yang terlibat seperti jurusan tatabusana, jurusan tataboga, jurusan tata kecantikan dan akomodasi perhotelan. Manakala jurusan adaptif dan normatif tidak pilih sebagai peserta kajian kerana pada waktu kajian ini dijalankan jurusan tersebut belum melaksanakan Kurikulum 2013.

Pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan guru yang berpengalaman dan berkemahiran mengajar melebihi sepuluh tahun. Selain itu guru-guru tersebut pernah dilantik menjadi guru pembimbing untuk guru praktikal di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh.

3.6 Data dan Instrumen Kajian

Data kajian ini merujuk dari kajian-kajian lepas (rajah 1.1). Data ini meliputi data (1) kefahaman guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh iaitu proses pelaksanaan Kurikulum 2013 dan sejauh manakah pelaksanaan

Kurikulum 2013, (2) kefahaman guru dalam merancang Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP), (3) kefahaman guru dalam menggunakan model pembelajaran, dan (4) kefahaman guru dalam menggunakan media pembelajaran serta kefahaman guru dalam menulis modul pembelajaran. Penyelidik juga menggunakan satu set soalan temu bual berpandukan kepada persoalan kajian yang telah dibentuk.

3.6.1 Kefahaman guru dalam proses pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh

Untuk menjawab persoalan soalan kajian ini, penyelidik menggunakan tema: pelaksanaan Kurikulum 2013 dan faktor yang mempengaruhi pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh. Penyelidik mendapatkan data kajian dengan menggunakan kaedah temu bual 1,2,3 dan 4. Temu bual ini direka penyelidik untuk mengkaji proses pelaksanaan Kurikulum 2013.

3.6.2 Kefahaman guru dalam membuat rancangan pelaksanaan pembelajaran

Persoalan kajian ini memfokuskan kepada kefahaman guru dalam membuat rancangan pelaksanaan pembelajaran dengan menggunakan tema: beberapa prinsip dalam merancang RPP dan perkara-perkara yang perlu diberi keutamaan dalam merancang RPP. Begitu juga, penyelidik mendapatkan dengan menggunakan kaedah temubual 5,6,7, dan 8. Kaedah temu bual direka bentuk oleh penyelidik untuk mengkaji kefahaman guru dalam membuat RPP pada Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh.

3.6.3 Kefahaman guru dalam penggunaan model pembelajaran

Seterusnya, kefahaman guru dalam menggunakan model pembelajaran diletakkan tema: tujuan menggunakan model pembelajaran dan model pembelajaran yang boleh digunakan secara langsung dengan pembelajaran PAKEM. Untuk mendapatkan data, penyelidik melihat kepada panduan temu bual 9,10,11 dan 12.


3.6.4 Kefahaman guru dalam penggunaan media pembelajaran

Manakala, kefahaman guru dalam penggunaan media pembelajaran, penyelidik menetapkan tema: manfaat menggunakan media pembelajaran dan faktor-faktor yang harus difahami oleh guru dalam menggunakan media pembelajaran. Dalam mendapatkan data, penyelidik merujuk kepada panduan temu bual 13,14,15 dan 16.

3.6.5 Kefahaman guru dalam membuat modul pembelajaran

Persoalan kajian tentang kefahaman guru dalam menyediakan modul pembelajaran menggunakan tema: tahap-tahap penulisan modul pembelajaran dan ciri-ciri yang dapat diperhatikan dalam mereka bentuk modul pembelajaran. Untuk mendapatkan data digunakan temu bual 17,18,19, dan 20. Temu bual ini direka oleh penyelidik untuk mengkaji kefahaman guru dalam membuat modul pembelajaran.

Sebelum kajian dijalankan, penyelidik telah mendapatkan pengesahan dua orang pakar dalam bidang pendidikan terhadap kesahihan kandungan temu bual ini. Pengesahan kesahihan kandungan temu bual telah disemak oleh dua orang pensyarah di Universiti Syiah Kuala (Lampiran H).



Rajah 3.2 Panduan Temua Bual

3.7 Analisis Data

Analisis data yang dilaksanakan dalam kajian ini bagi mengkaji kefahaman guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh melibatkan kefahaman guru dalam merancang Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP), merancang model pembelajaran, penggunaan media pembelajaran dan merancang modul pembelajaran.

Untuk mengkaji hal tersebut, penyelidik menggunakan soalan temu bual 1, 2, 3 dan 4. Soalan temu bual proses pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh dibina oleh penyelidik untuk mengkaji peranan guru dan guru besar dalam pelaksanaan Kurikulum 2013. Temu bual proses pelaksanaan kurikulum baru (Kurikulum 2013) dilaksanakan di SMKN 3 Kota Banda Aceh dalam meningkatkan kualiti pendidikan (Mulyasa, 2007; Subahan, 1999; Napsiah, 1983).

Soalan temu bual 5, 6, 7 dan 8 : Kefahaman guru dalam merancang Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP). Soalan temu bual tentang kefahaman guru dalam membuat Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) ini dibuat dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat tentang kefahaman guru dalam membuat Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) yang direka bentuk oleh guru (Jabatan Pendidikan Nasional, 2008; Mulyasa, 2007; Gagne, 1987).

Soalan temu bual 9, 10, 11, dan 12 : Kefahaman guru dalam menggunakan model pembelajaran. Panduan temu bual ini dibina dengan tujuan untuk memperoleh maklumat bagaimana kefahaman guru dalam melaksanakan model pembelajaran.

Model pembelajaran adalah suatu kegiatan pembelajaran yang menggunakan beberapa model pembelajaran aktif. Antara aspek yang dikaji adalah bagaimana penggunaan model pembelajaran berkaitan dengan PAKEM (Jabatan Pendidikan Nasional, 2008; Arens, 2008).

Seterusnya, soalan temu bual 13, 14, 15 dan 16 yang berkaitan dengan kefahaman guru dalam penggunaan media pembelajaran. Panduan temu bual kefahaman guru dalam penggunaan media pembelajaran dibentuk dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat tentang pemahaman guru dalam menggunakan media pembelajaran yang sesuai dengan bahan pembelajaran. Antara aspek yang dikaji dalam penggunaan media pembelajaran adalah: (1) faktor tujuan, (2) kesesuaian penggunaan, (3) keadaan pelajar, (4) bayaran, (5) kesediaan, dan (6) kualiti teknikal (Arsyad, 2010; Sudjana & Rivai, 1990; Hamalik, 1994).

Manakala soalan temu bual 17, 18, 19 dan 20 berkaitan kefahaman guru dalam merancang modul pembelajaran. Panduan temu bual ini dibuat dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat tentang kefahaman guru dalam membuat modul yang sesuai dengan ciri-ciri dalam mereka bentuk sebuah modul. Modul yang dituntut oleh bimbingan teknikal kurikulum iaitu menghasilkan modul yang mampu meningkatkan motivasi belajar, pembangunan modul harus memperhatikan tahap penulisan modul dan karakteristik yang diperlukan oleh sesebuah modul. Aspek yang diberi penekanan dan dikaji adalah: 1) *self instruction*, 2) *self contained*, 3) *stand alone*, 4) *adaptive*, 5) *user friendly* (Jabatan Pendidikan Nasional, 2008; Norasyikin, 2004; Che Hafizie, 2002).

3.8 Prosedur Memungut Data

Aspek yang disandarkan di dalam kajian ini ialah (a) kefahaman guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh, (b) kefahaman guru dalam merancang pelaksanaan pembelajaran dan menggunakan model-model pembelajaran, dan (c) kefahaman guru dalam menggunakan media pembelajaran dan menyediakan modul pembelajaran .

Moleong (1988) menegaskan dalam mendapatkan data kajian kualitatif, teknik pengumpulan data mestalah melalui temu bual, pemerhatian dan dokumen. Dalam kajian kualitatif, penyelidik sendiri menjadi instrumen utama yang turun ke lapangan kajian dan berusaha mengumpulkan maklumat melalui pemerhatian dan temu bual. Temu bual yang dilakukan adalah bersifat terbuka dan tidak berstruktur (Nasution, 1992). Temu bual secara terbuka adalah merupakan satu teknik pengumpulan data yang paling sesuai untuk kaedah kualitatif dan memberi peluang kepada peserta kajian menceritakan perkara yang ditanya dengan lebih mendalam dan terperinci.

Lincoln dan Guba (1985) menyatakan kelebihan yang diperoleh apabila penyelidik bertindak sebagai instrumen utama iaitu; (1) boleh berintegrasi dalam pelbagai situasi, (2) dapat memberi respons kepada persekitaran, (3) dapat memberikan maklum balas secara langsung, (4) boleh meminta pengesahan data secara langsung, (5) mengumpulkan maklumat pelbagai peringkat secara bersama , (6) menunjukkan respons data serta merta, dan (8) dapat memelihara empatik semula jadi.

Creswell (2001) menyatakan bahawa dalam kajian kes pengumpulan data boleh dilakukan melalui pelbagai sumber dan cara seperti dokumen, arkib, temu bual dan pemerhatian. Berdasarkan huraian tersebut, kaedah yang digunakan dalam kajian kes ini boleh dinyatakan seperti berikut:

a) Pemerhatian

Pemerhatian mempunyai maksud bahawa pengumpulan data yang melibatkan tindakan atau interaksi sosial antara penyelidik dengan subjek kajian. Dengan cara ini penyelidik dan subjek kajian berinteraksi secara timbal balik. Penyelidik merupakan sebahagian daripada pemberi maklumat terhadap kajian ini. Oleh itu, pemerhatian yang dilakukan merupakan *complete participant observer* iaitu pemerhatian yang dilakukan secara terus menerus dengan cara melibatkan diri sepenuh masa tanpa diketahui oleh orang yang sedang dikaji. Dengan cara ini, pemerhatian yang dilakukan dapat mengenal pasti data yang dikehendaki dengan tepat.

Dalam kajian ini, pemerhatian dilakukan terhadap guru yang sedang mengajar di dalam kelas. Ketika guru sedang mengajar, penyelidik meneliti dokumen RPP, dokumen modul serta cara aplikasi model pembelajaran dan media pembelajaran. Pemerhatian juga dilakukan pada dokumen sarana dan prasarana sekolah dengan meminta bantuan kepada wakil pengetua sekolah.

b) Temu Bual

Menurut Zuhdi (1991) menegaskan temu bual dalam kajian kualitatif mempunyai ciri-ciri tidak berstruktur, tidak dipiawaikan dan bersifat terbuka (*open ended*). Temu bual tersebut merupakan temu bual mendalam (*indepth interview*) iaitu pertemuan temu bual langsung secara berulang-ulang antara penyelidik dengan pemberi maklumat.

Dalam melakukan temu bual, penyelidik menggunakan soalan temu bual sebagai panduan ketika temu bual berlangsung (lampiran 1). Menurut Bogdan dan Bikllen (1982), pedoman temu bual pada umumnya memberikan kesempatan timbulnya respon terbuka dan cukup luwes bagi pemerhati yang memperhatikan dan mengumpul data mengenai dimensi dan topik yang tidak terduga oleh penyelidik .

Dalam melakukan temu bual hasilnya dicatat pada buku catatan dengan hari dan tanggal temu bual pada setiap guru. Di samping itu, penyelidik menggunakan soalan yang sama tentang sesuatu perkara untuk mendapatkan kepastian jawapan daripada peserta kajian. Penyelidik melakukan temu bual secara individu. Sedangkan temu bual berfokus dilaksanakan bagi tujuan melengkapkan data temu bual individu.

Dalam kajian ini temu bual dijalankan kepada guru, pengetua sekolah, ketua jurusan, pengawas sekolah dan staf pentadbiran sekolah. Penyelidik melakukan temu bual dengan menggunakan panduan temu bual yang telah

direka bentuk agar bersesuaian dengan keperluan data. Dalam melakukan temu bual, penyelidik menggunakan teknik ulangan iaitu menggunakan pertanyaan yang sama tentang sesuatu perkara untuk memperoleh kepastian jawapan dari peserta kajian.

c) Analisis Dokumen

Dokumen yang digunakan dalam kajian ini adalah dokumen rasmi yang dihasilkan oleh guru besar dan guru. Menurut Moleong (1988) analisis dokumen digunakan kerana sumber tersebut bersifat kekal dan telah berlaku. Pengumpulan data melalui teknik ini bertujuan untuk melengkapkan data yang diperoleh daripada hasil temu bual dan pemerhatian.

Dalam kajian ini analisis dokumen dilakukan terhadap dokument guru iaitu dokumen RPP dan dokumen modul dan dokumen media pembelajaran. Analisis dokumen dilakukan juga pada dokumen kurikulum yang didapati daripada wakil pengetua sekolah bidang kurikulum dan dokumen sarana serta prasarana daripada staf pentadbiran sekolah. Selain itu analisis dokumen juga dilakukan pada dokumen setiap jurusan yang berkaitan dengan Kurikulum 2013.

d) Perbincangan Kumpulan berfokus (*Focus Group Discussion*)

Perbincangan berfokus merupakan kaedah yang dapat digunakan bagi mengutip data dari pada peserta yang ramai dalam satu masa yang sama (Braun dan Clarke, 2013). perbincangan berfokus merupakan satu sisi

perbincangan yang tidak berstruktur namun terarah, iaitu berazaskan satu-satu topik yang khusus. Antara kebaikan perbincangan berfokus ialah mampu meyakinkan penyelidik untuk meneroka isu-isu yang tidak dijumpai selain dari pada dapat mengumpul maklumat baru tentang isu-isu yang diuji.

Perbincangan kumpulan berfokus dapat dilakukan perbincangan yang terarah pada tema tertentu tanpa bias pada perkara yang lain. Lincoln dan Guba (1985) mengatakan bahawa antara ahli perbincangan akan melakukan pemeriksaan yang menyeluruh tidak hanya untuk mengkaji fakta dan ketepatan interpretasi, tetapi untuk mendapatkan kepercayaan dan kredibiliti.

Dalam kajian ini, penyelidik melaksanakan perbincangan secara kumpulan berfokus setelah pemerhatian dan temubual dilakukan. Dalam perbincangan ini peserta kajian yang dijemput adalah semua guru dan guru besar. Diskusi secara berfokus bertujuan untuk mengetahui pandangan, gagasan dan aduan peserta kajian tentang perkara yang berkaitan dengan kefahaman guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013. Dengan diskusi berfokus, peserta kajian dapat mengemukakan pandangan, gagasan, masalah atau aduan secara bebas. Di samping itu, pengkaji sebagai sebahagian daripada peserta diskusi akan mengungkapkan berbagai pandangan berdasarkan hasil temu bual dan pemerhatian untuk mendapat tanggapan dan pandangan peserta diskusi.

3.9 Prosedur Menganalisis Data

Dalam kajian kualitatif pengumpulan data perlu dilakukan serentak antara mencatat, mengedit, menggolongkan, mengurangkan, dan membentangkan. Aktiviti ini disebut sebagai analisis pertama pengumpulan data (Muhajir, 1996). Oleh itu, analisis data bermula dari pada tahap pengumpulan hingga kepada penyusunan data. Analisis data dalam kajian kualitatif merupakan proses penyederhanaan data dalam bentuk yang lebih mudah dibaca dan diinterpretasikan. Kajian kualitatif mengklasifikasikan data sebagai produk dari proses yang diinterpretasikan oleh penyelidik di mana dalamnya telah terkandung makna yang mempunyai nilai.

Moleong (1988) menyatakan bahawa proses analisis data dalam kajian kualitatatif bermula dengan menelaah seluruh data yang berjaya dikutip melalui temu bual, pemerhatian yang dituliskan dalam catatan lapangan, dokumen peribadi, dokumen rasmi, gambar gambar dan sebagainya. Setelah dibaca, diteliti dan ditelaah, maka langkah seterusnya adalah mengadakan penurunan data yang dilakukan dengan jalan membuat abstraksi. Langkah selanjutnya adalah menyusunnya dalam unit-unit kumpulan permasalahan atau tema tertentu yang kemudian dikategorikan dalam langkah seterusnya.

Sehubungan itu, Miles dan Huberman (1994) membentangkan analisis data model interaktif. Model ini terdiri beberapa elemen yang saling berkaitan antara satu dengan yang lain. Elemen tersebut ialah pengumpulan data, pembentangan data dan kesimpulan pengesahan. Dengan menggunakan model tersebut, analisis data dalam penyelidikan ini dilakukan dengan beberapa tahap kegiatan iaitu:

- a) Pengumpulan data melalui temu bual, pemerhatian ikut serta, analisis dokumen dan perbincangan tertumpu. Data yang berjaya dikumpul dilakukan pengelompokan berdasarkan kategori tertentu yang telah ditetapkan sebelumnya.
- b) Penurunan data iaitu melakukan penyederhanaan, pengabstrakan dan transformasi data yang diperoleh di lapangan. Kegiatan reduksi data ini dilakukan secara berterusan selama penyelidik berada di lapangan. Reduksi data dilakukan dengan tujuan menajamkan menggolongkan, mengarahkan, membuang yang tidak diperlukan dan mengorganisasikan data.
- c) Pembentangan data dilakukan dengan cara menyajikan penjelasan, matrik, skema, diagram, grafik atau gambar-gambar untuk memudahkan pemahaman dan penarikan kesimpulan.
- d) Membuat kesimpulan dari data yang diperoleh di lapangan. Aktiviti ini pada dasarnya sudah bermula sejak awal ketika bermulanya aktiviti pengumpulan data dilapangan. Oleh sebab itu, proses pengumpulan data dilakukan penyelidik untuk mencari makna, kategori, pola dan hubungan sebab akibat dari data atau fenomena yang ada. Sedangkan pengesahan dilakukan dengan membuat penilaian semula catatan lapangan yang dibuat.

3.10 Kesahan dan Kebolehpercayaan

3.10.1 Kesahan Panduan Temu Bual

Dalam kajian ini instrumen panduan temu bual sebelum digunakan sebagai alat pengumpul data lebih dahulu dilakukan uji kesahan melalui minta respons kepada orang-orang tentang soalan yang diajukan dalam panduan temu bual. Seberapa besar kedudukan kepercayaan terhadap data kajian sangat bergantung kepada kesahan instrumen pengumpulan data kajian. Oleh itu, maka sebelum instrumen digunakan untuk memetik kajian ini, hendaklah diyakinkan bahawa instrumen yang digunakan mempunyai kesahan yang kuat (Berg, 2004).

Panduan temu bual dalam kajian ini sebelum digunakan sebagai alat pengumpulan data dilakukan uji kesahan dengan melakukan kajian rintis pada empat orang guru dan dua orang staf pentadbiran. Temu bual pada mulanya diajukan kepada guru jurusan busana RA dan RB yang memberi jawaban seperti yang diharapkan oleh pengkaji, selepas itu pengkaji melakukan lagi temu bual dengan guru lain jurusan tataboga RC dan RD selepas melakukan temu bual guru dapat faham terhadap apa yang ditanyakan dalam temu bual. Hasilnya temu bual yang diajukan oleh pengkaji dapat dilanjutkan untuk digunakan temu bual pada kajian ini.

Berdasarkan jawapan temu bual yang telah dilakukan, untuk lebih meyakini soalan temu bual, pengkaji meminta dua orang staf pentadbiran sekolah iaitu RA dan RB untuk melakukan temu bual, hasil temu bual juga boleh dijawab dengan baik sesuai soalan yang diajukan oleh pengkaji. Dengan demikian pengkaji menyimpulkan

bahawa temu bual yang dilakukan pada kajian rintis memiliki peringkat kesahan yang tinggi.

3.10.2 Kesahan Data Kajian

Dalam kajian kualitatif, kesahan data perlu dilakukan sejak melakukan penurunan data, pameran data dan kesimpulan atau pengesahan. Untuk menetapkan kesahan dan diperlukan teknik pemeriksaan. Pelaksanaan teknik pemeriksaan berdasarkan kepada beberapa kriteria tertentu. Adapun kriteria yang digunakan untuk membuat pengesahan data ialah tahap kepercayaan (*credibility*), keteralihan (*transferability*), kebergantungan (*dependability*), dan kepastian (*confirmability*) (Lincoln & Guba, 1985).

Dalam kajian ini peringkat kepercayaan berfungsi melaksanakan kajian kepada data maklumat. Sehingga kepercayaan penemuannya dapat tercapai. Pada peringkat keteralihan iaitu generalisasi suatu penemuan dapat berlaku atau dipakai pada semua konteks. Pada peringkat kebergantungan ditunjukkan dengan jalan mengadakan replikasi kajian, jika dua atau beberapa kali diadakan pengulangan suatu kajian dalam suatu kondisi yang sama dan hasilnya adalah sama. Pada peringkat kepastian menyatakan bahawa suatu pandangan itu objektif apabila disepakati oleh beberapa orang.

Teknik kesahan data dalam kajian ini dilakukan secara triangulasi yang sesuai dengan teori Patton (2002) yang menyatakan ada empat model iaitu triangulasi penyelidik, sumber (data) metod dan teori. Triangulasi penyelidik ialah

membandingkan suatu maklumat dari pada permasalahan kajian yang sama oleh beberapa penyelidik yang berbeza. Triangulasi sumber menyarankan pengalaman berbagai-bagai sumber yang berbeza-beza, kemudian membandingkannya. Triangulasi kaedah pada prinsipnya ialah strategi uji tahap validiti berdasarkan teknik pengumpulan data dan sumber data yang berbeza. Triangulasi teori melihat bahawa fakta tidak boleh dijelaskan dengan benar dari pada satu atau dua teori saja, oleh kerananya perlu ada teori-teori yang lain yang disebut pembanding .

3.11 Rumusan

Bab ini menghuraikan reka bentuk kajian, tempat kajian, fokus kajian, pendekatan rancangan kajian kes yang digunakan, peserta kajian dan pemberi maklumat kajian, pengumpulan data analisis data, dan kesahan data. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui kefahaman guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh.

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes. Oleh yang demikian, penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen sebagai tatacara pengumpulan data. Peserta kajian sebagai penyalur maklumat terdiri daripada pengetua dan guru SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh, kakitangan sokongan dan pelajar. Kesahan data dilakukan dengan memanjangkan masa pemerhatian, pengamatan berterusan, triangulasi, membincangkan dengan pakar (*peer debriefing*) dan pemeriksaan oleh rakan (*member check*). Penganalisisan dilakukan dengan pengumpulan data, reduksi dan pembentangan data, kesimpulan dan pengesahan.

Dengan langkah-langkah tersebut penyelidik sudah melakukan kaedah yang tepat untuk mencapai matlamat penyelidikan.

Bab empat menjelaskan dapatan kajian, secara khusus menjelaskan profil peserta kajian tentang proses pelaksanaan kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh, kefahaman guru dalam membuat rancangan pelaksanaan pembelajaran, kefahaman guru dalam menggunakan model-model pembelajaran, kefahaman guru dalam menggunakan media pembelajaran, dan kefahaman guru dalam menulis modul pembelajaran.



BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Kurikulum merupakan “alat kunci” dalam proses pendidikan. Alat ini perlu dinilai kembali selaras dengan perkembangan zaman seterusnya. Kurikulum adalah harapan yang ditulis dalam bentuk rencana atau program pendidikan untuk dilaksanakan oleh guru di sekolah. Hal ini supaya guru harus terlebih dahulu memahami kurikulum supaya dapat memberikan pengajaran secara bermakna. Pelaksanaan sesuatu kurikulum banyak melibatkan guru. Mutu pendidikan bergantung pada mutu guru yang ditentukan oleh kefahamannya mengenai kurikulum.

Melaksanakan kurikulum bermaksud mentransformasikan pendidikan kepada pelajar melalui proses pengajaran untuk tujuan dan persetujuan yang telah diprogramkan dalam kurikulum. Dalam hal ini, guru yang menentukan sampai atau tidaknya harapan yang ada dalam kurikulum. Oleh itu, dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya maka guru dituntut kefahamannya dalam melaksanakan kurikulum.

Kurikulum 2013 merupakan penyempurnaan dari kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) semata-mata untuk pemberian sistem pendidikan di Indonesia. Perubahan tersebut dilakukan kerana KTSP dianggap belum dapat mencapai harapan yang diinginkan sehingga perlu adanya semakan kurikulum. Usaha tersebut harus dilakukan demi generasi masa depan yang berkarakter, memahami jati diri

bangsanya dan menghasilkan pelajar yang unggul dan mampu bersaing di dunia antarabangsa.

Dalam kurikulum lama, kebanyakan kegiatan pembelajaran masih berpusat pada guru. Biasanya guru lebih banyak menghabiskan waktu untuk berceramah tetapi kurang berusaha agar pelajar aktif supaya secara tidak langsung dapat melibatkan diri dalam proses pembelajaran. Guru lebih mendominasi atau menjadi pusat proses pembelajaran. Selain itu, proses pembelajaran selama ini terjadi pada umumnya lebih bersifat individu, kompetitif dan kurang berkualiti.

Bab ini membincangkan : Profil peserta kajian, Proses pelaksanaan kurikulum 2013 di Sekolah Menengah Kejuruan Negeri 3 Kota Banda Aceh, kefahaman guru dalam membuat Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) di Sekolah Menengah Kejuruan Negeri 3 Kota Banda Aceh, kefahaman guru dalam menggunakan model-model pembelajaran di Sekolah Menengah Kejuruan Negeri 3 Kota Banda Aceh, Kefahaman guru dalam menggunakan media pembelajaran di Sekolah Menengah Kejuruan Negeri 3 Kota Banda Aceh dan kefahaman guru dalam menyediakan modul pembelajaran di Sekolah Menengah Kejuruan Negeri 3 Kota Banda Aceh.

4.2 Profil peserta kajian

Peserta kajian ini terdiri daripada kumpulan guru-guru Sekolah Menengah Negeri 3 Kota Banda Aceh. Keseluruhan peserta kajian dipilih dari kalangan yang sudah mempunyai pengalaman selama 10 tahun mengajar. Peserta kajian berasal dari empat jurusan iaitu jurusan Tatabusana (dua orang), Tataboga (dua orang), Tata

Kecantikan (dua orang) dan jurusan Perhotelan (dua orang). Selain itu, peserta kajian tambahan iaitu pengetua sekolah RM, ketua jurusan tatabusana RL, ketua jurusan kecantikan RI dan ketua jurusan perhotelan RJ.

Jadual 4.1

Senarai peserta kajian dari empat jurusan SMKN 3 Kota Banda Aceh

No.	Jumlah guru/jurusan	Jumlah peserta kajian	Identiti peserta kajian
1.	Busana Butik 16 orang	2 orang	IR dan SR
2.	Boga 13 orang	2 orang	RD dan TA
3.	Kecantikan 6 orang	2 orang	MS dan FF
4.	Akomodasi Perhotelan 6 orang	2 orang	YL dan KP

4.3 Proses Pelaksanaan Kurikulum 2013 di Sekolah Menengah Kejuruan Negeri 3 (SMKN 3) Kota Banda Aceh

Kurikulum 2013 memberikan autonomi luas kepada sekolah dan disertai juga dengan tanggungjawab untuk melaksanakan kurikulum bersesuaian dengan keadaan di daerah setempat. Berdasarkan pelaksanaan kurikulum pada masa yang lalu, penyeragaman kurikulum telah dibuat di semua tempat di Indonesia. Ini telah memberi kesan kepada pelajar di mana pengajaran banyak bertumpu kepada kelas dan pelajar kurang didekahkan dengan situasi sebenar di lapangan. Ini merupakan satu punca kegagalan kurikulum di Indonesia.

4.3.1 Kurikulum 2013 di SMKN 3 Kota Banda Aceh


Di SMKN 3 Kota Banda Aceh ketika ini dalam pembangunan dalam bidang pendidikan dan kurikulum menjadi usaha yang dilakukan sekolah untuk meningkatkan mutu pendidikan dengan memperkenalkan Kurikulum 2013. Dalam Kurikulum 2013 ini yang paling penting dalam pelaksanaannya adalah faktor guru.

Menurut pemerhatian, kurikulum 2013 di SMKN 3 Kota Banda Aceh memberikan kebebasan kepada peserta kajian untuk menyusun dan melaksana program pembelajaran. Pengetua sekolah mengatakan bahawa gambaran tentang tinggi mutu pendidikan dapat dilihat dari kurikulum yang dilaksanakan. Kurikulum sebagai suatu rancangan dalam pendidikan memiliki peranan yang strategik kerana seluruh kegiatan pendidikan bermula dari kurikulum. RA menyatakan:

Saya berpendapat bahawa pelaksanaan Kurikulum 2013 harus segera diterapkan oleh guru walaupun guru mengalami kesulitan kerana harus membuat RPP baru. Saya sendiri dalam membuat RPP baru masih sedang menyelesaiannya, hal ini saya mengalami keterbatasan waktu antara jam mengajar dan untuk membuat RPP baru. (RA/tb/30.01.2014).

RA sepandapat dengan RB yang menyatakan bahawa “kami kesulitan membuat RPP baru”, RC menyatakan “ dalam membuat RPP baru mengalami keterbatasan waktu” dan RC berpendapat” walaupun saya mengalami kesulitan dalam membuat RPP baru tetapi saya harus melaksanakannya”. Ini menunjukkan bahawa, dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 guru masih mengalami kesulitan kerana waktu yang terhad membuat RPP baru. Selain itu, banyak peserta kajian belum mendapat latihan khusus tentang Kurikulum 2013.

Di SMKN 3 Kota Banda Aceh, dalam proses pelaksanaan kurikulum dapat diumpamakan sebagai suatu organisme manusia yang memiliki susunan anatomi tertentu. Unsur atau komponen dari anatomi penubuhan kurikulum utama adalah: tujuan, isi atau bahan, proses dan sistem penyampaian dan media serta penilaian. Keempat-empat komponen tersebut adalah berkaitan antara satu sama lain. Oleh itu, dalam sistem penyampaian Kurikulum 2013 guru SMKN 3 Kota Banda Aceh diharapkan mempunyai kefahaman dalam pelaksanaannya meliputi kefahaman guru dalam membuat RPP, kefahaman guru dalam menggunakan model pembelajaran, kefahaman guru dalam menggunakan media pembelajaran dan kefahaman guru dalam membuat modul pembelajaran. Menurut RB guru mengajar mata pelajaran sanitasi hygiene menyatakan :



Dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 cakupan yang diharapkan kepada saya cukup berat, saya mendapat kesulitan untuk melaksanakan kurikulum 2013 ini, saya berharap dalam melaksanakan kurikulum ini tidak memaksakan guru melaksanakannya sebagaimana mestinya. (RB/tb/04.02.2014)

Kenyataan RB bahawa cakupan yang diharapkan dalam melaksanakan Kurikulum 2013 cukup berat bagi peserta kajian. Oleh itu, peserta kajian berharap dalam membuat sesuatu secara berperingkat dan dapat dilaksanakan secara bertahap, alasan dari peserta kajian adalah mereka belum mempunyai kefahaman yang menyeluruh tentang Kurikulum 2013 seperti yang dikatakan oleh RC “ belum semua guru faham tentang kurikulum 2013”.

Berdasarkan pemerhatian, dengan panduan Kurikulum 2013 SMKN 3 Kota Banda Aceh diberi kebenaran untuk merancang dan melaksanakan kurikulum sekolah

bersesuaian dengan situasi, keadaan dan potensi keunggulan tempatan yang dapat dimunculkan oleh sekolah sehingga peserta kajian mahupun pengetua sekolah disarankan supaya menjadi lebih kreatif dalam pelaksanaan pembelajaran. Guru dan pengetua sekolah merupakan kunci keberhasilan dalam proses belajar mengajar dan mereka adalah orang yang diberikan tanggungjawab dalam melaksanakan kurikulum untuk mewujudkan pembelajaran yang berkualiti serta sesuai dengan visi dan misi sekolah.

Untuk tujuan triangulasi tentang proses pelaksanaan Kurikulum 2013, pengkaji melakukan temu bual dengan pengetua sekolah dan ketua jurusan tatabusana, RI pengetua SMKN 3 Banda Aceh yang mengatakan:

Di SMKN 3 Banda Aceh Kurikulum 2013 sudah dilaksanakan, pelaksanaannya masih dikhkususkan pada kelas satu saja, oleh itu bagi guru yang mengajar dikelas satu diwajibkan membuat RPP dan alatan pembelajaran sesuai dengan Kurikulum 2013. Diharapkan guru dapat melaksanakannya dengan baik, dalam hal ini tentu guru dapat perundingan dengan ketua jurusan, pengetua sekolah dan pengawas sekolah (RI/tb/30.01.2014).

Dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMKN 3 Kota Banda Aceh, ketua jurusan tatabusana memberi pendapat :

Guru kelas satu SMKN 3 Banda Aceh diharuskan untuk melaksanakan Kurikulum 2013, kepada guru oleh ketua jurusan diberikan bimbingan dengan membuat RPP baru sesuai dengan Kurikulum 2013 (RJ/tb/03.01,2014)

Menurut pengetua sekolah, guru harus segera melaksanakan Kurikulum 2013 di kelas satu. Bagi guru ini suatu kewajipan yang harus dilaksanakan. Pelbagai cara dilakukan oleh guru untuk membuat alatan pembelajaran yang bersesuaian dengan

Kurikulum 2013. Guru yang kreatif akan mencari contoh RPP Kurikulum 2013 melalui Internet. Ada guru yang meminjam contoh alatan daripada teman yang telah mendapatkan contoh tersebut daripada Internet untuk melaksanakan Kurikulum 2013. Selain membuat RPP baru, dalam pembelajaran guru diharapkan dapat menggunakan model pembelajaran, menggunakan media pembelajaran dan membuat modul pembelajaran. Menurut pengawas sekolah, suatu kurikulum dan sebaiknya sistem pendidikan tanpa tenaga guru yang berkualiti tidak akan membawa hasil yang baik. Oleh itu, tenaga guru diharapkan mempunyai kefahaman yang diperlukan untuk melaksanakan tugas dan fungsinya secara efektif dan efisien dalam melaksanakan Kurikulum 2013 di SMKN 3 Banda Aceh.

4.3.2 Faktor yang mempengaruhi pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh

Dalam kurikulum sebelumnya di Indonesia, peranan guru adalah sebagai pelatih atau selalu memberi arahan kepada pelajar dan dianggap sebagai orang yang serba mengetahui. Namun, setelah wujud Kurikulum 2013 di SMKN 3 Kota Banda Aceh peranan tersebut sudah tidak berlaku lagi kerana dalam Kurikulum 2013 pelajar sebagai subjek didik bukan sebagai objek didik. Pelajar lebih dominan dalam proses pembelajaran. Hal ini didasarkan pada suatu pandangan bahawa pelajar memiliki potensi untuk berkembang dan berfikir mandiri kerana salah satu faktor yang mempengaruhinya adalah Kurikulum 2013. Selain itu, faktor diri guru sendiri iaitu mengembangkan pemikiran bahawa pelajar akan belajar lebih bermakna dengan cara bekerja sendiri, menemukan sendiri dan membentukkan sendiri pengetahuan dan keterampilan barunya. RD mengatakan :

Kalau ditanya faktor apa yang mempengaruhi pelaksanaan Kurikulum 2013 kepada saya, saya tidak tahu, yang pasti kami harus melaksanakannya tentu saja yang mempengaruhinya adalah atasan kami. Pengawas sekolah juga mempengaruhi kami, setiap pengawasan selalu meminta kepada kami membuat RPP sesuai dengan Kurikulum 2013 (RD/tb/12.02.2014)

Dikatakan oleh RD, RF “mengatakan juga bahawa faktor kefahaman guru yang menentukan Pelaksanaan kurikulum 2013”, RA mengatakan”Pelaksanaan kurikulum 2013 salah satu faktornya adalah guru dan RB mengatakan bahawa mereka masih belum mengetahui faktor daripada guru yang dapat menentukan pelaksanaan Kurikulum 2013. Selama ini, mereka selalu menjalankan tugas yang diberikan oleh sekolah dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 di mana guru diharuskan membuat RPP baru. Semua beban tugas mengajar adalah beban berat yang harus dilaksanakan oleh guru.

Pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMKN 3 Banda Aceh secara umumnya sudah difahami oleh peserta kajian. Akan tetapi dalam berdasarkan data kumpulan fokus menyatakan bahawa kurikulum 2013, pelaksanaannya masih memerlukan kefahaman secara menyeluruh oleh guru. Kurikulum 2013 merupakan kurikulum baru. Bagi guru, perubahan kurikulum menjadi beban untuk dilaksanakan seperti yang diharapkan, terutamanya pelaksanaan di dalam kelas. Namun, demikian ada faktor yang mempengaruhinya. RC mengatakan :

Kurikulum 2013 merupakan kurikulum baru, bagi guru harus melaksanakannya meskipun kefahamannya belum menyeluruh terutamanya dalam membuat alatan pembelajaran dan melaksanakannya di dalam kelas. Sebenarnya, faktor yang mempengaruhi pelaksanaan Kurikulum 2013 adalah dari diri sendiri misalnya guru harus menggunakan media pembelajaran

dengan teknologi tinggi dan menggunakan model pembelajaran yang sesuai dengan bahan pembelajaran (RC/tb/01.02.2014).

RC menyatakan, faktor sebenar yang mempengaruhi dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 adalah faktor dari guru itu sendiri sehingga kalau guru harus menggunakan media pembelajaran guru tidak merasa terpaksa untuk menyediakan media pembelajaran atau dalam menggunakan komputer riba guru yang dapat mempelajarinya secara bertahap. Dalam hal ini, ada guru yang memiliki sokongan diri sendiri, RE mengatakan :

Saya sangat senang melaksanakan Kurikulum 2013, untuk melaksanakannya saya sering membaca di Internet mengenai Kurikulum 2013. Saya mencuba membuat RPP baru untuk mata pelajaran yang saya asuh, saya selalu meminta arahan pada pengetua sekolah dan pengawas sekolah untuk kebenaran RPP yang saya buat kerana saya melihat masih ada guru yang menggunakan RPP tahun lepas (RE/tb/10.02.2014).

Menurut RE, guru diwajibkan membuat alatan pembelajaran yang bersesuaian dengan Kurikulum 2013. RE mengatakan untuk membuat RPP baru, guru boleh mendapatkan contoh daripada Internet. Ini kerana terdapat sesetengah guru yang masih menggunakan dokumen daripada tahun-tahun yang lepas. Ini menunjukkan bahawa guru masih belum mempunyai kefahaman yang cukup kerana itu diperlukan bimbingan yang terus menerus mengenai kefahaman guru dalam melaksanakan Kurikulum 2013.

Berdasarkan kumpulan fokus, untuk melaksanakan Kurikulum 2013 di SMKN 3 Kota Banda Aceh menunjukkan bahawa bimbingan daripada pengetua sekolah dan pengawas sekolah sangat diharapkan oleh guru terutamanya untuk menggubalkan

RPP baru. Dengan adanya bimbingan guru, proses belajar mengajar seperti yang diharapkan dapat dilaksanakan.

Berdasarkan pemerhatian di lapangan, penyebaran maklumat bimbingan bagi guru dilakukan secara terancang dan teratur. Namun, peranan maklumat dialami oleh guru sebagai suatu tugas baru dan memerlukan waktu yang lama untuk dilaksanakan. Oleh itu, menurut guru, faktor yang mempengaruhi pelaksanaan Kurikulum 2013 adalah daripada guru besar. Mereka tidak menyedari bahawa seharusnya sokongan bermula dari diri sendiri.

Menurut dokumen Kumpulan RPP yang dikeluarkan oleh pengetua sekolah, bidang kurikulum didapati guru harus menyerahkan pada setiap awal semester kepada wakil kepala sekolah RPP yang bersesuaian dengan Kurikulum 2013 khususnya untuk guru yang mengajar di kelas satu. Berdasarkan dokumen, didapati masih ada guru yang belum selesai membuat RPP baru. Menurut pengelola kurikulum bagi guru yang belum membuat RPP yang bersesuaian dengan Kurikulum 2013 akan terus diminta untuk mengulang kaji RPP lama dengan bimbingan ketua jurusan dan pengawas sekolah.

Berdasarkan perbincangan berfokus, dengan adanya Kurikulum 2013 di SMKN 3 Berdasarkan Kota Banda Aceh dalam pelaksanaannya menuntut kefahaman guru dalam membuat RPP dengan menggunakan model pembelajaran, media pembelajaran dan membuat modul pembelajaran untuk perlaksanaan proses pembelajaran yang efektif dan efisien.

4.4 Kefahaman guru dalam membuat Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) di SMKN 3 Kota Banda Aceh

Tugas utama guru adalah berkaitan dengan dokumen kurikulum adalah dalam membuat rancangan pelaksanaan pembelajaran yang akan dijadikan petunjuk pelaksanaan pembelajaran dan kefahaman guru dalam membuat RPP pada pelaksanaan Kurikulum 2013 perlu ditekankan. Hasil pemerhatian, bahkan pengakuan jujur daripada guru SMKN 3 Kota Banda Aceh menunjukkan beberapa guru sahaja yang membuat perencanaan sebelum melaksanakan pembelajaran.

4.4.1 Prinsip-prinsip yang harus diperhatikan dalam membangun RPP

Dalam melaksanakan Kurikulum 2013, guru yang mengajar pada kelas 1 dikehendaki membuat RPP yang bersesuaian dengan contoh yang ada. SMKN 3 pembuatan RPP 2013 dilakukan setelah ada arahan dari pengetua sekolah. Dalam merancang RPP, guru sudah mendapat sosialisasi dari Dinas Pendidikan Kota yang dilaksanakan di SMKN 3, seperti yang dikatakan oleh RC :

Saya harus membuat RPP baru sesuai dengan Kurikulum 2013, saya tidak mengetahui dalam membuat RPP harus memperhatikan prinsip-prinsip dalam mengembangkan RPP. meskipun saya merasa belum faham betul bagaimana membuat RPP untuk Kurikulum 2013, saya berusaha membuat RPP dengan melihat contoh RPP yang diberikan pada waktu sosialisasi yang diberikan oleh petugas dari Dinas Pendidikan kota Banda Aceh (RC/ tb/01.02.2014).

RC mengatakan bahawa pelaksanaan Kurikulum 2013, RC harus menggubal RPP baru walaupun belum memahami secara betul cara penggubalannya. Menurut pendapat RD, guru mata pelajaran teknologi busana jurusan tatabusana mengatakan “Kami guru diarahkan menggubal RPP sesuai dengan Kurikulum 2013”. Mereka

belum mengetahui prinsip-prinsip yang harus diperhatikan dalam menggubal RPP. Tatacara menggubal RPP disesuaikan dengan contoh RPP pada Kurikulum 2013. Pernyataan ini juga sama dengan pernyataan oleh RA “ semua guru kelas satu diharuskan untuk membuat RPP yang bersesuaian dengan Kurikulum 2013”.


Berdasarkan pemerhatian, Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) yang dibuat oleh guru SMKN 3 Kota Banda Aceh masih ada yang belum disusun secara sistematis dan menyeluruh dengan beberapa kemungkinan penyesuaian dalam situasi pembelajaran yang sebenarnya dan seharusnya RPP berfungsi untuk mengefektifkan proses pembelajaran sesuai dengan apa yang direncanakan. Dalam hal ini, bahan standard yang dikembangkan dan dijadikan bahan kajian oleh pelajar dan disesuaikan dengan kemampuannya mengandungi nilai fungsional, praktik serta disesuaikan dengan keadaan dan persekitaran sekolah. Oleh itu, kegiatan pembelajaran akan diorganisasi melalui rangkaian kegiatan tertentu dengan strategi yang tepat seperti yang dikatakan oleh RA :

Dalam membuat RPP saya menyusun sendiri, saya mengalami kesulitan dalam membuat RPP Kurikulum 2013. Secara khususnya, saya belum mendapat latihan tentang pembuatan RPP Kurikulum 2013. RPP yang saya buat disesuaikan dengan komponen yang harus ada dalam RPP dengan melihat contoh yang sudah didapat melalui Internet, terkadang saya minta bantuan maha pelajar PPL untuk membantu saya dalam menyelesaikan RPP sesuai dengan Kurikulum 2013 (RA/tb/ 03.02.2014)

Pernyataan RA hampir sama pernyataan dengan RF “saya mendapat kesulitan dalam membuat RPP sesuai dengan kurikulum 2013”, RG mengatakan “secara khusus saya belum mendapat latihan tentang pembuatan RPP kurikulum 2013” dan RD

menyatakan “saya harus menyusun sendiri RPP”. Dalam hal ini, peserta kajian mengalami kesukaran sehingga meminta bantuan orang lain untuk menyelesaikan RPP bersesuaian dengan Kurikulum 2013. Keadaan ini disebabkan juga terbatasnya kefahaman guru dalam membuat RPP kerana ramai guru yang belum mendapat latihan sepenuhnya tentang Kurikulum 2013. Oleh itu, latihan sangat diperlukan oleh guru.

Menurut pemerhatian yang dilaksanakan dalam kelas, kemampuan membuat RPP merupakan langkah awal yang harus dimiliki peserta kajian. RPP merupakan suatu pemikiran atau sasaran mengenai seluruh kegiatan yang akan dilakukan oleh peserta kajian, terutamanya dalam kaitannya dengan pencapaian tujuan pembelajaran. Dalam RPP harus jelas apa yang harus dipelajari, cara mempelajarinya, serta cara guru mengetahui bahawa pelajar telah menguasai pembelajaran tetapi ini sulit dilakukan oleh guru seperti yang dikatakan oleh RB :



Kami guru kelas satu harus membuat RPP sesuai dengan Kurikulum 2013, bagi saya ini merupakan kesulitan untuk membuat RPP seperti yang diharapkan kerana saya belum pernah mendapatkan latihan secara khusus mengenai Kurikulum 2013 jadi belum mengetahui prinsip-prinsip dalam membangun RPP, walaupun demikian saya mencuba untuk membuat RPP baru hingga saat ini saya masih sedang membuatnya (RB/tb/04.02.2014).

Pernyataan RB juga sama dengan pernyataan RC mengatakan” belum mengetahui prinsip-prinsip dalam membangun RPP, RD mengatakan “ saya mendapat kesulitan dalam membuat RPP” dan RA mengatakan bahawa guru kelas satu diharuskan membuat RPP baru sesuai dengan Kurikulum 2013. Peserta kajian menghadapi kesukaran sehingga dalam menggubal RPP baru dan belum memperhatikan prinsip-

prinsip dalam membangun RPP. Namun, mereka tetap mencuba menggubal RPP baru dengan melihat contoh-contoh yang telah ada di internet. Guru belum mempunyai kefahaman yang menyeluruh dalam menggubal RPP. Ini disebabkan tidak semua peserta kajian mendapat latihan tentang cara menggubal RPP dengan Kurikulum 2013.

Untuk tujuan triangulasi melakukan temubual dengan ketua jurusan tataboga RA bahawa guru sedang menggubal RPP baru. Mereka masih memerlukan bimbingan daripada ketua jurusan kerana tidak semua belum mendapat latihan tentang Kurikulum 2013. Berdasarkan pemerhatian penyelidik yang dilakukan dalam kelas pada waktu guru mengajar menunjukkan bahawa masih ada guru yang menggunakan RPP lama ketika mengajar.

Dalam analisis dokumentasi RPP, terdapat perbezaan antara RPP yang satu dengan yang lainnya. Hal ini disebabkan oleh kemampuan guru yang berbeza untuk merancang RPP. Pada perbincangan berfokus, guru menyatakan untuk mencuba membuat sendiri RPP baru dengan melihat contoh RPP yang sudah ada. Apabila terdapat kesulitan, mereka berbincang dengan ketua jurusan dan apabila diamati secara cermat, terdapat RPP yang bertindih dari sekolah lain. Namun, akhirnya RPP ini akan disemak kembali setelah adanya bimbingan oleh ketua jurusan masing-masing.

4.4.2 Perkara yang perlu diberi keutamaan dalam mengembangkan Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran

Rancangan pembelajaran yang dirancang oleh guru SMKN 3 mencerminkan apa yang akan dilakukan guru dalam memberikan kemudahan belajar kepada pelajar. RPP memiliki kedudukan yang penting dalam pembelajaran yang efektif kerana akan membantu disiplin kerja yang baik, suasana lebih menarik, pembelajaran yang diorganisasikan dengan baik dan relevan. Dengan kata lain, RPP berisi garis besar yang akan dikerjakan oleh guru dan pelajar selama proses pembelajaran, sama ada untuk sekali pertemuan atau meliputi beberapa kali pertemuan. Oleh itu, dalam merancang RPP guru perlu mengetahui hal yang perlu diberi keutamaan dalam mengembangkan RPP, RF mengatakan :

Secara khusus saya belum mengetahui hal yang perlu diberi keutamaan dalam membuat RPP. hal ini menyebabkan saya kurang berpengalaman dalam membuat RPP apalagi sekarang saya harus membuat RPP sesuai dengan Kurikulum 2013, oleh itu dalam proses membuat RPP saya mohon bantuan ketua jurusan pelancongan untuk bersama-sama membuatnya kerana beliau sudah berpengalaman. Dalam pelaksanaannya RPP yang sedang dibuat memerlukan waktu yang lama kerana baik guru dan ketua jurusan mempunyai kesibukannya masing-masing (RF/tb/05.02.2014).

Pernyataan RF juga dikatakan sama RB “dalam proses membuat RPP saya mohon bantuan kepada ketua jurusan” , RC mengatakan “saya belum mengetahui hal yang perlu diberi keutamaan dalam membuat RPP” dan RG menyatakan bahawa “belum mempunyai pengalaman dalam merangka RPP”. Hal ini menunjukkan masih ada guru yang mengakui kekurangan akan kemampuannya. Untuk membuat RPP baru, guru sering meminta bantuan pada ketua jurusan. Oleh itu, bantuan untuk guru

segera harus dilaksanakan kerana peranan guru sangat penting sebagai pelaksana kurikulum di dalam kelas.

Berdasarkan pemerhatian, diharapkan guru SMKN 3 Kota Banda Aceh dalam merangka RPP tidak hanya memenuhi kewajipan pentadbiran. Untuk kepentingan portfolio, pengiktirafan/pensijilan guru dan membuat rancangan tidak dijadikan pedoman ketika mengajar. Jika keadaan tersebut dibiarkan, maka kualiti pembelajaran yang akan dilakukan guru sukar untuk dipertanggungjawabkan untuk menghasilkan pelajar yang berkualiti seperti yang dikatakan oleh RI :

Dalam membuat RPP saya mencuba tidak hanya untuk kewajipan pentadbiran sahaja kerana saya harus teliti sekali dalam membuatnya, RPP harus menjadi pedoman pada waktu saya mengajar. Walaupun saya belum pernah mendapat latihan tentang Kurikulum 2013 saya harus membuat RPP sesuai dengan kemampuan saya. Oleh itu, saya sering minta bantuan orang lain untuk melihat kembali RPP yang sudah saya buat, namun ini memerlukan waktu yang lama (RI/tb/06.02.2014)

Pernyataan RI hampir sama dikatakan oleh RC “saya harus membuat RPP baru sesuai dengan kemampuan saya” dan RD mengatakan bahawa mereka akan meminta bantuan orang lain untuk melihat kembali setelah merancang RPP. Pelbagai usaha yang dilakukan guru dalam merancang RPP dan ini menunjukkan bahawa guru harus mempunyai kefahaman yang mendalam mengenai cara untuk merangka RPP yang bersesuaian dengan Kurikulum 2013.

RPP yang baik adalah yang dapat dilaksanakan secara optimum dalam kegiatan pembelajaran. Oleh itu, RPP memberikan petunjuk yang operasional tentang apa yang harus dilakukan guru dalam pembelajaran. Dari awal, guru masuk kelas sampai

akhir pembelajaran. RPP hendaklah dapat mendorong guru lebih bersedia melakukan kegiatan pembelajaran dengan perancangan yang matang. Oleh itu, setiap pembelajaran guru yang dilakukan wajib memiliki persiapan sama ada persiapan bertulis atau tidak bertulis. RE mengatakan:

Saya sudah berusaha untuk membuat RPP sesuai dengan Kurikulum 2013, saya juga minta bantuan kepada pengawas sekolah dalam merancang RPP. Saya yakin RPP dapat mendorong saya untuk lebih siap dalam mengajar, setiap mengajar saya selalu menggunakan RPP. Pengetua sekolah selalu mengharuskan kami menggunakan RPP ketika mengajar, pengetua sekolah pada awal tahun ajaran selalu memeriksa RPP yang dibuat oleh guru, ini merupakan tugas wajib yang harus dibuat guru sebelum memulai mengajar pada awal tahun ajaran (RE/tb/10.02.2014).

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan pada waktu RE mengajar mata pelajaran perniagaan perhotelan, RE sudah menggunakan RPP yang berpengetahuan dalam Kurikulum 2013. Pada waktu mengajar persediaan guru dilihat lebih baik dan suasana kelas berkesan sangat kondusif berbeza dengan pemerhatian yang dilakukan pada RB. Selain itu, masih terdapat guru yang tidak menggunakan RPP baru dalam pembelajaran. Pelajar tidak bersemangat dalam belajar dan suasana kelas tidak tertib.

Untuk tujuan triangulasi dalam membuat RPP, pengkaji melakukan wawancara dengan ketua jurusan dan pengawas sekolah. Menurut ketua jurusan tataboga RA mengatakan bahawa kepada guru selalu disarankan untuk membuat RPP sesuai dengan Kurikulum 2013 setiap kali pertemuan dalam mengajar tetapi ada juga guru yang tidak menggunakan RPP baru dalam mengajar. Hal ini disebabkan proses penyelesaian sedang dilakukan dalam membuat RPP. Oleh itu, guru belum memperhatikan perkara-perkara yang perlu diberi keutamaan dalam merancang RPP.

Menurut RJ yang merupakan ketua jurusan pelancongan mengatakan bahawa, RPP sudah diarahkan untuk dilakukan oleh guru sejak selesai sosialisasi Kurikulum 2013 pada tanggal 7.11.2013. Dalam membuat RPP Kurikulum 2013 bagi guru yang belum berpengalaman akan dibimbing oleh ketua jurusan. Bimbingan yang diberikan misalnya dalam merumuskan penentu, menentukan bahan pembelajaran, tujuan pembelajaran, menentukan langkah-langkah pembelajaran dan komponen lain yang harus ada dalam RPP.

RK mengatakan “sebagai pengawas sekolah untuk SMKN 3 dalam melaksanakan pengawasan, saya selalu menekankan pada pemeriksaan RPP kerana dalam Kurikulum 2013 ini guru harus dibantu dalam membuat RPP. Menurut pengawas sekolah, kesulitan yang dihadapi guru disebabkan belum diadakan latihan yang merata untuk guru dalam melaksanakan Kurikulum 2013. Walaupun demikian, antara guru, pengetua dan pengawas sekolah selalu bersama-sama melakukan untuk mewujudkan RPP sesuai dengan Kurikulum 2013.

Berdasarkan dokumen yang dikumpulkan oleh pengkaji, didapati bahawa RPP masih diperlukan semakan sesuai dengan Kurikulum 2013. Oleh itu, guru masih memerlukan bantuan dari ketua jurusan, pengetua sekolah dan pengawas sekolah untuk merangka RPP sesuai dengan Kurikulum 2013.

4.5 Kefahaman guru dalam menggunakan model-model pembelajaran di SMKN 3 Kota Banda Aceh

Di SMKN 3 Kota Banda Aceh, Kurikulum 2013 berasaskan kompetensi: berkomunikasi, berfikir jernih dan kritis, dan kemampuan mempertimbangkan dari segi moral suatu permasalahan, menjadi warganegara yang efektif, mencuba untuk mengerti dan toleransi terhadap pandangan yang berbeza, hidup dalam masyarakat global, memiliki minat luas mengenai hidup dan bersedia untuk bekerja serta memiliki kecerdasan sesuai dengan bakat. Oleh itu, solusi memperbaiki kelemahan kurikulum lama dan menyahut tentang Kurikulum 2013 adalah dengan menggunakan model pembelajaran dalam proses pembelajaran di SMKN 3 Banda Aceh.


4.5.1 Tujuan menggunakan model pembelajaran

Di SMKN 3 Kota Banda Aceh, pada Kurikulum 2013 diharapkan guru dapat menggunakan model pembelajaran dalam proses belajar mengajar. Dalam menggunakan model pembelajaran, tujuannya adalah untuk mencapai tujuan pembelajaran yang maksima. Selain itu, model pembelajaran dapat mempengaruhi secara langsung terhadap kejayaan pelajar. Dalam menggunakan model pembelajaran, RA guru mata pelajaran persiapan pengolahan jurusan tataboga mengatakan:

Pada pelaksanaan Kurikulum 2013 dalam RPP diharuskan guru menggunakan model pembelajaran dalam mengajar, tentu tujuannya baik, tetapi saya peribadi belum faham betul tentang model pembelajaran, bagi saya ini hal yang baru yang harus saya lakukan, informasi tentang model pembelajaran saya dapatkan ketika sosialisasi yang dilaksanakan oleh Dinas

Pendidikan di sekolah kami. Bagi saya pengetahuan tentang model pembelajaran hanya sedikit yang kami dapatkan kerana kegiatannya hanya dua hari saja. Saya ingin sekali mengikuti latihan tentang model pembelajaran, kerana menurut saya dengan menggunakan model pembelajaran, pelajar lebih aktif dalam belajar (RA/tb/11.02.2013).

Disampaikan oleh RA bahawa, dalam pelaksanaan Kurikulum 2013, guru diharuskan menggunakan model pembelajaran, RI mengatakan “saya belum faham betul model-model pembelajaran”, RF juga mengatakan “pengetahuan yang kami dapatkan tentang model-model pembelajaran hanya sedikit saya dapatkan” dan RG mengatakan “saya mengetahui tujuan menggunakan model-model pembelajaran adalah untuk membantu guru dalam mengajar” dengan demikian guru mengetahui tujuan yang ingin dicapai dalam menggunakan model pembelajaran tetapi sukar menggunakan secara terus-menerus. Pengetahuan tentang model pembelajaran hanya sedikit mereka dapat sehingga mereka belum faham betul-betul tentang model pembelajaran secara keseluruhannya.

 Universiti Utara Malaysia

Berdasarkan pemerhatian dalam pelaksanaan proses pembelajaran di SMKN 3 Kota Banda Aceh, pelbagai model pembelajaran yang sesuai dengan keadaan pembelajaran diperlukan, bahan pembelajaran, tujuan bidang pengajian dan perwatakan pelajar. Model pembelajaran ditujukan untuk membangun mental kognitif dan mengembangkan kemampuan berfikir. Selain itu, model pembelajaran akan membantu pelajar untuk belajar berfikir secara sistematik. Setelah sosialisasi Kurikulum 2013 yang dilakukan oleh Dinas Pendidikan Kota Banda Aceh guru dapat mengerti bahawa model pembelajaran dapat diterapkan dengan bervariasi seperti yang dikatakan oleh RD :

Saya mengetahui bahawa model pembelajaran dapat diterapkan secara bervariasi, namun secara berkelanjutan saya belum melaksanakannya ketika mengajar, bagi saya menggunakan model pembelajaran adalah hal yang baru dan saya mencuba mempelajari tentang model pembelajaran yang sesuai untuk bahan pembelajaran di SMK. Setelah saya mengetahui bahawa banyak sekali model pembelajaran yang dapat digunakan saya ingin sekali menerapkannya ketika mengajar (RD/12.02.2014).

Pendapat RD juga hampir sama dengan RG “saya mengetahui bahawa model-model pembelajaran itu bervariasi”, RC mengatakan bagi saya mencuba mempelajari model-model pembelajaran” dan RA “menyampaikan secara berkelanjutan tidak menggunakan model pembelajaran dengan bervariasi pada waktu proses pembelajaran”. Guru mencuba mempelajari tentang model pembelajaran yang sesuai dengan bahan pembelajaran, mereka ingin sekali menerapkannya pada waktu proses pembelajaran.

Berdasarkan analisis pada dokumentasi RPP tertulis penggunaan model pembelajaran pada bahagian kaedah pembelajaran, dapat dilihat bahawa tertera model pembelajaran yang akan digunakan tetapi pada proses pembelajaran guru tidak melaksanakannya. Untuk tujuan triangulasi pengkaji melakukan wawancara kepada SR ketika ditanya sebab tidak menggunakan model pembelajaran sedangkan ada tertulis di RPP dan jawapannya jika menggunakan model pembelajaran waktu yang tersedia tidak mencukupi. Selain itu, saya belum biasa menggunakan model pembelajaran yang bervariasi.

Berdasarkan pemerhatian pada waktu guru mengajar, dapat dilihat bahawa masih sedikit guru menggunakan model pembelajaran. Hal ini disebabkan oleh guru kurang

memahami tujuannya terhadap penggunaan model pembelajaran. Pengetahuan tentang model pembelajaran sangat terbatas dan kurang dikuasai oleh guru. Ini menjadi alasan beberapa guru mengapa model pembelajaran jarang digunakan. Menurut ketua jurusan kecantikan RI yang mengatakan sebenarnya guru sudah menggunakan model pembelajaran, hanya belum mengetahui nama dari model pembelajaran tersebut.

4.5.2 Model pembelajaran yang boleh digunakan berkaitan dengan pembelajaran PAKEM

Model pembelajaran yang boleh digunakan oleh guru berkaitan dengan pembelajaran PAKEM pada SMKN 3 Banda Aceh antaranya model *Project Work*, *Quantum Teaching and Learning* (QTL), *Contextual Teaching and Learning* (CTL), *Problem Base Learning* (PBL), *Inquiry Training*, *Role Playing*. Selain itu, banyak model pembelajaran yang dapat digunakan bersesuaian dengan bahan pembelajaran dengan menggunakan model-model guru dapat membantu pelajar untuk mendapatkan atau memperoleh informasi, idea, keterampilan, cara berfikir dan mengekspresikan diri sendiri. Mengenai penggunaan pelbagai model pembelajaran yang berkaitan dengan PAKEM, RC mengatakan:

Saya kurang memahami macam-macam model pembelajaran yang berkaitan dengan PAKEM yang harus digunakan untuk pembelajaran di SMK, selama ini saya menggunakan model pembelajaran langsung ketika mengajar, ketika saya harus menggunakan model pembelajaran pada Kurikulum 2013 saya mencuba mempelajarinya. (RC/tb/12.02.2014)

Pernyataan RC hampir sama yang dikatakan oleh RA “saya akan mencuba mempelajari model-model pembelajaran yang bervariasi”, RB mengatakan “saya belum memahami model-model pembelajaran yang berkaitan dengan PAKEM” dan RF mengatakan bahawa “saya belum mencuba menerapkan model pembelajaran yang bervariasi ketika mengajar untuk pelaksanaan Kurikulum 2013 dan selama ini juga guru menggunakan model pembelajaran langsung. Mereka masih kurang faham model pembelajaran yang berkaitan dengan PAKEM dan sesuai dengan bahan pembelajaran.

Model pembelajaran adalah kerangka konseptual yang menggambarkan prosedur sistematik dalam mengorganisasikan pengalaman belajar untuk mencapai tujuan belajar. Fungsi model pembelajaran di SMKN 3 Kota Banda Aceh adalah sebagai pedoman bagi perancang pengajaran dan para guru dalam melaksanakan pembelajaran. Pemilihan model pembelajaran sangat dipengaruhi oleh sifat dan bahan yang akan diajarkan. Selain itu, tujuan yang akan dicapai dalam pembelajaran tersebut serta tingkat kemampuan pelajar. Dalam memilih model pembelajaran RG mengatakan:

Saya belum mempunyai kefahaman dalam memilih model pembelajaran berkaitan dengan pembelajaran PAKEM dan sesuai dengan bahan pembelajaran, menurut saya semua model pembelajaran yang saya ketahui baik sekali bila digunakan secara bergantian namun saya belum melakukannya, selama ini saya memilih model pembelajaran yang mudah saya gunakan pada waktu pembelajaran. Saya ingin mempelajari lebih mendalam lagi tentang model pembelajaran, kerana dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 guru harus menggunakan model pembelajaran yang bervariasi ini tantangan berat bagi saya seorang guru (RG/tb/15.02.2014).

RG juga sependapat dengan RD yang mengatakan bahawa “menurut saya semua model pembelajaran baik sekali digunakan secara bergantian namun saya belum melakukannya dan RA menyatakan “Saya belum mempunyai kefahaman dalam memilih model pembelajaran berkaitan dengan pembelajaran PAKEM. Mereka ingin mempelajari model pembelajaran yang bervariasi. Menurutnya, guru memang harus menggunakan model pembelajaran walaupun tentangannya sangat berat untuk dilaksanakan oleh guru.

Menurut pemerhatian, dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMKN 3 Kota Banda Aceh kepada guru diharuskan menggunakan model pembelajaran yang disesuaikan dengan konsep yang lebih sesuai dan dipadukan dengan model pembelajaran yang lain untuk meningkatkan hasil belajar. Oleh itu, dalam memilih suatu model pembelajaran, guru memiliki pertimbangan kemudahan yang tersedia sehingga tujuan pembelajaran dapat dicapai. Menurut guru dalam menggunakan model pembelajaran berkaitan dengan kemudahan yang tersedia di sekolah, mengenai hal ini RI mengatakan :

Pada Kurikulum 2013 saya diharuskan menggunakan model pembelajaran, dan ini sangat berkaitan dengan kemudahan yang disediakan disekolah. Saya berharap dengan pelaksanaan Kurikulum 2013 kemudahan untuk guru perlu disediakan selengkapnya seperti keperluan kertas karton,kertas warna dll. Bagaimana dapat mengajar dengan model pembelajaran kalau kemudahan yang dimiliki sekolah tidak memenuhi standard dan jumlahnya kurang (RI/tb/13.02.2014).

RI senada dengan pernyataan RC “kemudahan untuk guru seperti kertas perlu disediakan”. RD mengatakan “saya berharap sekolah dapat menyediakan bahan” dan

RA bahawa kemudahan yang tersedia di sekolah sangat berkaitan untuk melaksanakan penggunaan model pembelajaran oleh guru. Dari hasil pemerhatian di dalam kelas, selama ini dalam proses pembelajaran guru menyediakan sendiri peralatan yang digunakan untuk menerapkan model pembelajaran, misalnya dalam menyediakan gambar-gambar, guru harus membeli kertas karton sendiri dalam jumlah yang banyak. Justeru, sudah tentu banyak biaya yang harus disediakan oleh guru yang menyebabkan kesulitan bagi guru dalam menggunakan model pembelajaran.

Berdasarkan data kumpulan fokus, pada SMKN 3 Kota Banda Aceh dalam menggunakan model pembelajaran peranan pengawas dan pengetua sekolah sangat diharapkan oleh guru kerana guru harus menggunakan model pembelajaran. Oleh itu, mereka mengharapkan bimbingan yang berterusan terhadap kefahaman bermacam-macam model pembelajaran. Guru perlu kefahaman dalam menggunakan model pembelajaran dan pelbagai keterampilan mengajar agar dapat mencapai tujuan pembelajaran yang optimum dan penggunaan model pembelajaran yang bervariasi menjadi ciri Kurikulum 2013. Guru sangat mengharapkan bimbingan yang aktif dalam menggunakan model pembelajaran seperti yang dikatakan oleh RB :

Kerana saya harus menggunakan model pembelajaran pada Kurikulum 2013 ini, saya sangat mengharapkan bimbingan yang khusus misalnya dari ketua jurusan, wakil pengetua sekolah bidang kurikulum, pengetua sekolah, pengawas sekolah dan lain pihak yang dapat membimbing guru. Hal ini menurut saya penting kerana pada Kurikulum 2013 ini guru sudah sangat terdesak untuk menggunakan model pembelajaran di kelas, semangat belajar dari pelajar pun terlihat sangat baik apabila guru ada menggunakan model pembelajaran yang bervariasi. Pada saat sekarang saya masih belum terbiasa menggunakan model pembelajaran yang bervariasi ini disebabkan

keterbatasan pengetahuan saya terhadap model pembelajaran (RB/tb/14.02.2014).

Pendapat RB hampir sama dengan RG “saya sangat berharap bimbingan yang khusus dalam menggunakan model-model pembelajaran” dan RF mengatakan “perlunya bimbingan khusus dari ketua jurusan, wakil pengetua sekolah bidang kurikulum, pengetua sekolah dan pengawas sekolah”. Peserta kajian sangat berharap untuk bimbingan itu kerana mereka merasakan ini juga merupakan keperluan untuk membantu pelajar.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan pengkaji di dalam kelas ketika peserta kajian mengajar tidak ramai yang menggunakan model pembelajaran. Untuk tujuan triangulasi tentang penggunaan model pembelajaran, pengkaji melakukan temubual dengan ketua jurusan yang dibenarkan oleh RH ketua jurusan tataboga, RH mengatakan bahawa idealnya sehubungan dengan pelaksanaan Kurikulum 2013 guru dibekalkan dengan pengetahuan yang lebih luas mengenai model pembelajaran misalnya sekolah menganjurkan bengkel dan kelompok kerja lainnya. Dalam menggunakan model pembelajaran dalam kurikulum lama (KTSP) sudah diperkenalkan pada guru dalam bimbingan teknik yang diberikan oleh pihak Dinas Pendidikan Kota tetapi masih ada guru yang belum menggunakannya dalam proses pembelajaran.

Pemerhatian yang dilakukan terhadap RF, RA, RB dan RD yang mengajar di dalam kelas dapat dikatakan tidak menerapkan model pembelajaran. Hal ini dimungkinkan kerana guru memang belum memahami secara mendalam tentang model

pembelajaran. Ketika temu bual dilakukan tentang model pembelajaran, masih ada guru yang belum dapat membezakan kaedah pembelajaran dengan model pembelajaran.

Berdasarkan data kumpulan fokus, guru ingin sekali menggunakan model pembelajaran pada setiap proses pembelajaran berlangsung tetapi kerana keterbatasan pengetahuan guru menggunakannya hanya sesekali. Menurut pendapat RH ketua jurusan tataboga yang mengatakan bahawa minat guru untuk menggunakan model pembelajaran sangat tinggi. Selain itu, rasa ingin memahami secara luas tentang model pembelajaran dapat terlihat pada waktu guru berunding dengan ketua jurusan dalam memilih model pembelajaran yang sesuai dengan bahan pembelajaran.

Berdasarkan analisis dokumentasi oleh pengkaji, didapati guru sudah berupaya untuk menulis dalam RPP untuk digunakan di kelas. Namun, saya tidak mengetahui apakah guru benar-benar ada menggunakannya di dalam kelas. Dari pemerhatian yang dilakukan di kelas pada waktu RB mengajar, jelas terlihat tidak menggunakan model pembelajaran ketika mengajar. Alasan yang diberikan adalah bahan yang diajarkan belum direncanakan untuk model pembelajaran apa yang akan digunakan. Selain itu, peserta kajian mempunyai kesulitan dalam menerapkan model pembelajaran kerana kemudahan harus disediakan oleh guru dan kemudahan yang tersedia di sekolah masih terbatas.

4.6 Kefahaman guru dalam menggunakan media pembelajaran di SMKN 3 Kota Banda Aceh

Di SMKN 3 Kota Banda Aceh penggunaan media pembelajaran adalah segala sesuatu yang dapat digunakan untuk menyalurkan pesanan kepada penerima sehingga dapat merangsang fikiran, perasaan, perhatian dan minat serta perhatian pelajar sedemikian rupa sehingga proses belajar mengajar terjadi. Oleh itu, guru-guru SMKN 3 Kota Banda Aceh dapat memilih media dan bahan-bahan yang disajikan yang dapat menyokong kepada pencapaian tujuan pembelajaran yang telah ditetapkan.

4.6.1 Manfaat menggunakan media pembelajaran

Guru SMKN 3 Kota Banda Aceh dalam menggunakan media pembelajaran dapat merasakan manfaatnya dalam proses pembelajaran, RA mengatakan:

Saya dapat merasakan manfaat dari penggunaan media pembelajaran, akan tetapi saya tidak menyediakan media pembelajaran yang baru, untuk media pembelajaran saya menyesuaikan dengan media yang sudah tersedia sebelumnya, misalnya menggunakan gambar-gambar tentang bahan makanan untuk pelajaran tataboga. Media ini sudah kami siapkan pada dua tahun yang lalu, meskipun bahannya sudah kelihatan kusam tetapi menurut kami masih boleh digunakan. Banyak media pembelajaran yang sudah kami siapkan dan disimpan dilemari penyimpanan media pembelajaran (RA/tb/17.03.2014).

RA senada dengan RB mengatakan “media pembelajaran yang baru belum saya sediakan tetapi saya dapat merasakan manfaat dari media pembelajaran”, RC mengatakan “ media yang sudah kami sediakan pada tahun yang lalu masih kami gunakan” dan RD mengatakan “dalam menggunakan media pembelajaran saya menggunakan bahan-bahan yang sudah ada”. Dalam menggunakan media

pembelajaran, jika peserta kajian ingin menggunakan gambar-gambar dapat mengambilnya di tempat penyimpanan. Media yang digunakan sudah disiapkan pada tahun-tahun sebelumnya sehingga kelihatan tidak baru lagi. Seharusnya, media pembelajaran harus kelihatan lebih menarik sebagai alat untuk memperjelas pembelajaran.

Menurut pemerhatian, dalam pembelajaran di SMKN 3 Kota Banda Aceh media pembelajaran adalah sebagai alat bantu mengajar untuk guru mengajar, media sebagai alat penyalur pesanan daripada pemberi pesanan ke penerima pesanan. Sebagai pembawa pesanan, yang lebih penting media tidak hanya digunakan guru tetapi dapat digunakan oleh pelajar. Sebagai penyalur pesanan dalam hal-hal tertentu media dapat mewakili guru menyampaikan informasi secara lebih teliti, jelas dan menarik. Pada pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMKN 3 Kota Banda Aceh, media pembelajaran elektronik seperti komputer riba sangat membantu guru dalam menyalurkan pesan pada pelajar seperti yang dikatakan oleh RD:

Menurut saya dengan menggunakan komputer riba sangat membantu guru dalam menyalurkan pesan pada pelajar, saya dapat melihat guru yang menggunakan komputer riba sangat mudah mereka mengajar. Lain halnya dengan saya yang tidak mahir dalam menggunakan komputer riba, saya jarang menggunakan komputer riba sehingga pada waktu harus menggunakan komputer riba harus meminta tolong orang lain untuk membuat power point. Ada beberapa guru yang tidak mengusai komputer riba terutama guru yang sudah berusia lanjut seperti saya, tetapi untuk guru yang mengusai komputer riba pun kadang mereka tidak menggunakannya dalam proses pembelajaran (RD/tb/19.03.2014).

Pendapat RD hampir sama dengan pendapat RA yang menyatakan bahawa “saya menggunakan komputer riba pada waktu mengajar tetapi sebelumnya meminta

pertolongan orang lain untuk membuat *powerpoint*”, RB mengatakan “saya belum mahir dalam menggunakan komputer riba” dan RG mengatakan “saya mampu menggunakan komputer riba tetapi kadang-kadang tidak menggunakannya” dan dibenarkan oleh RL ketua jurusan tatabusana bahawa ada peserta kajian yang masih belum menguasai komputer riba. Guru yang sudah menguasai komputer riba juga mengalami halangan dalam menggunakannya, misalnya terbatasnya penyediaan infokus di jurusan, penggunaan komputer riba sebagai alat bantu pembelajaran dapat menarik minat pelajar dalam pembelajaran.

Berdasarkan analisis yang dilakukan pada dokumen peminjaman komputer riba dan infokus pada bahagian perlengkapan sekolah, guru jarang meminjam media tersebut dan pengamatan yang dilakukan dalam proses pembelajaran guru menggunakan komputer riba kepunyaan sendiri tetapi tidak menggunakan infokus. Dalam menunjukkan gambar-gambar misalnya model pakaian atau gambar macam-macam model rambut, guru meminta pelajar satu persatu untuk maju ke depan meja guru untuk mengamati gambar.

Berdasarkan hasil kumpulan fokus menunjukkan bahawa SMKN 3 Banda Aceh sudah menyediakan kemudahan kepada guru. Penggunaan komputer riba dan infocus untuk guru tersedia untuk setiap guru mengajar. Pada saat pemerhatian dilakukan di dalam kelas pada saat peserta kajian mengajar sedikit sekali yang menggunakan komputer riba dan infocus, pengelola sarana dan prasarana kadangkala tidak meminjam komputer riba dan infokus kerana harus membuat peminjaman sehari sebelum mengajar. Apabila pada waktu akan mengajar meminjam komputer riba

sudah tentu digunakan oleh peserta kajian yang lain. Menurut pengelola peralatan tersebut terus akan dikembangkan dan dibenarkan oleh bendahari sekolah.

Berdasarkan analisis data dokumen yang ada pada pengelola sarana pembelajaran, didapati penggunaan komputer riba dan infokus oleh guru masih rendah. Bahkan, tidak ramai guru yang meminjam komputer riba dan infocus ketika pembelajaran berlangsung. Dari fakta-fakta yang terungkap di atas boleh dinyatakan bahawa komponen kemudahan dalam menggunakan media pembelajaran di SMKN 3 Banda Aceh, didapati pengelolaan untuk memenuhi kecukupan kemudahan media pembelajaran sudah wujud tetapi tidak diimbangi dengan penggunaan yang optimum oleh guru.

Menurut pemerhatian yang dilakukan ketika guru mengajar di kelas, media yang digunakan masih perlu dilengkapi dengan media yang lebih baik misalnya dengan menggunakan gambar yang sesuai dengan perkembangan zaman. Gambar terbaru dapat diperoleh dari Internet dan memungkinkan guru dapat secara langsung menunjukkan kepada pelajar dengan menggunakan komputer riba.

4.6.2 Faktor-faktor kefahaman guru dalam menerapkan media pembelajaran

Guru SMKN 3 Kota Banda Aceh menggunakan media pembelajaran yang dapat memberi kemudahan belajar bagi pelajar, perhatian dan bimbingan secara individu. Informasi dapat pula disajikan secara jelas, menarik dan teliti oleh media pendidikan. Oleh itu faktor yang harus difahami oleh peserta kajian dalam menerapkan media

pembelajaran dapat membantu peserta kajian dalam mengajar. RC guru mata pelajaran reka bentuk busana jurusan tatabusana mengatakan :

Saya kurang mengerti faktor-faktor yang harus difahami dalam penerapan media pembelajaran. Saya ingin sekali dalam setiap proses pembelajaran menggunakan media yang menarik sehingga informasi yang disajikan menarik dan jelas, seperti dalam memberikan informasi tentang hiasan pada busana dengan menggunakan mesin sulaman industri. Jurusan tatabusana tidak tersedia mesin sulaman industri, untuk masa sekarang ini sudah saatnya media yang seperti itu tersedia di sekolah. Saya berharap dalam waktu yang dekat media seperti itu sudah tersedia, bagaimana dapat mengajar dengan baik pada pelaksanaan Kurikulum 2013 kalau sarana dan prasarannya yang dimiliki sekolah tidak memenuhi standart (RC/tb/19.3.2014).

Pernyataan RC, hampir sama dengan yang dikatakan RD “saya tidak begitu faham mengenai faktor-faktor yang harus difahami dalam penerapan media pembelajaran”, RL mengatakan “saya berharap media pembelajaran cukup tersedia di sekolah”. RI mengatakan “dalam proses pembelajaran masih kurang tersedianya sarana dan prasarana”. Dalam hal ini, faktor kesediaan sangat penting diperhatikan dalam menggunakan media pembelajaran. Apabila peralatan yang tersedia ada seperti mesin jahit industri, para pelajar dengan mudah dapat mempraktikkannya. Kurangnya sarana dan prasarana menjadikan kemudahan kurang diberikan kepada pelajar untuk meningkatkan motivasi belajar. RC mengatakan juga pada waktu selepas tsunami banyak NGO yang memberi bantuan untuk sekolah-sekolah. Dia mengetahui bahawa sekolah ada membuat kertas cadangan untuk penyediaan peralatan untuk sekolah. Ada beberapa peralatan yang diperoleh tetapi untuk mesin sulaman industri tiada.

Menurut pemerhatian, media pembelajaran di SMKN 3 Kota Banda Aceh, seperti mesin sulaman industri dapat dimanfaatkan untuk menyokong kepada tercapainya tujuan tertentu. Namun, sayang media ini tidak tersedia. Media pembelajaran yang sederhana dan murah harganya seperti gambar-gambar dan lain selalu disediakan oleh guru. Dalam menyediakan media pendidikan, ramai peserta kajian mengalami masalah bila mana semua media pembelajaran harus disediakan secara peribadi tanpa ada bantuan dari pihak sekolah, RA mengatakan:

Dalam membuat media pembelajaran saya tidak mengetahui harus memperhatikan faktor-faktor yang harus dipertimbangkan, media yang saya gunakan sudah tersedia di almari penyimpanan yang saya simpan dari tahun-tahun yang lalu. Dalam penyediaan media pembelajaran yang baru, saya minta bantuan pelajar yang PPL (Praktik Pengalaman Lapangan) iaitu praktik mengajar di sekolah kami, hal ini saya lakukan sambil saya membimbing dalam praktik mengajar, untuk setiap jam pelajaran saya sarankan kepada mahapelajar PPL untuk membuat RPP, membuat modul, dan menggunakan media pembelajaran. Setelah pelajar PPL selesai praktik mengajar, untuk RPP, modul dan media pembelajaran yang dibuat saya simpan untuk saya gunakan lagi pada waktu mengajar selanjutnya (RA/tb/20.3.2014).

Pendapat RA hampir sama dengan RB “dalam menyediakan media pembelajaran saya belum memperhatikan faktor-faktor yang harus dipertimbangkan”, RF menyatakan “media yang saya gunakan sudah tersedia di almari penyimpanan”. RI mengatakan “mempunyai halangan pada waktu penyediaan media pembelajaran”. Oleh itu, RA mohon bantuan guru PPL untuk merangka RPP, modul dan media pembelajaran kerana peserta kajian mempunyai halangan dalam penyediaan media pembelajaran peserta kajian meminta bantuan orang lain dalam menyediakan media pembelajaran.

Menurut pemerhatian, peserta kajian SMKN 3 Kota Banda Aceh dalam merancangkan penyediaan media pembelajaran dapat mencapai tujuan pembelajaran yang akan dicapai, bahan pelajaran yang menyokong kepada tercapainya tujuan, serta strategi pembelajaran yang sesuai untuk mencapai tujuan itu. Media pembelajaran idealnya sesuai dengan ketiga-tiga hal itu yang meliputi tujuan, bahan dan strategi pembelajaran. Oleh itu, peserta kajian dapat menyediakan sendiri media pembelajaran sederhana, menurut RI :

Memang benar banyak keluhan dari guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013, terutama dalam menyediakan media pembelajaran yang sesuai dengan bahan pembelajaran. Bagi saya itu tugas berat yang harus saya lakukan, saya berbuat terus meskipun dalam menyiapkannya tidak tepat waktu. Saya harus membuat media pembelajaran kerana saya selaku ketua jurusan harus menunjukkan kesediaan saya dalam mengajar selain itu saya juga sering ditanyakan oleh pengawas sekolah dalam hal guru lain untuk menggunakan media pembelajaran (RI/tb/04.04.2014).

Pernyataan RI hampir sama yang dikatakan oleh RB “dalam menyediakan media pembelajaran bagi saya merupakan tugas yang berat”, RA mengatakan “saya menyediakan media pembelajaran tidak tepat waktu” dan RG mengatakan “tugas menyediakan media pembelajaran sangat berat untuk saya dilaksanakan kerana memerlukan waktu yang banyak”. Untuk tersedianya media pembelajaran terkadang mencari gambar-gambar di Internet dengan menunjukkan pelajar ketika mengajar. Dalam proses pembelajaran guru masih menggunakan media yang lama misalnya contoh model rambut dengan gambar-gambar yang sudah ada pada tahun yang lalu, kerana peserta kajian mempunyai halangan dalam penyediaan media pembelajaran. Oleh itu, guru juga dapat memanfaatkan media teknologi lainnya.

Berdasarkan kumpulan fokus, media yang digunakan peserta kajian biasanya merupakan buku, poster, gambar, foto, kaset, filem, kaset video, komputer riba dan lain-lain. Pelbagai jenis alatan media dapat digunakan dan ada yang mahal harganya. Selain itu, media yang sederhana kos yang digunakan juga lebih murah, RC mengatakan:

Saya menyediakan sendiri media pembelajaran misalnya dalam membuat alat-alat bantu untuk membeli kertas karton misalnya saya harus membeli sendiri, untuk membeli bahan media ada yang murah dan yang mahal menurut saya, oleh itu saya mencari jalan keluar untuk mengatasi hal ini agar menjimatkan biaya, seperti karton untuk media tidak dibeli tetapi memanfaatkan karton bekas untuk membuat contoh pola pakaian yang akan digunakan. Menurut saya setiap guru harus menggunakan media pembelajaran dalam proses pembelajaran, saya ingin sekali mengganti media pembelajaran yang menurut saya sudah tidak layak pakai, tetapi selalu ada halangan mengingat saya harus mengeluarkan biaya, saya berharap SMKN 3 bagaimanapun juga dapat membantu kami guru dalam ehwal penyediaan media pembelajaran (RC/tb/18.03.2014)

Menurut RC dalam penyediaan media pembelajaran, peserta kajian harus mengeluarkan sendiri kos yang diperlukan. Pendapat ini senada yang dikatakan oleh RD “untuk menghemat biaya saya menggunakan karton bekas dalam membuat media pembelajaran” dan RF mengatakan “saya mengalami halangan dalam menyediakan media pembelajaran kerana harus mengeluarkan biaya”. Oleh itu, media yang dipakai kelihatannya sudah dibuat beberapa tahun yang lalu. Peserta kajian ingin sekali menggantikan media pembelajaran yang sudah tidak layak untuk dipakai namun terhalang kerana mereka harus mengeluarkan biaya sendiri. Dalam kaitan ini menuntut adanya perubahan sikap peserta kajian untuk menyediakan media pembelajaran.

Menurut pemerhatian, media pembelajaran yang digunakan oleh peserta kajian adalah sebagai satu daripada sumber belajar yang dapat menyalurkan pesanan sehingga membantu peserta kajian mengatasi halangan dalam pembelajaran. Perbezaan gaya mengajar, minat intelekensi, keterbatasan daya indera, cacat tubuh, jarak waktu dan lain-lain dapat dibantu dan diatasi dengan memanfaatkan media pendidikan. Media dapat mengatasi halangan dalam pembelajaran, RD mengatakan:

Saya membuat sendiri media pembelajaran empat tahun yang lalu seperti yang saya gunakan ini iaitu macam-macam contoh cara jahitan untuk menjahit pakaian. Media pembelajaran ini selalu saya gunakan, rencana saya akan disemak tetapi ini belum saya lakukan. Dengan menggunakan media ini saya sangat terbantu dalam mengajar, pelajar dapat melihat media tersebut dan langsung dapat menjahit sendiri, tetapi saya tetap membimbang mereka bagaimana cara menjahit yang sebenarnya (RD/tb/4.4.2014).

RD mengatakan bahawa media dibuat sendiri. Hal ini juga dikatakan oleh RD bahawa media yang sudah tersedia pada tahun yang lalu. Pada pemerhatian ketika RD mengajar terlihat bahawa benar media yang digunakan sudah harus disemak dan pelajar akan lebih bersemangat belajar bila media yang digunakan dalam keadaan baik. Media yang digunakan SR hanya dapat diletakkan di hadapan kelas dan pelajar secara bergantian mengamati sendiri pelbagai cara menjahit pada pakaian.

Dari hasil pemerhatian pada dokumen yang ada pada peserta kajian ketika mengajar di kelas dapat dilihat bahawa masih ada yang menggunakan media pembelajaran yang sudah digunakan beberapa tahun yang lalu. Media pembelajaran yang sudah tersedia dapat digunakan lagi pada suatu saat yang diperlukan. Untuk keperluan triangulasi, pengkaji mengadakan temu bual dengan IR. IR peserta kajian yang

mengajar mata pelajaran reka bentuk busana jurusan tatabusana menyatakan: saya minta bantuan pelajar PPL untuk membuat media pembelajaran. Untuk tugas yang saya berikan pada pelajar PPL supaya tidak memberatkan mereka, saya memberikan wang yang dikeluarkan pelajar PPL.

Dari hasil pemerhatian di dalam kelas, peserta kajian masih menggunakan media yang lama misalnya model rambut dengan gambar-gambar yang sudah ada pada tahun yang lalu, sementara media pembelajaran yang baru masih dalam penyelesaian. Beberapa peserta kajian menyatakan bahawa perubahan kurikulum mengharuskan mereka untuk bekerja keras dalam membuat media pembelajaran yang baru kerana harus menyesuaikan dengan bahan pembelajaran baru pada Kurikulum 2013.

Dari analisis dokumentasi di jurusan, bahan seperti kertas karton sekolah dapat membantu menyediakannya untuk membuat media pembelajaran. Menurut RN, wakil ketua sekolah bidang kurikulum mengatakan bahawa sekolah menyediakan bahan-bahan yang murah seperti kertas folio, kertas karton dan lain-lain. Media yang mahal pun di sekolah disediakan seperti komputer riba dan infokus tetapi peserta kajian jarang memanfaatkan kemudahan tersebut. Untuk media yang khusus apabila peserta kajian memerlukan untuk mengganti media yang baru, guru dapat meminta wakil ketua sekolah bidang kurikulum pada setiap tahun pengajaran dimulai.

4.7 Kefahaman guru dalam menyediakan modul pembelajaran di SMKN 3 Kota Banda Aceh.

Direktorat Pembinaan Sekolah Menengah Kejuruan melakukan pelbagai strategi untuk meningkatkan mutu sumber daya manusia (SDM) dalam pelaksanaan pembelajaran di SMKN. Antaranya melalui penerapan pendekatan pendidikan dalam bentuk pembuatan modul pembelajaran. Modul dapat membantu SMKN 3 Kota Banda Aceh dalam mewujudkan pendidikan yang berkualiti. Penggunaan modul dapat meningkatkan kegiatan pembelajaran lebih terancang dengan baik, mandiri tuntas dan hasil yang jelas.

4.7.1 Tahap-tahap penulisan modul

Peserta kajian sudah menggunakan modul yang tersedia dalam kurikulum lama. Modul terbaru sedang dalam proses penggubalan. Bagi Kurikulum 2013, penggubalan modul dapat dilakukan dengan merujuk pada tahap-tahap penulisan modul yang dapat diperhatikan untuk reka bentuk sebuah modul seperti yang dikatakan oleh RA guru mata pelajaran persiapan pengolahan jurusan tataboga:

Saya belum memahami tahap-tahap yang harus diperhatikan untuk membuat modul, walaupun demikian saya harus membuat modul pembelajaran dan menjadi kewajipan bagi guru. Pada perubahan kurikulum sekarang ini kami juga harus membuat modul sesuai dengan Kurikulum 2013, saya menerima tugas ini dengan ikhlas tetapi beban membuat modul sangat berat bagi saya. Meskipun demikian saya mencuba membuat modul bekerja sama dengan pelajar PPL untuk menyelesaiannya (RA/tb/29.3.2013).

Pernyataan RA hampir sama oleh RB mengatakan "Dalam membuat sebuah modul saya belum memahami tahap-tahap yang harus diperhatikan untuk membuat sebuah

modul”, RF menyatakan ”saya harus membuat modul pembelajaran tetapi saya belum memahami tahap-tahap yang harus diperhatikan dalam membuat sebuah modul” dan RD mengatakan bahawa “walaupun belum memahami tahap-tahap dalam membuat sebuah modul saya menerima tugas untuk membuat modul dengan ikhlas kerana modul yang baru masih dalam proses penyelesaian”. Dalam membuat sebuah modul peserta kajian perlu memperhatikan tahap-tahap penulisan sebuah modul, agar dapat menghasilkan modul yang mudah difahami oleh pelajar.


Modul adalah sebuah buku ajar yang disediakan oleh peserta kajian bertujuan agar pelajar dapat belajar secara mandiri. Dalam menyiapkannya, peserta kajian harus memiliki pengetahuan dan keterampilan yang memadai, kebersediaan modul adalah tuntutan Kurikulum 2013 dan tuntutan pemecahan masalah pembelajaran, dikatakan oleh RC.

Dalam membuat modul yang baru memang tuntutan Kurikulum 2013. Saya belum menerapkan tahap-tahap dalam penulisan modul, kerana saya belum pernah mendapatkan latihan tentang membuat modul, selama ini dalam membuat modul saya mencantoh modul yang sudah ada atau melihat contoh di Internet dan menyesuaikan dengan bahan pembelajaran. Pelbagai cara saya lakukan untuk menghasilkan modul, bagi saya tugas membuat modul sudah dilaksanakan dan bila pengetua sekolah memeriksa sudah ada modul yang dapat ditunjukkan (RC/tb/19.04.2013).

Pernyataan RC dikatakan juga oleh RF ”dalam membuat modul saya belum mengetahui bahawa modul harus dibuat dengan mengikuti tahap-tahap penulisan modul agar menghasilkan modul yang baik. RG mengatakan “belum pernah mendapatkan latihan tentang cara merangka modul sehingga saya enggan untuk membuat modul baru”. RI mengatakan “dalam membuat modul selama ini saya

mencontohi modul yang sudah ada”. Kurangnya kefahaman tentang membuat modul sehingga peserta kajian melakukan pelbagai cara untuk menghasilkan sebuah modul. Hal ini untuk memenuhi tugas dari pengetua sekolah kerana pada setiap awal semester modul harus dikumpulkan untuk ditandatangani oleh pengetua sekolah. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa peserta kajian menggunakan modul sebagai alat bantu pengajaran.

Menurut pemerhatian, peserta kajian kadangkala sukar mendapatkan bahan pembelajaran yang bersesuaian dengan tuntutan Kurikulum 2013. Maka peserta kajian harus membuat modul pembelajaran sendiri adalah suatu keputusan yang bijak. Untuk membuat modul rujukan dapat diperoleh dari pelbagai sumber baik itu berupa pengalaman ataupun pengetahuan sendiri. Dalam Kurikulum 2013, ada perubahan pada bahan pembelajaran untuk itu guru harus membuat modul pembelajaran baru dengan menggunakan ilustrasi yang menarik, RD mengatakan:



Saya belum melengkapi ilustrasi yang menarik pada modul saya, saya mengajar di kelas satu dengan mata pelajaran teknologi menjahit, untuk mata pelajaran ini memerlukan waktu yang lama dan ada bahan yang sulit didapatkan pada bahan bacaan kerananya diperlukan modul yang sistematik. Pada mata pelajaran ini pelajar harus menyelesaikan tugas di rumah setelah pembelajaran di sekolah selesai, seperti harus menyelesaikan macam-macam jahitan pada pakaian, jadi bila ada modul pelajar dapat menyelesaikan sendiri dirumah. Untuk itu saya sedang menyelesaikan modul yang baru untuk Kurikulum 2013 walaupun saya harus bekerja keras untuk menghasilkan modul dengan melihat contoh-contoh modul yang ada (RD/tb/08.04.2014).

Pernyataan RD senada dengan pernyataan RB “untuk membuat illustrasi yang menarik saya tidak mampu melakukannya” dan RC mengatakan “modul yang baru harus dibuat oleh pengajar dan saya belum menggunakan illustrasi”. Modul yang

menggunakan ilustrasi belum dilaksanakan, namun demikian untuk membuat modul baru peserta kajian dituntut untuk bekerja lebih keras. Idealnya ada bimbingan daripada pengawas sekolah atau pengetua sekolah. Modul pembelajaran yang digunakan oleh peserta kajian adalah dibuat dengan caranya sendiri.

Menurut pemerhatian, dalam menulis modul peserta kajian dapat memperoleh dari buku-buku, media masa, Internet dan lain-lain. Bahan pengajaran yang sesuai dengan kurikulum dapat diperoleh dari pelbagai sumber. Bagi pelajar, bahan yang terlalu banyak membuat mereka keliru untuk memilih buku pembelajaran. Ketika ini dengan menggunakan Internet sangat memudahkan guru untuk memperoleh bahan pembelajaran dengan ilustrasi yang menarik seperti yang dikatakan oleh RI:

Dalam membuat modul saya lebih banyak menggunakan bahan pembelajaran dari sumber Internet, untuk menggunakan ilustrasi yang menarik modul masih dalam proses penyelesaian. Oleh kerana untuk mencari sumber dari Internet saya minta bantuan teman untuk memilih bahan yang sesuai misalnya memilih macam-macam model rambut. Dengan demikian pelajar tidak merasa bingung dalam mempelajari bahan yang ada dalam modul. Saya menyedari modul yang saya buat diperlukan penyempurnaan untuk Kurikulum 2013, kerana ada bahan yang perlu ditambah sesuai dengan tuntutan Kurikulum 2013 (RI/tb/04.04.2014).

Pernyataan RI ini juga sama seperti RA “untuk menggunakan illustrasi yang menarik pada modul masih dalam proses” dan RF bahawa “dalam membuat modul, bahan pembelajaran lebih banyak diperoleh dari Internet dan belum menggunakan ilustrasi yang bervariasi”. Untuk mencari bahan dari Internet peserta kajian harus meminta bantuan daripada orang lain dalam menggunakan ilustrasi. Hal ini kerana terbatasnya pengetahuan dalam menggunakan komputer riba. Namun demikian, peserta kajian

tetap berupaya dalam membuat modul. Untuk menulis modul yang sebenarnya peserta kajian berharap agar dapat mengikuti latihan tentang penulisan modul.

Berdasarkan pemerhatian, dengan menulis modul pembelajaran, peserta kajian mampu membangunkan komunikasi pembelajaran yang efektif antara guru dengan pelajar. Mereka menyedari sepenuhnya apabila dalam pembelajaran menggunakan modul pelajar lebih bersemangat dalam belajar, seperti yang dikatakan RG:

Pengalaman saya dalam menggunakan modul dapat terlihat pelajar lebih efektif dan dapat memecahkan masalah yang ada dalam pembelajaran. Sebenarnya modul yang saya gunakan sekarang adalah modul yang sudah saya buat beberapa tahun yang lalu, tetapi masih dapat saya gunakan sampai sekarang, modul yang sudah saya buat belum menggunakan ilustrasi. Saya ingin sekali secepatnya menyemak semua modul yang sudah ada tetapi hingga sekarang masih dalam proses penyelesaian (RG/tb/08.04.2014).

RG mengatakan bahawa modul yang lama masih dapat digunakan untuk pembelajaran pada Kurikulum 2013, walaupun dalam proses pembentukan menunjukkan peserta kajian berusaha untuk menulis modul sesuai dengan Kurikulum 2013. Modul yang digunakan idealnya sudah disemak dengan menggunakan ilustrasi yang menarik sesuai dengan Kurikulum 2013, tetapi dalam pelaksanaannya masih dalam proses dan peserta kajian belum mengetahui cara membuat modul sesuai dengan tatacara yang sebenarnya untuk menyediakan modul.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, ketika pembelajaran guru masih menggunakan modul yang lama yang dibuat dalam kurikulum yang lalu. Modul belum disemak sesuai dengan Kurikulum 2013. Modul yang digunakan belum mengikuti petunjuk teknik yang telah dirancang oleh DIKNAS. Untuk tujuan

triangulasi tentang pembuatan modul pengkaji melakukan wawancara dengan ketua jurusan. Menurut pendapat ketua jurusan tataboga RH menyatakan bahawa penggunaan modul yang lama masih dapat disesuaikan untuk bahan pada Kurikulum 2013 kerana banyak guru belum menyemak dan tetap menggunakan dalam pembelajaran.

Menurut pemerhatian dalam dokumen modul yang digunakan guru pada pembelajaran berlangsung, sedikit sekali guru yang menggunakan bahan dari Internet untuk membuat modul sehingga pada modul belum menggunakan ilustrasi yang menarik. Belum banyak guru yang menyempurnakan modul pembelajaran dengan sumber dari Internet. Hal ini disebabkan terbatasnya kemampuan dalam menggunakan komputer riba. Namun demikian dapat dikatakan peserta kajian selalu mempunyai keinginan membuat modul yang dapat memudahkan pelajar dalam proses pembelajaran. Menurut pemerhatian yang dilakukan pada dokumen modul dapat dikatakan modul yang dibuat oleh peserta kajian sangat bervariasi tidak mengikuti tatacara membuat modul yang ditetapkan oleh petunjuk teknik dalam membuat modul.

4.7.2 Ciri-ciri yang dapat diperhatikan dalam mereka bentuk sebuah modul

Bagi pelajar SMKN 3 Kota Banda Aceh, apabila modul sangat bermanfaat, kegiatan pembelajaran akan sangat menarik. Pelajar akan lebih banyak mendapatkan kesempatan untuk belajar secara mandiri dan mengurangkan kebergantungan terhadap kehadiran guru. Kesulitan pelajar dalam pembelajaran dapat dibantu dengan menggunakan modul. Oleh itu, peserta kajian dalam mereka bentuk sebuah modul

dan dapat memperhatikan ciri-ciri untuk mereka bentuk sebuah modul. Seperti yang dikatakan oleh RF:

Saya ingin sekali menggunakan modul pada setiap proses pembelajaran, untuk saat ini saya sedang mereka bentuk modul, saya baru mengetahui bahawa untuk mereka bentuk modul harus memperhatikan ciri-ciri dalam mereka bentuk sebuah modul, untuk mereka bentuk modul saya meminta bantuan bimbingan kepada ketua jurusan, agar nantinya modul itu benar-benar dapat dengan mudah digunakan oleh pelajar (RF/tb/16.04.2014).

Pernyataan yang diutarakan oleh RF senada dengan dikatakan oleh RE “saya baru mengetahui bahawa untuk mereka bentuk modul harus memperhatikan ciri-ciri dalam mereka bentuk sebuah modul”, RI mengatakan “saya belum memperhatikan ciri-ciri dalam mereka bentuk sebuah modul” dan RA “untuk mereka bentuk sebuah modul saya meminta bimbingan kepada ketua jurusan”. Peserta kajian ingin membuat modul dengan baik dan belum mengetahui bahawa untuk mereka bentuk sebuah modul harus memperhatikan ciri-ciri dalam mereka bentuk sebuah modul. Selama ini dalam membuat modul guru meminta bantuan pada ketua jurusan.

Menurut pemerhatian pada dokumentasi modul yang digunakan oleh peserta kajian belum memperhatikan ciri-ciri yang diperlukan untuk sebuah modul. Dengan memperhatikan ciri-ciri dalam menulis sebuah modul akan menghasilkan modul pembelajaran yang membolehkan pelajar belajar secara sendiri. Dalam menulis modul terdapat sejumlah ciri-ciri yang perlu diperhatikan, modul dibuat atas dasar hasil analisis keperluan dan keadaan. Perlu diketahui dengan pasti bahan belajar apa yang perlu disusun untuk sebuah modul, siapa yang akan menggunakannya, dan

sumber apa yang diperlukan. Beberapa cirri- ciri harus diperhatikan dalam membuat modul berkaitan dengan ini RB mengatakan :

Dalam proses pembelajaran saya masih menggunakan modul yang saya buat beberapa tahun yang lalu, modul yang sesuai dengan Kurikulum 2013 sedang dalam proses penyelesaian. Saya belum mengetahui ciri-ciri yang harus diperhatikan dalam membuat modul, selama ini saya hanya mencontohi pada modul yang saya pinjam dari guru yang lain (RB/tb/03.04.2014).

Pernyataan RB senada pernyataan RC “saya masih menggunakan modul yang saya buat tahun yang lalu”, RG mengatakan “modul yang sesuai dengan kurikulum 2013 masih dalam proses penyelesaian” dan SR menyatakan “dalam membuat modul ia belum memperhatikan ciri-ciri yang harus diperhatikan oleh guru dalam membuat modul”. Keadaan yang seperti ini juga dikatakan oleh peserta kajian yang lain iaitu RA menyatakan kami guru langsung membuat modul seperti contoh yang sudah ada hanya disesuaikan dengan bahan pembelajaran tambahan. peserta kajian perlu diberikan latihan tentang membuat modul, kami sangat kesulitan dalam menulis modul dengan penyelesaian yang cepat sehingga kami meminta bantuan pelajar PPL untuk membuat modul pembelajaran.

Menurut pemerhatian, peserta kajian diharapkan dapat menyusun sendiri modul pembelajaran. Modul disusun dengan menetapkan strategi pembelajaran dan media pembelajaran yang sesuai dengan memperhatikan pelbagai perwatakan dari kompetensi yang akan dipelajari, perwatakan pelajar, perwatakan konteks dan situasi di mana modul akan digunakan. Oleh kerana itu, peserta kajian diharapkan dapat

mereka bentuk sendiri modul pembelajaran. Sehubungan itu, dalam hal ini RA mengatakan :

Saya membuat sendiri modul pembelajaran dengan hanya mencontohi modul-modul yang telah ada dengan menambah pemberian pada setiap membuat modul baru. Saya ingin sekali membuat modul dengan dibimbing oleh tenaga ahli yang mengerti tentang reka bentuk modul yang sebenarnya. Kerana menurut saya modul itu dapat dipakai dalam jangka waktu yang lama, semakin bagus modul yang dirancang semakin baik proses pembelajaran berlangsung (RA/tb/ 22.04.2014).

Pernyataan RA senada dengan RC “untuk membuat modul saya membuat sendiri dengan mencontohi modul yang sudah ada” dan RG menyatakan “bahawa dalam mereka bentuk sebuah modul saya mencontohi modul-modul yang sudah ada yang penting modul ada dibuat”. Modul yang sudah ada dibuat sangat bervariasi. Tidak ada tatacara yang sama dalam membuat modul pembelajaran. Seharusnya modul dapat direka bentuk dengan memperhatikan ciri-ciri dalam mereka bentuk sebuah modul.

Menurut pemerhatian pada dokumen modul yang digunakan oleh peserta kajian, isi modul antara lain meliputi tujuan belajar, prasyarat pembelajaran yang diperlukan, bahan belajar dan bentuk kegiatan belajaran komponen penyokongnya. Pembelajaran dengan modul memungkinkan seorang pelajar memiliki kecepatan tinggi dalam menguasai pembelajaran. Oleh itu, modul dihasilkan dengan menggunakan bahasa yang baik dan menarik. Untuk membuat sendiri modul yang baik, RI mengatakan:

Modul pembelajaran saya buat sendiri, saya menyedari belum mampu membuat modul yang menarik dan menggunakan bahasa yang baik, tetapi ini kenyataannya modul yang kami buat sangat bervariasi reka bentuknya. Bagi saya dapat membuat modul yang sederhana saja sudah dapat membantu pelajar untuk belajar mandiri, saya ingin sekali membuat modul yang sempurna dilengkapi dengan ilustrasi dengan menggunakan warna yang menarik, tetapi ini sulit untuk kami lakukan (RI/tb/16.04.2014).

Pernyataan RI senada dengan RF “modul yang saya buat belum menarik dan menggunakan bahasa yang baik saya menyedari itu”. RB mengatakan sulit bagi saya untuk mereka bentuk modul dengan illustrasi yang baik”. Dalam proses pembelajaran sangat diperlukan modul untuk membantu pelajar belajar dengan cepat. Dalam pemerhatian terhadap dokumen modul yang digunakan guru dapat dikatakan bahawa modul sebaiknya disemak dengan sebak-baiknya. Dalam hal ini diperlukan bimbingan daripada pengawas sekolah atau dengan membuat latihan tentang pembuatan modul pembelajaran dengan bahasa yang baik, menarik dan menggunakan ilustrasi yang bagus.

Dalam pemerhatian pada kegiatan pembelajaran yang dilaksanakan oleh peserta kajian, modul yang telah dan masih digunakan secara berkala harus dilakukan penilaian kesahan. Penilaian lebih dimaksudkan untuk mengetahui dan mengukur apakah dalam pelaksanaannya sesuai dengan reka bentuk, bila tidak atau kurang maksimum modul perlu diperbaiki sesuai dengan penilaian. Dalam memperbaiki modul RD mengatakan :

Modul yang masih saya digunakan belum dinilai, saya menyedari modul yang saya buat perlu dinilai sehingga nantinya dapat diperbaiki untuk lebih baik lagi sesuai dengan Kurikulum 2013. Saya tidak mengalami kesulitan dalam menggunakan modul pembelajaran kerana modul yang saya gunakan

dalam mengajar mencontohi modul ketika latihan di Sawangan tempat latihan guru. Menurut saya modul yang saya gunakan itu sudah lengkap tidak perlu diperbaiki lagi (RD/tb/19.04.2014).

Manurut RD modul yang digunakan adalah modul yang disalin dari modul yang telah ada pada latihan guru di Sawangan. Dari pengamatan yang dilakukan pada modul, dapat dilihat modul dengan reka bentuk yang bagus tetapi modul tersebut bukan ditulis oleh yang mengajar, tentu hal ini terdapat kelemahan kerana peserta kajian hanya menggunakan sahaja dengan tidak diperbaiki dan disesuaikan dengan bahan RPP Kurikulum 2013.

Dalam pemerhatian yang dilakukan pada dokumen modul yang digunakan oleh peserta kajian, modul diperlukan kesahan untuk mengetahui dan mengukur apakah bahan dan isi modul masih sesuai dengan perkembangan zaman dan keadaan saat itu. Modul yang telah disusun beberapa waktu sebelumnya, ada kemungkinan isi modul sudah tidak relevan lagi dengan perkembangan yang ada. Modul yang digunakan peserta kajian sudah dibuat beberapa tahun yang lalu. Oleh itu, perlu dilakukan kesahan seperti yang dikatakan oleh RA :

Saya berpendapat bahawa dengan berubahnya Kurikulum 2013 tentu RPP berubah reka bentuknya demikian juga modul tentu harus disesuaikan dengan bahan yang dipilih. Kerana itu agar modul masih sesuai dengan Kurikulum 2013 saya meminta bimbingan dari ketua jurusan, setelah mendapat bimbingan saya mencuba membuat modul bekerja sama dengan pelajar PPL. Saya mencuba terus untuk membuat modul meskipun dengan meminta bantu pada orang lain, kerana oleh pengetua sekolah juga akan meminta kami menunjukkan modul yang sudah disahkan pada awal tahun ajaran (RA/tb/22.04.2014).

RA mengatakan bahawa ada melakukan kesahan tetapi tidak membuat sendiri setelah dibimbing oleh ketua jurusan. Oleh itu modul diselesaikan dalam waktu yang lama sehingga pada pengamatan yang dilakukan di kelas pada 27.03.2014, RA tidak menggunakan modul kerana masih dalam proses penyelesaian. Meskipun pada akhir semester, dapat juga modul diselesaikan tetapi tidak sempat digunakan dalam proses pembelajaran. Menurut ketua jurusan tataboga, dirinya selalu bersedia untuk memberi bimbingan kepada guru dalam melakukan kesahan sejalan dengan pelaksanaan Kurikulum 2013. Namun, halangan selalu dialami oleh guru oleh sebab tidak mempunyai waktu yang banyak untuk menyelesaikan modul dalam waktu yang cepat.

Kesahan boleh dilakukan dengan meminta bantuan tenaga ahli yang disebut validator. Penilai (*validator*) membaca semula dengan cermat isi modul bila kesahan ternyata perlu diperbaiki modul yang telah dibuat, maka modul tersebut perlu diperbaiki sehingga menjadi sah. RE mengatakan :

Saya masih menggunakan modul yang sudah saya buat beberapa tahun yang lalu, ketika saya mengajar mata pelajaran perniagaan perhotelan saya masih menggunakan modul yang sama. Bagi pelajar dapat mempelajari modul tersebut seperti biasanya (RE/tb/16.06.2014).

Pernyataan RE bahawa modul yang digunakan masih modul yang lama, berdasarkan pengamatan ketika RE mengajar mata pelajaran perniagaan perhotelan masih menggunakan modul yang belum diperbaiki sesuai dengan Kurikulum 2013. Dengan demikian, modul yang digunakan belum dilakukan kesahan. Modul yang baik adalah modul yang sudah disahkan oleh penilai (*validator*) kemudian diperbaiki sesuai

dengan persyaratan sebuah modul yang baik untuk digunakan dalam proses pembelajaran.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan pada guru di dalam kelas ketika guru mengajar, didapati guru masih menggunakan modul yang lama belum disemak sesuai dengan RPP baru. Untuk tujuan triangulasi tentang modul pengkaji melakukan temubual dengan ketua jurusan perhotelan RJ berkenaan guru menggunakan modul yang lama. Menurutnya sementara dokumen modul baru belum selesai dibuat oleh guru maka guru boleh menggunakan modul yang lama.

Dalam pengamatan terhadap dokumen modul yang digunakan guru, dapat dikatakan bahawa modul sebaiknya disemak dengan sebaik-baiknya dengan memperhatikan ciri-ciri untuk mereka bentuk sebuah modul. Untuk keperluan triangulasi pengkaji melakukan wawancara dengan pengawas sekolah. Menurut pengawas, Dalam hal ini diperlukan bimbingan pengawas sekolah atau dengan membuat latihan tentang pembuatan modul pembelajaran dengan menggunakan bahasa yang baik, menarik dan menggunakan ilustrasi yang baik.

Dalam pemerhatian dokumen modul yang digunakan peserta kajian, pengkaji mendapati bahawa modul boleh digunakan oleh guru. Namun, untuk pembelajaran seterusnya guru perlu menyemak semula modul pembelajaran sesuai dengan ciri-ciri sebuah modul untuk Kurikulum 2013. Selain itu modul harus disesuaikan dengan bahan yang akan diajarkan pada Kurikulum 2013.

4.8 Rumusan

Bab empat ini, menghuraikan dapatan kajian tentang pelaksanaan Kurikulum 2013, masalah kefahaman guru dalam membuat Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP). Masalah kefahaman guru dalam menggunakan model pembelajaran, masalah kefahaman guru dalam menggunakan media pembelajaran dan masalah kefahaman guru dalam membuat modul pembelajaran di Sekolah Menengah Kejuruan Negeri 3 Kota Banda Aceh.

Beberapa dapatan dari peserta kajian mengenai kefahaman guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 untuk penambahbaikan kurikulum dan pengajaran yang akan dibincangkan pada bab lima. Ternyata masih ada guru yang menyatakan kefahaman Kurikulum 2013 masih sukar dalam pelaksanaannya sehingga soalan kajian dalam kajian ini dijadualkan bahawa proses pelaksanaan Kurikulum 2013 sukar dilaksanakan guru. Kefahaman guru dalam membuat RPP, menggunakan model pembelajaran, menggunakan media pembelajaran dan membuat modul pembelajaran masih mendapat kesukaran. Bagi guru perlu mendapat latihan khusus secara merata. Semua guru perlu mendapat latihan agar dapat melaksanakan Kurikulum 2013 dengan berjaya di SMKN 3 Kota Banda Aceh.

Bab lima menjelaskan perbincangan, kesimpulan dan cadangan secara khusus dalam menjelaskan perbincangan mengenai proses pelaksanaan kurikulum 2013 di SMKN 3 Kota Banda Aceh, kefahaman guru dalam membuat RPP, kefahaman guru dalam menggunakan model-model pembelajaran, kefahaman guru dalam menggunakan

media pembelajaran dan kefahaman guru dalam menulis modul pembelajaran, dan selanjutnya kesimpulan dan cadangan.



BAB LIMA

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh dirasmikan pada 5 Januari 1994 dan SK penegerian pada 12 September 1996 dengan Nombor 0290/0/1996. Sekolah kejuruan ini terletak di Jalan Stadion H. Dimurtala Nombor 5 Banda Aceh. Sekolah ini berkeluasan 20.300 meter persegi dengan luas bangunan lebih kurang 6.079 meter persegi. SMK Negeri 3 Banda Aceh disebut juga sebagai Sekolah Menengah Kejuruan Pelancongan yang dahulunya disebut sebagai SMKK Negeri.

SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh mempunyai empat jurusan atau bidang program keahlian iaitu: (1) Jurusan program pengajian Tatabusana, (2) Jurusan program Pengajian Tataboga, (3) jurusan Program Pengajian Kecantikan, (4) Jurusan Program Pengajian Perhotelan dan Pelancongan. Penyelenggaraan pendidikan dan pengajaran pada SMK negeri 3 Banda Aceh dengan mengacu pada Kurikulum 2013 khusus untuk kelas satu. Dalam mewujudkan SMK Negeri 3 yang mempunyai standard antarabangsa, SMK Negeri 3 telah merumuskan langkah-langkah atau program kerja yang dirumuskan dalam visi, misi dan tujuan. Kewujudan visi, misi dan tujuan SMK Negeri 3 tersebut sesuai dengan Kurikulum 2013 dalam pelaksanaan, SMK sebagai pusat kegiatan berpadu antara sekolah dan dunia industri. Maka, kegiatan kurikulum yang diberikan dalam bentuk pemberian teori, praktikal di sekolah, praktikal di industri, kegiatan keusahawanan dan kegiatan unit produksi (UP). Kegiatan unit

pengeluaran yang ada di SMK Negeri 3 antaranya hotel, dewan, kantin, restoran, busana dan katering.

Pelaksanaan kurikulum dilakukan melalui kegiatan kurikulum dan perkembangannya yang disesuaikan dengan keadaan daerah. Kegiatan Kokurikulum diberikan kepada pelajar di luar kegiatan kurikulum. Perkembangan pendidikan sesuai dengan keadaan daerah iaitu sama seperti pemberian kurikulum muatan tempatan.

Kurikulum merupakan pengukur ataupun tanda aras yang dijadikan pegangan kakitangan untuk melakukan pelbagai kegiatan sekolah. Dalam kurikulum tertera tujuan pendidikan dan pengajaran serta seluruh program kegiatan yang dilakukan oleh sekolah. Ketika ini, penyelenggaraan pendidikan Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) Negeri 3 Kota Banda Aceh khususnya kelas satu menggunakan Kurikulum 2013 yang merupakan kurikulum baru.

Bagi mempertahankan dan meningkatkan mutu kelulusan, SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh menggunakan Kurikulum 2013 yang relevan dengan keperluan dunia kerja dan perkembangan teknologi yang semakin maju dan pesat. Kurikulum disesuaikan dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi. Maka, semua keperluan program serta proses pengajaran dan pembelajaran disesuaikan dengan kehendak sekolah, pelajar dan masyarakat.

Dalam proses pengajaran, guru perlu memahami akan keperluan pelaksanaan kurikulum seperti menyediakan rancangan pengajaran, menggunakan model pembelajaran, menggunakan media pembelajaran, dan membuat modul

pembelajaran. Namun, agenda pelaksanaan Kurikulum 2013, berhadapan dengan pelbagai masalah khususnya berkaitan kefahaman guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013.

Kajian ini bertujuan meneroka pelbagai permasalahan mengenai kefahaman guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013, meningkatkan kefahaman guru dalam membuat RPP, menyediakan modul pembelajaran, menggunakan media pembelajaran dan menggunakan model pembelajaran. Dapatan kajian yang diperoleh dapat digunakan untuk meningkatkan dan menambahbaik kefahaman guru terhadap pelaksanaan kurikulum agar kualiti pendidikan di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh dapat ditingkatkan.

5.2 Perbincangan

Dalam menerapkan Kurikulum 2013, diharapkan SMKN 3 Kota Banda Aceh dapat melaksanakannya dengan baik terutamanya kefahaman guru dalam proses pembelajaran. Guru sangat diharapkan dapat memahami Kurikulum 2013. Dalam proses pembelajaran, guru dikehendaki membuat RPP, menggunakan model pembelajaran, menggunakan media pembelajaran dan menyediakan modul pembelajaran.

Pemahaman terhadap kurikulum bagi guru adalah sangat penting kerana guru pelaku pelaksana kurikulum. Kurikulum merupakan kunci utama untuk mencapai kejayaan dalam pengajaran. Oleh itu, pelbagai cara dilakukan untuk melaksanakan kurikulum dengan baik walaupun akhirnya kefahaman terhadap Kurikulum 2013 adalah

berbeza. Senario ini telah mewujudkan pelbagai masalah khususnya berkaitan dengan kefahaman kurikulum oleh guru. Sekiranya masalah ini berterusan, akan menyulitkan guru pada masa akan datang. Oleh itu, guru harus diberi bimbingan yang berterusan agar kefahaman guru dapat dimantapkan.

Secara umumnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa kefahaman tentang pelaksanaan Kurikulum 2013 adalah berbagai-bagai. Dapatkan ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Thomas (2005), iaitu sikap guru dalam penggunaan pelaksanaan kurikulum dan pemahaman kurikulum adalah berbagai-bagai. Oleh itu, setiap guru perlu menyediakan media pembelajaran yang diperlukan bagi tujuan pengajaran. Tindakan yang diambil, iaitu menyediakan media pengajaran adalah didorong oleh keinginan untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat digunakan dengan jayanya.

5.2.1 Proses pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh.

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 diwajibkan dalam proses pembelajaran di kelas satu. Kurikulum 2013 merupakan kurikulum baru. Bagi guru, perubahan kurikulum menjadi beban untuk dilaksanakan seperti yang diharapkan. Dalam hal ini, guru harus melaksanakannya meskipun kefahamannya belum menyeluruh. Selain itu, dapatan daripada analisis dokumen, iaitu Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) didapati guru masih belum dapat menyediakan bahan bantu mengajar sejajar dengan keperluan

Kurikulum 2013. Guru lebih cenderung menggunakan bahan bantu mengajar yang sedia ada, iaitu bahan bantu yang digunakan sebelum Kurikulum 2013 diperkenalkan.

Dalam membuat alatan pembelajaran, didapati semua guru belum dapat menyediakan bahan bantu mengajar yang berkesesuaian dengan Kurikulum 2013 yang menggunakan alatan pembelajaran yang dibuat sebelum diperkenalkan Kurikulum 2013. Keadaan ini menunjukkan bahawa guru masih belum mempunyai kefahaman yang mencukupi. Oleh itu, guru perlu diberi bimbingan secara berterusan melalui latihan mengenai kefahaman guru dalam melaksanakan Kurikulum 2013.

Dapatan kajian menunjukkan kurangnya kefahaman pada proses pelaksanaan kurikulum 2013 di SMKN 3 Kota Banda Aceh yang selari dengan kajian yang dijalankan oleh Wang dan Cheng (2009). Dalam kajian yang sama, Wang dan Cheng (2009) mengatakan bahawa kurangnya kefahaman guru terhadap kurikulum sehingga guru gagal dalam melakukan perubahan dalam kelas. Menurut pengkaji, faktor kesulitan dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 adalah salah satu penyebab utama guru tidak faham pada kurikulum baru iaitu kerana tidak memperolehi pengetahuan yang cukup mengenai Kurikulum 2013. Selain itu juga adalah kerana kebanyakan guru di Indonesia belum mendapat latihan yang khusus berkaitan kurikulum itu sendiri. Namun begitu, guru harus melaksanakan Kurikulum 2013 dengan bimbingan pengurusan sekolah.

5.2.1.1 Proses pelaksanaan Kurikulum 2013

Kurikulum difahami sebagai alat untuk mencapai tujuan pendidikan. Setiap bahagian dari tujuan pendidikan ini dicapai dengan cara menerapkannya dalam bentuk kurikulum. Dalam pelaksanaan kurikulum 2013 di SMKN 3 Kota Banda Aceh, banyak guru tidak mendapat kursus untuk membantu mereka. Pada pelaksanaan kurikulum, guru didapati kurang mendapat latihan (Subahan, 1999; Napsiah, 1983; Subahan & Raof; 1989).

Banyak perkara yang harus difahami oleh guru dalam melaksanakan kurikulum 2013, antaranya ialah kefahaman membuat RPP, kefahaman menggunakan model pembelajaran, kefahaman menggunakan media pembelajaran dan kefahaman membuat modul pembelajaran. Tyler (2013) dalam melaksanakan kurikulum guru hendaklah berusaha untuk memperolehi objektif-objektif kurikulum di antaranya ialah membuat perancangan kurikulum. Di SMKN 3 Kota Banda Aceh, Kurikulum 2013 sudah dilaksanakan dan pelaksanaannya masih dikhususkan dalam kelas satu sahaja. Oleh itu, bagi guru yang mengajar di kelas satu diwajibkan membuat RPP, dengan menggunakan model pembelajaran, menggunakan media pembelajaran dan membuat modul pembelajaran yang sesuai dengan Kurikulum 2013. Bahkan, ini juga menjadi hasrat pada pelaksanaan kurukulum 2013.

Dapatkan kajian pada proses pelaksanaan kurikulum didapati selari dengan pendapat Habib Mat Som (2004) di mana guru dikatakan hendaklah dapat memahami apa yang dikehendaki oleh perancang kurikulum dan kesediaan guru untuk melaksanakan kurikulum sebagai kemestian. Sedangkan, guru melihatnya pada sudut

pandang hanya untuk melaksanakan tugas. Maka, hal ini akan mewujudkan masalah dalam pelaksanaan kurikulum.

5.2.1.2 Faktor yang mempengaruhi pelaksanaan Kurikulum 2013

Dalam meningkatkan kefahaman guru pada pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMKN 3 Kota Banda Aceh, guru mempunyai sifat amanah dalam menjalankan tugas iaitu kefahaman dan penghayatannya dalam proses pembelajaran. Dengan adanya sifat amanah akan mempengaruhi pelaksanaan kurikulum 2013 dan terhasilah tugas kerja yang sempurna. Sifat amanah akan berprestasi dan yang akan sentiasa meningkatkan pencapaian yang memuaskan sama ada terhadap dirinya, pelajar dan pihak pentabbir (Abas, 2007).

Dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMKN 3 Kota Banda Aceh, faktor yang mempengaruhi pelaksanaannya adalah sokongan dari dalam diri guru itu sendiri. Faktor lainnya (Mulyasa, 2007) bagi guru SMKN 3, mereka tidak menyedari yang sokongan itu datangnya dari diri sendiri. Beberapa guru mengatakan sokongan datangnya daripada guru besar. Sokongan dari guru itu sendiri merupakan faktor penentu yang paling memberikan sumbangan dalam strategi pembelajaran dan kejayaan Pelaksanaan kurikulum di sekolah.

Dapatkan kajian di mana faktor yang mempengaruhi pelaksanaan kurikulum 2013 adalah sokongan dikatakan dari dalam diri guru sendiri, selari dengan pendapat Mulyasa (2008) dan Amin Yusuf (2007) yang mengatakan bahawa faktor yang mempengaruhi pelaksanaan kurikulum adalah sokongan dalaman dari dalam diri

guru itu sendiri. Menurut pengkaji, faktor ini merupakan satu faktor daripada yang harus dimiliki oleh guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013.

5.2.2 Kefahaman guru dalam membuat Rencana Pelaksanaan Pembelajaran

Hasil kajian mendapati bahawa rumusan kurikulum perlu difahami sejak awal diberitahu di SMKN 3 Kota Banda Aceh kerana kurikulum melibatkan sejumlah hubungan di antara pelbagai pihak. Dalam memahami dan melaksanakannya juga melibatkan hubungan yang lebih mendalam seperti hubungan pengawas dengan guru, ketua sekolah dengan guru dan lain-lain yang terlibat dalam pelaksanaan kurikulum. Dalam pelaksanaan Kurikulum 2013, guru diharapkan dapat menyediakan RPP baru yang sesuai dengan Kurikulum 2013. Dalam RPP dijelaskan indikator pembelajaran, bahan pembelajaran, kegiatan pembelajaran, sumber pembelajaran dan penilaian.

5.2.2.1 Beberapa prinsip yang harus diperhatikan dalam membangun RPP

Hasil kajian mendapati bahawa dalam membangunkan RPP terdapat beberapa prinsip yang harus diperhatikan seperti guru belum mempunyai kefahaman prinsip-prinsip yang harus diperhatikan dalam membangun RPP. RPP sebagai panduan yang mempengaruhi berhasil atau tidak sesuatu kegiatan belajar mengajar, akan terjadinya interaksi antara pelajar dan guru. Pelajar merupakan satu komponen yang berada di kedudukan tengah dalam proses pembelajaran. Guru pula adalah komponen yang berperanan dalam usaha pembentukan sumber manusia yang berpotensi dalam

Kurikulum 2013. Oleh itu, guru dapat memerhatikan prinsip dalam membangunkan RPP (Mulyasa, 2007).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru belum mempunyai kefahaman mengenai beberapa prinsip yang harus diperhatikan dalam membangunkan RPP dan dapatan ini adalah selari dengan pendapat Mulyasa (2007) yang mengatakan terdapat beberapa prinsip yang harus diperhatikan dalam pembangunan RPP. Menurut penyelidik, dalam membuat RPP dengan memperhatikan prinsip-prinsip dalam membangun RPP dapat membantu guru dalam merancang RPP dan ianya selari dengan pendapat Alwen Bentry (1998) yang mengatakan bahawa beberapa guru mengalami kesukaran dalam merancang RPP yang sebenar.

Kefahaman guru dalam mengembangkan RPP dipengaruhi oleh kualiti kecerdasan guru. Oleh itu, dalam membuat RPP, guru diharapkan dapat mengembangkan bahan pembelajaran sebagai suatu sumber pembelajaran. Permendiknas nombor 16 Tahun 2007 tentang standard kelulusan akademik dan kompetensi guru diatur tentang kefahaman guru yang berkait erat dengan kemampuan guru dalam mengembangkan bahan pembelajaran dalam RPP.

Dapatan kajian yang menyatakan guru belum mengetahui prinsip-prinsip yang harus diperhatikan dalam membangunkan RPP. Oleh sebab itu, guru perlu diberikan bantuan dalam membangunkan RPP. Dapatan kajian juga menyokong dan mengesahkan dapatan kajian yang telah dijalankan sebelum ini yang menunjukkan bahawa guru memerlukan bantuan untuk meningkatkan lagi kebolehannya bagi

menghadapi cabaran baru dalam pelaksanaan kurikulum (Nurahimah & Rafisah, 2001). Dalam kajian ini didapati bahawa guru memerlukan bantuan latihan dalam membuatkan RPP sesuai dengan Kurikulum 2013.

Panduan guru untuk dapat mengajar dengan sistematik adalah dengan menggunakan RPP kerana dalam RPP berisi petunjuk secara khusus , pertemuan demi pertemuan, ruang lingkup bahan yang akan diajarkan, tujuan yang akan dicapai, kegiatan belajar mengajar, penggunaan media, penggunaan model pembelajaran, penggunaan modul pembelajaran dan penilaian yang harus digunakan. Dapatan kajian menunjukkan guru SMKN 3 dalam membuat RPP masih mengalami masalah kerana masih belum memerhatikan prinsip-prinsip dalam membangunkan RPP dan masih mengalami masalah dalam menyediakan RPP. Oleh itu, menurut guru-guru dalam mereka membentuk RPP, mereka memerlukan latihan yang mencukupi.

5.2.2.2 Perkara yang perlu diberi keutamaan dalam membangun RPP

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa peserta kajian menyatakan RPP akan membantu guru dalam mengajar dan membantu pelajar dalam masalah yang mungkin timbul dalam pembelajaran. Guru dan pelajar dapat mengetahui dengan pasti tujuan yang hendak dicapai dan cara pencapaiannya. Oleh itu, guru dapat memerhatikan perkara yang perlu diberi keutamaan dalam membangunkan RPP (Gagne, 1987; Masnur, 2009).

Pada hakikatnya, RPP merupakan rancangan jangka pendek untuk mengetahui guru atau pelajar dalam mencapai suatu kompetensi yang sudah ditetapkan. RPP terdiri

dari komponen program kegiatan pembelajaran dan proses pelaksanaan program, yang saling berhubungan serta berinteraksi antara satu sama lain. Dalam meningkatkan kualiti pembelajaran, terdapat beberapa perkara yang dapat diperhatikan dalam membangunkan RPP seperti perkara bahawa RPP hendaklah dibangunkan untuk memudahkan pelajar dalam pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan guru belum menerapkan beberapa perkara yang harus diperhatikan dalam membuat RPP. Oleh itu, guru-guru dalam mereka bentuk RPP meminta bantuan daripada pihak lain.

Dapatan kajian bahawa guru belum memperhatikan perkara-perkara yang harus diperhatikan oleh guru dalam membangun RPP, guru menyatakan untuk diberikan latihan kerana mereka adalah aset penting di sekolah adalah selari dengan kajian yang dijalankan oleh Nurahimah dan Rafisah (2010) yang mengatakan guru-guru adalah aset penting di sekolah dalam mencerminkan misi kebangsaan pendidikan untuk mencapai pengajaran dengan lebih berkesan sehingga dapat menuju ke arah pembentukan modal insan yang bertaraf dunia. Dalam kajian ini, didapati bahawa guru perlu mendapat latihan tentang pelaksanaan Kurikulum 2013.

5.2.3 Kefahaman guru dalam menggunakan model pembelajaran

Kurikulum memberikan pedoman kepada guru untuk menyusun dan melaksanakan program pembelajaran. Gambaran tentang tinggi mutu pendidikan dapat juga dikirakan dari kurikulum yang dilaksanakan. Dalam Kurikulum 2013, bentuk pembelajaran yang ideal iaitu pembelajaran pelajar aktif dan kritis. Oleh itu, guru berperanan sebagai fasilitator dan faham dalam menggunakan model pembelajaran.

5.2.3.1 Tujuan menggunakan model pembelajaran

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian dalam melaksanakan kurikulum 2013 adalah untuk meningkatkan capaian pendidikan dengan strategi utama iaitu peningkatan keberkesanan pembelajaran di sekolah. Keberkesanan pembelajaran dicapai melalui tahapan iaitu keberkesanan pemahaman dan keberkesanan penyerapan. Dalam usaha pencapaian keberkesanan tersebut, guru menggunakan model pembelajaran yang sesuai dengan tuntutan bahan yang terangkum dalam kurikulum (Arends, 2008; Joyce & Weil, 1980; Zamri & Mohamad, 2006).

Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian mengetahui tujuan menggunakan model-model pembelajaran adalah untuk mencapai tujuan pembelajaran, selari dengan pendapat Arends (2008) yang mengatakan dalam menggunakan model pembelajaran tujuannya adalah untuk mencapai pengurusan kelas. Menurut pengkaji guru dituntut untuk menggunakan model pembelajaran yang akan mengarahkan guru untuk mencapai matlamat pembelajaran.

Memilih model pembelajaran yang tepat merupakan keperluan untuk mencapai tujuan pembelajaran (Salamah, 2006). Dari hasil kajian, guru mengetahui tujuan yang akan dicapai dalam menggunakan model pembelajaran tetapi sulit untuk menggunakan secara terus menerus. Demikian juga dalam menggunakan model pembelajaran yang bervariasi memerlukan masa yang lama dalam menyiapkan bahan-bahan yang diperlukan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian menyatakan tujuan menggunakan model-model pembeajaran adalah untuk membantu pelajar dalam PdP, selari dengan pendapat Zamri dan Mohamad (2006) yang mengatakan bahawa pelbagai strategi dapat dilakukan guru dengan memilih model pembelajaran untuk dapat membantu pelajar menguasai ilmu dengan bermakna dan berkesan.

5.2.3.2 Model pembelajaran yang berkaitan dengan pembelajaran PAKEM

Hasil kajian menunjukkan bahawa peserta kajian belum mempunyai kefahaman terhadap model pembelajaran yang berkaitan dengan PAKEM. Model pembelajaran yang boleh digunakan berkaitan dengan Pembelajaran Aktif, Efektif dan Menyenangkan (PAKEM) iaitu *Project Work*, *Quantum Teaching and learning (QTL)*, *Contextual Teaching and Learning (CTL)*, *Problem Based Learning (PBL)*, *Inquiry Training*, *Role Playing* (Jabatan Pendidikan Nasional, 2008).

Dapatan kajian bahawa peserta kajian akan mempelajari model-model pembelajaran yang mendekati PAKEM, selari dengan pernyataan Jabatan Pendidikan Nasional (2008) bahawa model pembelajaran yang berkaitan dengan PAKEM dapat digunakan oleh guru dalam pembelajaran, guru-guru dapat mempelajari dan meggunakannya dalam proses pembelajaran. Menurut pengkaji model pembelajaran berkaitan dengan PAKEM dapat membantu guru untuk mencapai tujuan pembelajaran.

Model pembelajaran *Contextual Teaching Learning (CTL)* adalah model pembelajaran yang membantu guru mengaitkan antara bahan yang diajarkan dengan

situasi dunia nyata pelajar. Setelah proses pembelajaran didapati mendorong pelajar untuk membuat hubungan antara pengetahuan yang dengan penerapannya dalam kehidupan sehari-hari. Para pelajar membina sendiri pengetahuan dan keterampilan baru ketika mereka belajar. Setelah itu, pelajar akan mendapatkan pengetahuan dan keterampilan dari hasil belajar.

Pembelajaran berdasarkan masalah (PBL) merupakan suatu inovasi yang signifikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Buntat & Ahmad, 2012). Dengan menggunakan pendekatan PBL, pelajar akan bekerja secara kerjasama dalam kumpulan untuk menyelesaikan masalah sebenar dan paling penting membina kemahiran untuk menjadi pelajar yang boleh belajar secara kendiri (Hemizer et al : 2013).

Hasil kajian menunjukkan bahawa peserta kajian kurang faham tentang model pembelajaran yang berkaitan dengan pembelajaran PAKEM. Model pembelajaran yang sering digunakan adalah model pembelajaran langsung atau perbincangan berkumpulan. Peserta kajian ingin sekali mempelajari cara menggunakan model pembelajaran yang pelbagai kerana pada pelaksanaan Kurikulum 2013 guru-guru diharuskan menggunakan model pembelajaran. Penggunaan model pembelajaran berkaitan juga dengan kemudahan yang tersedia di sekolah. Oleh itu, guru-guru berharap untuk dapat mengikuti latihan tentang model pembelajaran.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian ingin menggunakan model pembelajaran yang bervariasi dan tepat sesuai dengan bahan pembelajaran, selari

dengan pendapat Salamah (2006) yang menyatakan bahawa untuk membantu pelajar dan guru dalam memilih model pembelajaran yang tepat dalam rangka mencapai tujuan pengajaran. Menurut pengkaji, guru dapat mempelajari pelbagai variasi model pembelajaran dan menggunakan dalam pembelajaran kerana secara khusus model pembelajaran adalah untuk mengembangkan kemampuan berfikir pelajar.

5.2.4 Kefahaman guru dalam menggunakan media pembelajaran

Dalam pelaksanaan Kurikulum 2013, guru adalah sebagai fasilitator yang diharapkan telah mempunyai kefahaman dan keterampilan mengenai media pembelajaran. Dalam kegiatan pembelajaran media mempunyai peranan penting dan seharusnya merupakan bahagian yang harus mendapat perhatian guru untuk menggunakan. Oleh itu, guru harus menguasai kemahiran komputer yang baik dengan perisian-perisian multimedia seperti *powerpoint*, *plash*, *movie maker* dan lain-lain (Buntat & Ahmad, 2012).

5.2.4.1 Manfaat menggunakan media pembelajaran

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar dapat mengefektifkan pencapaian tujuan pembelajaran peserta kajian perlu mempelajari bagaimana menetapkan media pembelajaran yang tepat. Media pembelajaran yang difahami oleh peserta kajian adalah segala bentuk yang digunakan dalam penyampaian informasi. Media adalah alat bantu apa sahaja yang dapat dijadikan sebagai penyalur pesanan guna dalam mencapai tujuan pembelajaran (Jamarah, 2010).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian mengetahui manfaat menggunakan media pembelajaran. Bagi peserta kajian, media sangat berpengaruh dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Media pembelajaran dilihat sebagai alat bantu dengan menggunakan media pembelajaran untuk memudahkan guru dalam menyampaikan pesanan atau bahan pelajaran kepada pelajarnya. Pelbagai manfaat untuk guru dalam menggunakan media pembelajaran (Sudjana & Rivai, 1990; Hamalik, 1994).

Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian mengetahui manfaat media pembelajaran. Oleh itu, peserta kajian perlu menggunakan media pembelajaran, selari pendapat Rusman (2009) yang menyatakan guru perlu menggunakan media pembelajaran yang merupakan alat untuk memperjelas pembelajaran ketika guru menyampaikan pembelajaran. Menurut pengkaji, peserta kajian yang menggunakan media pembelajaran yang menarik akan banyak membantu guru dalam kegiatan mengajarnya.

Peranan media sering menimbulkan kebimbangan bagi peserta kajian. Dengan meningkatnya teknologi, peserta kajian diharuskan untuk menggunakan media elektronik seperti komputer riba. Namun, hal ini sebenarnya tidak terjadi dengan keterampilan menggunakan media dapat dipelajari dengan memanfaatkan pelbagai media pembelajaran secara baik.

Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian dapat merasakan manfaat dalam menggunakan media pembelajaran. Namun begitu, peserta kajian masih belum

menyediakan media pembelajaran yang baru dan media pembelajaran yang dipakai sudah disediakan pada tahun sebelumnya. Mengenai penggunaan media elektronik seperti komputer riba, masih ada peserta kajian yang tidak menggunakannya padahal media adalah alat bantu yang harus digunakan. Selari dengan pendapat Davina (2003) yang mengatakan penggunaan media pengajaran sebagai alat bantu dapat meningkatkan pemahaman pelajar dan memudahkan pendidik dalam menyampaikan ilmu dan dapat menarik minat pelajar untuk mengikuti proses pembelajaran.

5.2.4.2 Faktor yang harus difahami guru dalam penggunaan media pembelajaran

Pekerjaan guru adalah pekerjaan profesional. Oleh itu, diperlukan kefahaman dalam menjalankan peranannya sebagai guru. Satu kefahaman itu adalah sejauh mana guru menguasai media pembelajaran di sekolah. Beberapa faktor harus difahami guru dalam menggunakan media pembelajaran agar dapat memilih media pembelajaran yang tepat. Selari pendapat Arsyad (2010) yang mengatakan satu faktor untuk memilih media pembelajaran adalah faktor kebersediaan. Tersedianya media pembelajaran yang diperlukan sangat membantu guru dalam mengajar. Menurut pengkaji, setiap media yang ingin digunakan oleh guru dalam pembelajaran harus sedia. Apabila media tersebut tidak ada, maka guru perlu mengambil keputusan menukar atau memilih media yang lain yang sesuai dengan yang sedia.

Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian dalam proses pengajaran dan pembelajaran, peserta kajian perlu mempelajari cara menetapkan media

pembelajaran yang tepat agar dapat mencapai tujuan pembelajaran. Media pembelajaran masih sering diabaikan. Pada kenyataannya, dengan pelbagai alasan antara lainnya adalah terbatasnya waktu untuk membuatnya, sukar untuk mencari bahan media pembelajaran yang tepat dan tidak tersedianya dana di sekolah sehingga guru harus mengeluarkan dana sendiri. Hal ini yang menjadi kesulitan bagi guru untuk menyediakan sendiri media pembelajaran. Selari pendapat Awang (2009) yang mengatakan guru kurang menggunakan media dalam pendidikan di mana terdapat bilangan besar guru yang masih menggunakan kaedah tradisional yang hanya menggunakan kapur dan papan hitam sahaja dalam proses pembelajaran.

Setiap peserta kajian harus memiliki pengetahuan dan kefahaman tentang media pembelajaran. Kefahaman itu antaranya ialah: memilih dan menggunakan media pembelajaran, hubungan antara kaedah pembelajaran dan media pembelajaran, fungsi media pembelajaran dalam mencapai tujuan pendidikan. Hasyim dan Khadijah (2001) mengatakan guru perlu memanfaatkan media pembelajaran. Namun, sikap dan kebersediaan pendidik dalam menerapkan media pembelajaran masih menjadi suatu isu dan persoalan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian dapat memahami faktor kesediaan dengan menggunakan media pembelajaran seperti TV, Filem dan komputer, Selari yang dikatakan oleh Siti Hajar et al., (2011) bahawa guru dapat memanfaatkan media teknologi yang tersedia seperti TV, filem, komputer dan lain-lain (Siti Hajar et al., 2011). Dalam kajian ini didapati bahawa peserta kajian

mengalami halangan dalam menyediakan media pembelajaran. Oleh itu, guru dapat memanfaatkan media teknologi dalam menggunakan media pembelajaran.

Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian dalam menggunakan media pembelajaran belum memerhatikan faktor-faktor yang harus dipertimbangkan, guru masih menggunakan media pembelajaran yang disimpan di almari penyimpanan media pembelajaran pada tahun sebelumnya. Dalam menyediakan media yang baru, ada guru yang meminta bantuan daripada pelajar praktikal yang mengajar untuk membuat media pembelajaran dan kemudian disimpan dalam almari untuk digunakan pada tahun berikutnya. Oleh itu, sedikit sekali guru yang membuat sendiri media pembelajarannya.

5.2.5 Kefahaman guru dalam menulis modul pembelajaran

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian menyatakan masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Kurikulum 2013. Perkara ini menunjukkan peserta kajian belum mempunyai kefahaman yang luas tentang Kurikulum 2013 dalam pelaksanaannya, seperti dalam menulis modul. Oleh itu, kepada peserta kajian haruslah berupaya untuk meningkatkan kefahamannya dalam membuat modul pembelajaran.

5.2.5.1 Tahap-tahap penulisan modul pembelajaran

Hasil kajian menunjukkan bahawa peserta kajian mengetahui modul merupakan suatu sarana pembelajaran yang berisi bahan, kaedah, batasan-batasan dan cara menilai yang dirancang secara sisematik dan menarik untuk mencapai tujuan

pembelajaran akan tetapi peserta kajian masih membuat modul secara sederhana. Selari dengan Jabatan Pendidikan Nasional (2008), modul pembahasannya dibuat sederhana yang dapat digunakan secara mandiri. Oleh itu, dalam membuat modul guru-guru dapat mengikuti tahap-tahap penulisan modul.

Dapatkan kajian menunjukkan peserta kajian menyatakan belum memahami tahap-tahap dalam penulisan modul. Oleh itu, peserta kajian dapat mempelajari kembali bimbingan teknik Jabatan Pendidikan Nasional (2008) yang menyatakan bahawa tahap penulisan modul, peserta kajian dapat memahami kembali bimbingan teknik yang telah disosialisakan untuk setiap SMKN. Menurut pendapat pengkaji, apabila peserta kajian dapat memahami tahap penulisan modul akan memudahkan dalam membuat sebuah modul dan membantu pelajar dalam proses pembelajaran.

Dapatkan kajian menunjukkan peserta kajian mengatakan dalam membuat modul menjadi beban yang sangat berat. Meskipun demikian, mereka tetap harus membuat modul dan belum mengetahui tentang tahap dalam penulisan modul. Peserta kajian berharap untuk dapat mengikuti latihan tentang penulisan modul dengan menggunakan ilustrasi yang menarik. Selama ini ilustrasi belum dilakukan hanya membuat modul dengan caranya sendiri dan peserta kajian mengetahui bahawa modul adalah alat bantu dalam Pengajaran dan pembelajaran. Selari dengan pendapat Che Hafizie (2002) yang mengatakan penggunaan modul sebagai alat bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran mestilah dianggap sebagai suatu bahan yang padu. Menurut pengkaji, modul dapat menambahkan kelancaran

perhubungan antara guru dan pelajar, dan mempercepatkan dalam proses pembelajaran.

5.2.5.2 Ciri-ciri yang dapat diperhatikan untuk mereka bentuk modul

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian memahami ciri-ciri yang dapat diperhatikan dalam mereka bentuk sebuah modul. Kafahaman peserta kajian mengenai modul pembelajaran dalam pengajaran adalah penting bagi melihat kejayaan pelaksanaannya dan mengalami perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran. Selari dengan pendapat Hamdan (2004), memandangkan pengajaran dan pembelajaran kini sudah mengalami perubahan iaitu guru tidak lagi menggunakan kaedah cakap dan kapur (chalk and talk) tetapi berubah pada penggunaan modul. Oleh itu, untuk mereka bentuk sebuah modul, guru dapat memerhatikan ciri yang diperlukan untuk mereka bentuk modul pembelajaran (Jabatan Pendidikan Nasional, 2008).

Hasil kajian menunjukkan bahawa peserta kajian mengetahui bahawa modul adalah panduan terperinci, tertulis, tercetak untuk memudahkan dan mengarahkan kegiatan pembelajaran. Selari dengan pendapat Che Hafizie (2002), penggunaan modul akan menambahkan kelancaran perhubungan antara guru dan pelajar. Pelajar dapat memahami suatu pembelajaran dengan lebih jelas dan berkesan. Oleh itu, peserta kajian hendaklah bersungguh merancang sendiri modul pembelajarannya. Modul yang sudah ada dihasilkan sendiri oleh guru pada tahun sebelumnya,

Hasil kajian menunjukkan bahawa peserta kajian sedang dalam proses membuat modul untuk Kurikulum 2013. Peserta kajian belum mengetahui ciri-ciri yang harus diperhatikan dalam membuat sebuah modul. Penggunaan modul masih menggunakan modul yang sudah ada pada tahun sebelumnya. Modul yang sudah dibuat sangat bervariasi dan juga meminta bantuan kepada ketua jurusan untuk meningkatkan kefahaman dalam membuat modul. Selari dengan bimbingan teknik Jabatan Pendidikan Nasional (2008) yang mengatakan bahawa dalam meningkatkan kefahaman terhadap pembangunan modul pembelajaran, guru dapat memperhatikan ciri yang diperlukan untuk sebuah modul. Menurut pengkaji, dengan memperhatikan ciri dalam membuat sebuah modul akan menghasilkan modul pembelajaran yang membolehkan pelajar belajar secara sendiri.

5.3 Kesimpulan

5.3.1 Proses pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh

5.3.1.1 Pelaksanaan Kurikulum 2013

Pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh masih merupakan kurikulum baru. Pengetua sekolah dan guru diharuskan melaksanakan kurikulum baru ini di sekolah khususnya di SMK Negeri 3 dilaksanakan di kelas satu.

Pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMK Negeri 3 diharapkan dapat meningkatkan mutu pendidikan. Gambaran akan tingginya mutu pendidikan dapat diambil kira dari kurikulum yang dilaksanakan. Guru SMKN 3 Kota Banda Aceh diharuskan untuk

membuat RPP, menggunakan model pembelajaran, menggunakan media pembelajaran dan membuat modul pembelajaran.

5.3.1.2 Faktor yang mempengaruhi pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMKN 3 kota Banda Aceh

Kurikulum 2013 sebagai suatu rancangan dalam pendidikan memiliki kedudukan yang strategik kerana seluruh kegiatan pendidikan bertumpu kepada kurikulum. Kepentingan kurikulum sebagai pusat kegiatan memerlukan kefahaman guru dalam cakupan pelaksanaannya.

Dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMKN 3 Kota Banda Aceh, faktor yang mempengaruhi pelaksanaannya adalah sokongan dari dalam diri guru itu sendiri. Selain itu, bagi guru SMKN 3 sokongan daripada diri sendiri tidak disedarinya. Ramai guru mengatakan sokongan daripada guru besar. Sokongan guru itu sendiri merupakan faktor penentu yang paling memberikan sumbangan dalam strategi pembelajaran dan kejayaan pelaksanaan kurikulum di sekolah.

5.3.2 Kefahaman guru dalam membuat Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran

5.3.2.1 Beberapa prinsip dalam membangunkan RPP

Dalam menyusun RPP, guru harus memerhatikan beberapa prinsip dalam membangunkan RPP. Dapatan kajian menunjukkan guru SMKN 3 dalam membuat RPP masih mengalami masalah, masih belum memerhatikan prinsip dalam membangunkan RPP.

Pada SMK Negeri 3 Kota Banda Aceh, pembuatan RPP dilakukan setelah ada arahan dari pengetua sekolah. Dalam membuat RPP sesuai dengan Kurikulum 2013, guru masih belum betul-betul memahami cara membuatnya kerana masih ada guru yang belum mendapat latihan tentang cara membuat RPP yang sesuai dengan Kurikulum 2013.

5.3.2.2 Perkara-perkara keutamaan dalam membangun RPP

Kefahaman membuat RPP yang sesuai dengan Kurikulum 2013 merupakan langkah awal yang harus dimiliki guru untuk pencapaian tujuan pembelajaran. Oleh itu, dalam membangunkan RPP, guru harus memerhatikan perkara yang perlu diberikan keutamaan dalam membangunkan RPP. Dalam hal ini, guru belum memerhatikan perkara-perkara yang harus diperhatikan dalam membangunkan RPP seperti yang diharapkan. Hal ini kerana guru masih dalam proses penyelesaian dalam membuat RPP baru dan hanya mencontohi RPP yang sudah ada atau meminjam RPP dari sekolah lain.

Dalam membuat RPP, diharapkan guru tidak hanya memenuhi kewajipan pentadbiran, kepentingan portfolio, pensijilan guru dan lain-lain. Oleh itu, guru masih memerlukan bantuan dari pengawas, pengetua sekolah dan ketua jurusan untuk membuat RPP yang sesuai dengan Kurikulum 2013.

5.3.3 Kefahaman guru dalam menggunakan model pembelajaran

5.3.3.1 Tujuan menggunakan model pembelajaran

Penyelesaian untuk memperbaiki kelemahan kurikulum lama dan menyahut tentang Kurikulum 2013 adalah dengan mengajak guru untuk menggunakan model pembelajaran dalam proses pembelajaran. Guru mengetahui tujuan yang akan dicapai dengan menggunakan model pembelajaran tetapi sukar untuk menggunakan secara berterusan kerana memerlukan waktu yang lama dalam menyiapkan bahan yang diperlukan. Guru menyatakan bahawa mereka belum faham betul-betul tentang model pembelajaran secara keseluruhan dan hanya beberapa model pembelajaran sahaja yang pernah digunakan.

Kefahaman yang mendalam terhadap model pembelajaran akan meningkatkan keterampilan mengajar dan dapat mencapai tujuan pembelajaran yang optimum. Ternyata guru belum menggunakan model pembelajaran yang bervariasi, padahal penggunaan model pembelajaran yang bervariasi menjadi ciri-ciri dari Kurikulum 2013.

5.3.3.2 Model pembelajaran yang boleh digunakan berkaitan dengan pembelajaran PAKEM

Model pembelajaran dapat digunakan sesuai dengan bahan pembelajaran, guru dapat menggunakan model pembelajaran yang berkaitan dengan pembelajaran PAKEM.

Hasil kajian ini, guru-guru kurang faham tentang model pembelajaran yang berkaitan dengan pembelajaran PAKEM. Model pembelajaran langsung atau diskusi kelompok

adalah yang sering digunakan. Guru perlu mempunyai minat mempelajari cara menggunakan model pembelajaran yang pelbagai kerana dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 guru diharuskan menggunakan model pembelajaran. Penggunaan model pembelajaran berkaitan juga dengan kemudahan yang tersedia di sekolah. Oleh itu, guru berharap untuk dapat mengikuti latihan tentang model pembelajaran. Selain itu, dengan menggunakan model pembelajaran guru dapat membantu pelajar untuk mendapatkan informasi, idea, keterampilan, cara berfikir dan mengekspresikan diri sendiri. Pada waktu guru mengajar masih ada guru yang tidak menggunakan model pembelajaran walaupun di dalam RPP sudah tertulis model pembelajaran yang akan digunakan.

Secara khususnya, model pembelajaran ditujukan untuk membangunkan mental kognitif dan mengembangkan kemampuan berfikir. Guru menyedari bahawa dalam menggunakan model pembelajaran sangat membantu pelajar dalam pembelajaran tetapi guru belum menggunakan model pembelajaran secara berlanjutan ketika proses pembelajaran berlangsung.

Fungsi model pembelajaran adalah sebagai pedoman bagi guru dalam melaksanakan pembelajaran. Kemudahan setiap model pembelajaran harus disesuaikan dengan bahan dan kemudahan yang sedia ada. Guru sukar dalam menerapkan model pembelajaran kerana kemudahan untuk itu harus disediakan oleh guru dan kemudahan yang disediakan di sekolah masih terbatas.

5.3.4 Kefahaman guru dalam menggunakan media pembelajaran

5.3.4.1 Manfaat menggunakan media pembelajaran

Media pembelajaran sebagai salah satu sumber belajar yang dapat menyalurkan pesanan sehingga membantu mengatasi halangan dalam pembelajaran. Manfaat media pembelajaran sangat berpengaruh dalam pembelajaran. Guru dapat merasakan manfaat dari penggunaan media pembelajaran tetapi mendapat halangan untuk menyemak pada setiap tahun.

Dalam Kurikulum 2013, media pembelajaran seperti komputer riba sangat membantu guru dalam proses pembelajaran. Namun, guru masih jarang memanfaatkan kemudahan tersebut kerana masih ada guru yang tidak dapat menggunakan komputer riba. Selain itu, bagi guru yang sudah dapat menggunakan komputer riba mendapat halangan pada terbatasnya penyediaan projektor pada waktu pembelajaran berlangsung.

5.3.4.2 Faktor-faktor yang harus difahami guru dalam menggunakan media pembelajaran

Guru dapat menyediakan media pembelajaran sesuai dengan kemampuannya. Untuk membuat media pembelajaran sesuai dengan subjek, guru dapat memerhatikan faktor yang harus difahami dalam menggunakan media pembelajaran. Dalam menggunakan media pembelajaran, guru belum memerhatikan faktor-faktor yang harus dipertimbangkan. Guru masih menggunakan media pembelajaran yang disimpan dalam almari penyimpanan media pembelajaran dari tahun sebelumnya.

Media pembelajaran adalah sebagai salah satu sumber belajar yang dapat menyalurkan pesanan sehingga dapat membantu mengatasi halangan dalam pembelajaran. Guru mengalami halangan dalam menggunakan media seperti penyediaan mesin jahit berskala industri, kurangnya sarana dan prasarana menjadikan pelajar lemah dalam meningkatkan motivasi belajar.

Dalam merencanakan penyediaan media pembelajaran, guru harus melihat tujuan pembelajaran yang akan dicapai. Semua guru diharuskan menyediakan media pengajaran dalam proses belajar. Tugas membuat media pembelajaran sangat berat untuk dilaksanakan oleh guru kerana memerlukan banyak waktu dan kos yang tinggi.

5.3.5 Kefahaman guru dalam menyediakan modul pembelajaran

5.3.5.1 Tahap-tahap penulisan modul pembelajaran

Modul dapat membantu sekolah dalam mewujudkan mutu pendidikan yang berkualiti. Penggunaan modul dapat meningkatkan kegiatan belajar lebih terancang. Oleh itu, dalam membuat modul guru dapat memerhatikan tahap-tahap penulisan modul. Guru masih menggunakan modul yang lama yang dibuat pada kurikulum yang lalu. Selain itu, modul belum disemak sesuai dengan petunjuk teknik yang telah dirancang oleh DIKNAS.

Modul adalah sebuah buku ajar yang dibuat oleh guru yang bertujuan agar pelajar dapat belajar secara mandiri. Guru belum pernah mendapatkan latihan tentang cara

membuat modul. Bahkan, kurangnya kefahaman membuat guru enggan untuk membuat modul.

Guru mengatakan dalam membuat modul menjadi beban yang sangat berat. Meskipun demikian, mereka tetap harus membuat modul dan belum mengetahui tentang tahap-tahap dalam penulisan modul. Guru masih membuat sendiri modul pembelajaran dengan caranya sendiri. Keadaan seperti ini selalunya ada bimbingan dari pengetua sekolah atau pengawas sekolah.

Di samping itu, dengan membuat modul mampu membangunkan komunikasi pembelajaran yang efektif antara guru dengan pelajar. Guru menyedari sepenuhnya apabila dalam pembelajaran menggunakan modul, pelajar lebih bersemangat dalam belajar. Namun, guru belum mengetahui cara membuat modul sesuai dengan tatacara yang sebenarnya. Guru berharap untuk dapat mengikuti latihan tentang penulisan modul sehingga mereka dapat membuat modul dengan menggunakan ilustrasi yang menarik. Selama ini, ilustrasi belum dilakukan dan modul hanya dibuat dengan caranya sendiri.

5.3.5.2 Ciri-ciri yang dapat diperhatikan dalam mereka bentuk modul pembelajaran

Bagi pelajar, modul sangat bermanfaat juga untuk guru. Oleh itu, modul yang dibuat sebaiknya memerhatikan ciri-ciri dalam menulis sebuah modul. Dalam kajian ini, guru-guru sedang dalam proses membuat modul untuk Kurikulum 2013. Guru belum mengetahui ciri yang harus diperhatikan dalam membuat sebuah modul. Penggunaan

modul masih menggunakan modul yang sudah ada pada tahun sebelumnya. Modul yang sudah dibuat sangat bervariasi, guru juga meminta bantuan kepada ketua jurusan untuk membimbing dalam membuat modul.

Modul disusun berdasarkan reka bentuk yang telah ditetapkan dalam Rencana Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) yang telah disusun oleh guru. Dalam membuat modul guru sebaiknya membuat sendiri dengan memerhatikan ciri untuk mereka bentuk modul yang telah ditetapkan oleh jabatan Pendidikan Nasional Indonesia. Guru membuat modul dengan caranya sendiri dan yang pentingnya, modul sudah dibuat dengan mencontohi modul yang sudah ada.

5.4 Cadangan

5.4.1 Cadangan kepada guru

Kurikulum memberikan pedoman kepada guru untuk menyusun dan melaksanakan program pembelajaran. Gambaran tentang tingginya mutu pendidikan dapat juga diperhatikan dari kurikulum yang dilaksanakan. Dalam Kurikulum 2013, bentuk pembelajaran yang ideal iaitu pembelajaran pelajar aktif dan kritis. Oleh itu, hendaknya guru berperanan secara aktif iaitu guru tidak merasa berat dalam melaksanakan Kurikulum 2013.

Dari hasil kajian ini, dapat dilihat pelbagai masalah yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013. Hal ini menunjukkan guru belum mempunyai kefahaman yang luas tentang Kurikulum 2013 dalam pelaksanaannya. Oleh itu,

kepada guru haruslah berupaya untuk meningkatkan kefahaman dalam melaksanakan Kurikulum 2013 khususnya dalam membuat RPP menggunakan model pembelajaran, menggunakan media pembelajaran dan membuat modul pembelajaran.

Dalam proses pelaksanaan Kurikulum 2013, ramai guru mengatakan sokongan daripada pengetua sekolah. Guru harus menyedari bahawa sokongan guru itu sendiri merupakan faktor penentu yang paling memberikan sumbangan dalam strategi pembelajaran dan kejayaan pelaksanaan kurikulum di sekolah. Pengetua sekolah dapat meyakinkan guru bahawa dalam melaksanakan Kurikulum 2013 adalah merupakan kewajipan diri sendiri sebagai tugas dalam mengajar sehingga nantinya pelaksanaan Kurikulum 2013 tidak hanya dilaksanakan di kelas satu.

Dalam kefahaman membuat RPP, diharapkan guru dapat memperhatikan prinsip-prinsip dan perkara yang menjadi keutamaan dalam membangun RPP agar nantinya mendapat kefahaman yang jelas dan tidak hanya mencontohi RPP yang sudah ada. Guru hendaknya mendapat bimbingan daripada pengawas sekolah dan pengetua sekolah secara berterusan. Semua guru diharapkan untuk dapat mengikuti latihan dalam membuat RPP sesuai dengan Kurikulum 2013.

Dalam kefahaman menggunakan model pembelajaran, diharapkan kepada guru untuk menggunakan model pembelajaran yang bervariasi kerana model pembelajaran yang bervariasi adalah merupakan ciri dari Kurikulum 2013. Oleh itu, guru diharapkan mendapat kemudahan dari sekolah. Guru diharapkan dapat

mempelajari model pembelajaran berkaitan dengan pembelajaran PAKEM. Oleh itu, semua guru diharapkan mendapat latihan tentang model pembelajaran yang dapat dipraktikkan secara nyata.

Dalam kefahaman guru menggunakan media pembelajaran. Guru dapat merasakan manfaatnya dalam menggunakan media pembelajaran. Diharapkan media pembelajaran dapat disemak dan tidak lagi menggunakan media yang sudah lama. Penggunaan media elektronik seperti laptop dan infokus ditingkatkan dalam penggunaannya. Dalam penerapan media pembelajaran, guru diharapkan dapat memahami faktor yang harus dipertimbangkan sehingga guru dapat menyediakan sendiri media pembelajaran yang akan digunakan.

Dalam kefahaman guru membuat modul pembelajaran, guru diharapkan dapat memerhatikan tahap penulisan modul sehingga modul yang lama dapat disemak dan menggunakan ilustrasi yang menarik. Guru diharapkan dapat memerhatikan ciri untuk mereka bentuk modul agar guru dapat membuat modul dengan baik dan tidak lagi membuat modul dengan caranya sendiri serta mencontohi modul yang sudah ada. Oleh itu, guru diharapkan dapat diberikan latihan dalam membuat modul pembelajaran.

5.4.2 Cadangan kepada pengetua sekolah

Di SMKN 3 Kota Banda Aceh, Kurikulum 2013 sudah dilaksanakan. Dalam proses pelaksanaannya masih dikhkususkan hanya pada kelas satu sahaja. Oleh itu, bagi guru yang mengajar di kelas satu diwajibkan membuat RPP, menggunakan model

pembelajaran dan media pembelajaran serta membuat modul pembelajaran sesuai dengan Kurikulum 2013. Pengetua sekolah dituntut untuk lebih kreatif dalam pelaksanaan pembelajaran agar kualiti pendidikan adalah lebih baik. Oleh itu, pengetua sekolah menjadi kunci keberhasilan dalam proses pelaksanaan Kurikulum 2013. Pengetua sekolah diharapkan dapat memberi bimbingan secara terus menerus kepada guru bersama pengawas sekolah dalam pelaksanaan Kurikulum 2013.

Dalam proses pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMKN 3 Kota Banda Aceh, faktor yang mempengaruhi pelaksanaannya adalah sokongan dari pengetua sekolah. Guru tidak menyadari bahawa sokongan yang utama adalah dari dalam diri guru itu sendiri. Oleh itu, pengetua sekolah dapat memberi bimbingan bagi guru SMKN 3, bahawa sokongan guru itu sendiri merupakan faktor penentu yang paling memberikan sumbangan dalam strategi pembelajaran dan kejayaan pelaksanaan kurikulum di sekolah.

Kurikulum 2013 adalah merupakan kurikulum baru. Guru mengalami masalah dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 apabila diketahuinya pelbagai permasalahan dalam kajian ini, dan pengetua sekolah dapat berhubungan baik secara vertikal atau horizontal. Secara vertikal dapat berhubungan dengan Dinas Pendidikan Kota, Dinas pendidikan provinsi dan Jabatan Pendidikan tigkat Pusat. Pengetua sekolah dalam mengadakan perundingan yang diharapkan mendapat peluang dalam menyelenggarakan latihan-latihan untuk guru secara khusus dan terus menerus pada peningkatkan kefahaman guru dalam membuat RPP, menggunakan model

pembelajaran, menggunakan media pembelajaran dan membuat modul pembelajaran.

5.4.3 Cadangan kepada pengawas sekolah

Kurikulum berfungsi untuk mengembangkan kemampuan pelajar bersetujuan dengan keahlian dan didasarkan ke atas minat dan bakat mereka. Guru berfungsi sebagai pedoman dalam melaksanakan proses pembelajaran. Bagi pengetua sekolah, kurikulum berfungsi untuk menyusun perancangan dan program sekolah. Bagi pengawas kurikulum akan berfungsi sebagai panduan dan melaksanakan pengawasan. Oleh itu, pengawas sekolah dan pengetua sekolah diharapkan dapat bekerja sama dalam melaksanakan Kurikulum 2013.

Dalam kurikulum sebelumnya, guru adalah sebagai “instructor” atau selalu memberi perintah kepada pelajar dan dianggap orang yang serba mengetahui segala-galanya. Namun, setelah adanya Kurikulum 2013, pelajar adalah sebagai subjek didik. Pelajar lebih dominan dalam proses pembelajaran. Keadaan ini mengharuskan pengawas sekolah untuk selalu membimbing guru dalam kefahamannya terhadap Kurikulum 2013.

Dalam pelaksanaan Kurikulum 2013, didasarkan kepada suatu pandangan bahawa pelajar mempunyai potensi untuk berkembang dan berfikir kendiri. Satu daripada ciri pembelajaran efektif adalah dengan mengembangkan pemikiran bahawa anak-anak akan belajar lebih bermakna dengan cara bekerja sendiri, menemukan diri sendiri dan membina diri sendiri untuk menjadi lebih berkemampuan dan berketerampilan

baru. Oleh yang demikian, berat beban seorang guru dalam melaksanakan Kurikulum 2013. Justeru, diharapkan kepada pengawas supaya dapat membimbing guru secara terus menerus untuk meningkatkan kefahaman guru dalam membuat RPP, menggunakan model pembelajaran, dan media pembelajaran serta membuat modul pembelajaran.

5.4.4 Cadangan kepada sekolah

Guru dituntut untuk lebih kreatif dalam melaksanakan pembelajaran dalam Kurikulum 2013. Dalam proses pelaksanaan Kurikulum 2013, sekolah sebagai institusi yang di dalamnya terdapat ramai guru yang sangat penting dalam meningkatkan kefahaman guru pada pelaksanaan Kurikulum 2013. Sekolah selalunya dapat memberi kemudahan untuk guru dengan menyediakan biaya dalam penyediaan kemudahan untuk guru.

Sekolah sudah seharusnya dapat memenuhi pelbagai keperluan yang diinginkan guru dalam membuat RPP, menggunakan model pembelajaran, menggunakan media pembelajaran dan membuat modul. Guru banyak memerlukan sarana dan prasarana . Selain itu, dengan adanya kajian ini , hendaknya terasa tergugat untuk dapat memenuhi keperluan tersebut. Kurangnya sarana dan prasarana seperti dapatan dalam kajian ini tentunya akan menghalang keberhasilan pelaksanaan Kurikulum 2013.

5.4.5 Cadangan kepada kerajaan

Kurikulum 2013 merupakan kurikulum perubahan, tentang pada masa depan yang semakin canggih, kompleks dan menuntut respons perubahan. Respons yang berupa perubahan kurikulum merupakan langkah strategik yang dapat ditempuh kerajaan sebagai amanat undang-undang, perubahan kurikulum akan tetap diteruskan dan tetap diterapkan kerana perubahan kurikulum adalah domain kerajaan.

Perkara dasar yang perlu dilakukan oleh kerajaan dalam bidang pendidikan terutamanya di peringkat pelaksanaan adalah mempersiapkan guru-guru terhadap pelaksanaan Kurikulum 2013 dengan kebijakan sikap terbuka dan mengikuti peningkatan dan kemajuan yang diperlukan. Dalam pelaksanaan Kurikulum 2013, kerajaan harus mempersiapkan guru dengan model operasional yang baru. Selain itu, pengurus sekolah harus menyiapkan pelbagai alatan sistem untuk itu.

Guru-guru sebagai sumber tenaga manusia yang mengelola pendidikan, kerajaan harus memberi latihan, bengkel dan pembinaan serta bimbingan untuk Kurikulum 2013. Latihan yang sangat diperlukan adalah tentang kefahaman guru dalam membuat RPP, model pembelajaran, media pembelajaran dan membuat modul pembelajaran. Kerajaan perlu mensosialisasikan Kurikulum 2013 secara sistimatik dan berterusan kepada pemangku kepentingan sampai ke peringkat bawahan.

Dengan demikian, kerajaan bertanggungjawab ke atas proses dan keberhasilan pendidikan dalam pelaksanaan Kurikulum 2013. Berdasarkan dapatan kajian ini, diharapkan kerajaan dapat melihat dalam institusi terhadap kefahaman guru dalam

Kurikulum 2013. Dengan mengetahui permasalahan ini juga dapat dikeluarkan dasar yang dapat membantu penyelesaian masalah tersebut sehingga dapat memberi sokongan intitusi untuk meningkatkan kefahaman guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013.

Masalah kefahaman guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 menjadi salah satu masalah yang dapat diberi keutamaan dalam melatih guru sehingga nantinya masalah proses pelaksanaan Kurikulum 2013 dapat berjaya. Kefahaman guru dalam membuat RPP, menggunakan model pembelajaran, menggunakan media pembelajaran dan modul pembelajaran dapat dipertingkatkan. Semua ini agar guru dapat melaksanakan tugas dengan baik dan dapat meningkatkan kualiti pendidikan khususnya di SMKN 3 Kota Banda Aceh.

5.4.6 Cadangan kajian yang akan datang

Kajian ini hanya mengambil kira responden di SMKN 3 Kota Banda Aceh sahaja disebabkan kos dan masa yang terhad. Hasil kajian mendapati bahawa kefahaman guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 masih diperlukan latihan terutamanya dalam membuat RPP, menggunakan modul pembelajaran, menggunakan media pembelajaran dan membina modul pembelajaran. Oleh itu, kajian yang seterusnya diharapkan dapat melibatkan responden kajian di pelbagai bandar di SMKN di Aceh, bagi mengetahui lebih mendalam kefahaman guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013. Kajian ini mempersempahkan kepada khalayak akan dapatan kajian ini bahawa melalui proses pelaksanaan kurikulum baru 2013, konteks budaya pengajaran dapat meningkatkan kualiti pembelajaran khususnya di Indonesia.

Kajian ini hanya menganalisis kandungan proses pelaksanaan Kurikulum 2013 di SMKN 3 Kota Banda Aceh. Selain itu, kefahaman guru dalam membuat rancangan pembelajaran, menggunakan model pembelajaran, menggunakan media pembelajaran dan membuat modul pembelajaran perlu dianalisis. Oleh itu, kajian ini perlu dilanjutkan pada SMKN yang ada di daerah yang lebih luas iaitu SMKN yang ada di seluruh Aceh.

Selain itu, pengkaji mencadangkan agar dijalankan penyelidikan lanjutan dengan melibatkan pihak berkepentingan lain seperti Jabatan Pendidikan Kota Banda Aceh dan jabatan pendidikan propinsi Aceh sebagai responden agar dapatan kajian tidak berat sebelah. Oleh itu, pengkaji lain perlu membuat kajian yang sama pada kawasan lain seperti di tanah besar di kawasan Provinsi Aceh Indonesia.

5.5 Ringkasan

Bab lima ini menghuraikan mengenai kesimpulan, perbincangan dan cadangan. Kesimpulan dan perbincangan kajian ini berkait erat yang diperolehi daripada dapatan kajian bab sebelumnya. Kefahaman guru dalam pelaksanaan Kurikulum 2013 ternyata adalah kerana kurangnya latihan tentang Kurikulum 2013 untuk guru. Guru sukar membuat RPP dengan menggunakan model pembelajaran, menggunakan media pembelajaran dan membuat modul pembelajaran. Adapun usaha untuk dapat memberikan keberhasilan yang maksimum dalam pelaksanaan Kurikulum 2013, guru perlu diberikan bimbingan secara berterusan bagi melaksanakan Kurikulum 2013 dengan baik dan berkesan.

RUJUKAN

- Abas, I. (2007). Peranan guru membina murid menghadapi cabaran wawasan 2020. *Jurnal Penyelidikan Institut Perguruan Islam*, 10. 82-89.
- Abdul, Fatah Hassan. (2014). *Pengenalan falsafah pendidikan*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman. (2003). *Falsafah pendidikan dan kurikulum*. Quantum Books Peti Surat 55, 35900 Tanjung Malim.
- Ahmad, Sudrajat. (2008). *Pengertian kurikulum tersedia*. <http://ahmadsudrajat.wordpress.com/2008/01/31/Teori%20pendidikan%20dan%20http://kurikulum> (22-feb 2010).
